



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 21)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-undang Perbekalan 2007 <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual</u> Maksud B.62	(Halaman 22)
- Rang Undang-undang Kewangan 2006	(Halaman 74)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2007 <u>Jawatankuasa:</u> Maksud P.62	(Halaman 22)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. “ Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) - UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP

26. Yang Berhormat Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB

64. Yang Berhormat Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keterah) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

-
102. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaedi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Norhasani binti Yaacob

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 7 Disember 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah keberkesanan program Belia Benci Dadah. Apakah program-program lain yang sedang dan akan diadakan untuk golongan belia bagi mencegah mereka terlibat dalam pelbagai gejala sosial.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Program Belia Benci Dadah bertujuan menyedarkan segenap lapisan masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan usaha menentanginya adalah tanggungjawab semua, khususnya golongan belia serta memberi maklumat tentang kesan penyalahgunaan dadah. Ia merupakan program bagi menyokong saranan kerajaan yang mahu memerangi gejala dadah di negara ini.

Oleh itu, dengan adanya program Belia Benci Dadah ini keberkesananannya adalah baik di mana belia-belie negara khususnya, masyarakat sekeliling umumnya, telah mendapat pendedahan akan bahayanya gejala dadah dalam kehidupan. Penyalahgunaan dadah bukan sahaja membahayakan diri sendiri malah keluarga dan orang di sekeliling mereka. Kesedaran betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh setiap individu mahupun sesuatu organisasi turut dinyatakan dalam program ini. Golongan belia di peringkat IPTA dan IPTS juga tidak terkecuali memainkan peranan mereka melalui kempen "Anda Pilih Bahagia Atau Sengsara" melalui sekretariat Rakan Muda IPT masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai aktiviti dan program telah dirancang, sedang dan akan dilaksanakan bagi mencegah golongan belia terlibat dalam pelbagai gejala sosial. Aktiviti atau program ini sama ada berbentuk aktiviti sukan dan kecergasan, program-program Rakan Muda mahupun program-program belia seperti seminar, forum, aktiviti kemasyarakatan dan kursus, program pertukaran belia dan sebagainya, semuanya akan kita masukkan kempen Belia Benci Dadah. Peranan pertubuhan-pertubuhan belia dan organisasi ini sentiasa membawa mesej Belia Benci Dadah ke dalam pelaksanaan program-program belia sama ada di peringkat kebangsaan, negeri mahupun daerah.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merasakan bahawa adalah tugas yang amat berat untuk Kementerian sendiri turun padang untuk mencari golongan sasaran. Saya ingin bertanya, adakah Kementerian bercadang untuk membuat satu *outreach program*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengguna pakai NGO-NGO untuk turun ke peringkat akar umbi dan yang keduanya, adakah Kementerian mempunyai satu statistik di kalangan penghuni pusat serenti berapakah yang dalam umur belia dan berapakah kes berulang. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ampang telah pun menimbulkan satu soalan yang baik di mana *outreach program* adalah amat penting untuk kita mendapatkan kumpulan sasaran. Kementerian Belia dan Sukan memang mempunyai *outreach program*nya yang tersendiri dan kita juga telah menggunakan 'peta belia' (*youth map*) untuk mengesan dan juga memastikan program kita

lebih fokus terhadap kawasan-kawasan yang tertentu. Melalui 'peta belia' ini kita dapat tahu kawasan hitam/putih di kawasan mana yang mempunyai belia yang tinggi dalam penglibatan penyalahgunaan dadah. Oleh itu kita dapat memastikan aktiviti kita lebih fokus kepada kawasan tersebut.

Berhubung dengan statistik belia yang terlibat dalam gejala sosial ini, Kementerian Belia dan Sukan telah pun mewujudkan Indeks Belia Malaysia. Melalui IPPDN kita telah pun membuat satu tinjauan dan mendapati 98.2% belia tidak melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Hanya 1.8 % sahaja yang terlibat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menyanjung tinggi peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi Majlis Belia Malaysia yang memayungi lebih kurang 36 pertubuhan-pertubuhan belia di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kementerian menyalurkan peruntukan tersebut adalah begitu bermakna sekali bagi kami untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti pembanterasannya dadah di kalangan warga belia di negara kita. Peratusannya pada hari ini, statistiknya menyatakan lapan daripada 10 penagih dadah terjebak dengan dadah ini ketika di umur belia.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah fokus kementerian kepada pelajar-pelajar IPTS dan IPTA pada kami warga belia adalah merupakan golongan yang berisiko rendah. Adakah kementerian bercadang untuk menggunakan - tidak payah buat *map* belia lagi, gunakan *map* yang telah ada di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menggerakkan kegiatan-kegiatan pembanterasannya dadah di kalangan pertubuhan belia di kawasan-kawasan hitam yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Hal Ehwal Keselamatan Dalam Negeri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kementerian memang ada memberi peruntukan kepada Majlis Belia Malaysia untuk diagih-agihkan kepada persatuan belia untuk menganjurkan kempen Anti Dadah ataupun kempen Belia Benci Dadah. Kita juga mempunyai program yang sama di peringkat IPTA dan IPTS iaitu memberi peruntukan lebih kurang RM1.5 juta kepada semua IPTA dan IPTS bagi menggalakkan pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswi dapat turun ke padang untuk menjalankan aktiviti kempen Belia Benci Dadah dan juga aktiviti-aktiviti yang dapat mengelakkan belia kita dari terjerumus dalam penyalahgunaan dadah ini.

Memang kita juga bekerjasama dengan agensi-agensi yang sedia ada seperti AADK, PEMADAM dan juga pihak polis. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kerjasama pihak kementerian dengan pihak polis adalah baik dan bersama-sama kita juga telah mendapat banyak maklumat berhubung dengan belia yang terlibat dengan dadah ini.

2. Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan satu institusi latihan bagi anggota Rukun Tetangga untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme dan mutu pentadbiran Rukun Tetangga di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah menubuhkan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIM) pada awal tahun 2005 setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 15 Disember 2004 dengan geran pelancaran berjumlah RM2 juta.

Antara fungsi utama IKLIM ialah melatih 85,000 orang ahli Rukun Tetangga untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme dan mutu pentadbiran Rukun Tetangga dan setakat ini seramai 322 orang ahli Rukun Tetangga dan kebanyakannya ialah Ahli Exco Rukun Tetangga telah dilatih. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kerana pihak kementerian telah menubuhkan IKLIM demi untuk melengkapi anggota RT dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedia maklum Rukun Tetangga kini menjalankan berbagai-bagai aktiviti kemasyarakatan dan fokus utama ialah untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum dan semenjak kebelakangan ini banyak Rukun Tetangga selain daripada melaksanakan program-program kemasyarakatan, ia turut melibatkan diri dalam rondaan bersama dengan polis dan juga RELA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Soalan saya ialah adakah anggota-anggota Rukun Tetangga yang menjalankan tugas rondaan bersama dengan pihak polis adakah mereka dilindungi dengan apa-apa juga skim insurans sekiranya berlaku kemalangan yang tidak diingini. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, kita baru saya membuat perjanjian dengan sebuah syarikat insurans untuk memberi insurans kepada semua ahli anggota yang melibatkan diri dalam skim rondaan sukarela. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan hadirin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah Yang Berhormat. Itu tanggungjawab sayalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita kadang rasa bimbang, Tuan Yang di-Pertua. Rasa bimbang, rasa kecewa, rakyat negara ini nampaknya daya saingnya Tuan Yang di-Pertua, daya saing kita amat meragukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi ramai Ahli Yang Berhormat bangun. Saya pilih Yang Berhormat tetapi saya yakin Yang Berhormat lebih bijak ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak buat mukadimah ini supaya Timbalan Menteri dapat menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini menteri pun ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa yang hendak disampaikan ini memberi kebaikan kepada rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Kita punya daya saing amat membimbangkan. Kita ada mahasiswa Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadang-kadang kualitinya rendah. Kita ada Proton Tuan Yang di-Pertua, rugi dan menyusahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita ada MAS, Tuan Yang di-Pertua, kira rugi dan menyusahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang, ini Rukun Tetangga bukan MITI punya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya, bukan soal Rukun Tetangga tetapi dari segi menaikkan semangat, semangat kita Tuan Yang di-Pertua. Kita ada sukan Tuan Yang di-Pertua, bola sepak, kalah Tuan Yang di-Pertua. *[Di sorak] [Dewan riuh]* Semangat juang di Doha ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada pasukan badminton...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita ada badminton pasukan beregu, kalah Tuan Yang di-Pertua. Daya saing pemain kita ...,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading saya tegur sedikit...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas ini hari ini kalau Yang Berhormat tidak diberi peluang untuk berucap, jangan salahkan Speaker.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah, saya hendak menyampaikan Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kerajaan dapat berusaha untuk meningkatkan daya saing rakyat supaya apabila ada semangat juang, semangat yang tinggi, cergas, cerdas dia akan memberikan keuntungan kepada rakyat dan negara dalam semua lapangan kita meningkat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini saya hendak sampaikan soalan, Tuan Yang di-Pertua. Janganlah Tuan Yang di-Pertua hukum saya, *warning* saya tidak bagi soalan, macam ini matilah saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu bukan tujuan tetapi terpaksa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Astaghfirullah halazim, Tuan Yang di-Pertua. Itulah, macam mana? Pendekkan sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana kita, kerajaanlah berusaha untuk meningkatkan daya saing, semangat kecergasan, semangat inginkan kejayaan, ingin maju rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, yang lain banyak yang maju dan cergas tetapi ada rakyat yang membuat negara kita tak sampai ke mana-mana Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ingat ya, saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua punya arahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen tidak perlu jawab.

3. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta Menteri Kerja Raya menyatakan perkembangan yang telah diambil untuk membaiki pulih jalan lama Tuaran dari Simpang Sepanggar ke Berungis dan sama ada kementerian mempunyai rancangan untuk meneruskan projek ini hingga ke Pekan Inanam. Apakah Jalan Telipok-Kiulu yang rosak teruk akibat tanah runtuh sejak bencana alam pada 17 Julai 2005 sudah ada dalam rancangan kementerian untuk membaiki pulih jalan ini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja membaiki pulih jalan lama Tuaran dari simpang Sepanggar ke Berungis dan dari Menggatal ke Inanam telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan anggaran kos sebanyak RM10 juta. Kerja-kerja untuk membaiki pulih jalan dari simpang Sepanggar ke Berungis pula telah dilaksanakan semenjak Mei 2006 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja untuk membaiki pulih jalan dari Menggatal ke Pekan Inanam sedang peringkat reka bentuk. Tender dijangka akan dipelawa pada bulan Februari 2007, sementara pembinaan dijangka bermula pada bulan Jun 2007 dan dijangka mengambil masa selama enam bulan untuk disiapkan.

Bagi kerja-kerja membaiki pulih kerosakan jalan raya akibat tanah runtuh di jalan Telipok-Kiulu, pihak JKR Sabah sedang menunggu peruntukan daripada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya untuk memastikan jalan tersebut sentiasa selamat untuk dilalui.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Seri. Memang kita faham bahawa jalan dari simpang Sepanggar ke Berungis ini sedang diperbaiki. Saya difahamkan bahawa batu-batu yang akan mereka guna adalah batu kitar semula. Ertinya mereka akan ambil batu yang ada di jalan-jalan raya ini kemudian kitar semula dan gunakan itu batu untuk pembinaan jalan ini.

Saya mohon pertanyaan di sini sama ada batu-batu kitar semula ini boleh memberi jaminan untuk ketahanan jalan raya yang sedang dibina ini dan seterusnya saya difahamkan bahawa bila sahaja kita mohon bantuan untuk membaiki pulih ataupun yang kerosakan jalan-jalan khususnya jalan JKR negeri, jawapan dari pihak berkenaan ialah mereka tidak mempunyai jentera untuk membaiki pulih. Adakah cadangan kerajaan untuk *reactivated the plant hire bases* dengan izin. Sekian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi, kerja-kerja sedang dijalankan. Yang Berhormat telah bangkit berkenaan dengan penggunaan batu-batu yang lain daripada apa yang digunakan biasanya. Ini saya kena siasat, saya tidak dapat apa-apa laporan berkenaan dengan itu. Jadi berkenaan dengan perkara-perkara yang lain, saya minta masa untuk menyiasat dan saya kembali kepada Yang Berhormat untuk menjawab.

4. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kerajaan merancang untuk mewujudkan satu unit kaunseling di setiap kawasan Parlimen untuk mengawal dan memberi kaunseling kepada golongan belia memandangkan kes-kes belia melibatkan penggunaan dadah telah giat bertambah.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih, Yang Berhormat. Pada umumnya program kaunseling adalah satu program yang amat baik. Terdapat banyak bidang kaunseling yang boleh diberikan kepada para belia. Antaranya bidang kaunseling adalah berkaitan dengan kerjaya, psikologi, salah guna dadah, persahabatan, perkahwinan dan sebagainya. Buat masa ini, negara kita tidak mempunyai pakar kaunseling bertauliah yang mencukupi dalam bidang salah guna dadah. Oleh itu, cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan unit kaunseling di setiap kawasan Parlimen pada masa ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat tetapi pada masa jangka panjang, memang kita akan usahakan.

Kerajaan perlu melatih lebih ramai untuk menjadi kaunselor bertauliah dalam bidang salah guna dadah bagi memberi perkhidmatan kaunseling. Sementara menanti jumlah kaunselor bidang ini dikeluarkan dengan mencukupi, kementerian bercadang dan berpandangan bahawa langkah alternatif yang boleh digunakan sekarang oleh kerajaan adalah mewujudkan perkhidmatan kaunseling *online* atau tele-kaunseling. Sekian.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Timbalan Menteri atas jawapan. Dalam pandangan saya, mungkin program-program yang disediakan sekarang oleh kerajaan untuk belia-belia kita kurang menarik kepada mereka dan mengakibatkan sebahagiannya tersesat atau *stray* ke aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah. Saya ingin tahu sejauh manakah kerajaan telah mengundang atau *invite* dengan izin, maklum balas atau input daripada badan-badan belia untuk mencipta program-program yang lebih menarik kepada golongan belia. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tawau. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dan MBM (Majlis Belia Malaysia) sentiasa bekerjasama dan mendapat maklum balas yang terus daripada persatuan-persatuan belia. Selain daripada maklum balas daripada persatuan belia, kementerian juga mendapat maklum balas daripada banyak agensi-agensi kerajaan yang lain. Kerjasama dan inisiatif yang ditunjukkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain seperti penubuhan Rakan Muda, Jiran Muda di bawah Jawatankuasa Rukun Tetangga turut membantu di dalam menangani gejala dadah di kalangan belia. Pelantikan penasihat Jiran Muda dibuat bagi mereka yang berminat bekerja dengan golongan belia yang boleh memberi tunjuk ajar untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti. Selain daripada itu, saya rasa jabatan lain seperti Jabatan Perpaduan Negara juga mempunyai aktiviti-aktiviti yang tersendiri.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sudah dapati banyak jawapan-jawapan yang dibuat dalam Parlimen menjanjikan sesuatu. Kaunseling dijawab, mereka tidak ada pakar kaunseling, tidak ada, janji untuk masa depan. Saya mahu tahu bila masa depan? 2007? 2020? Atau bila? Kerana kita tidak mahu janji tinggal janji sahaja. Kerana di daerah Tawau Tuan Yang di-Pertua, kita nampak banyak budak-budak dan orang-orang yang tidak bekerja berkeliaran hingga ke tengah malam. Kita mahu tahu juga adakah pihak kementerian bekerjasama dengan 'Kementerian Kebajikan', polis dan lain-lain agensi untuk memastikan bahawa tidak ada orang-orang yang tidak bekerja berkeliaran hingga tengah malam. Mungkin satu program dibuat untuk mengatasi masalah ini. Adakah program dibuat untuk bekerjasama? Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kalabakan. Kita memang ada merancang untuk mengadakan unit kaunseling ini. Untuk makluman Yang Berhormat, memang bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga kerana kementerian lain juga mempunyai kaunselor dan kerjasama ini adalah penting. Di samping itu, memang dari segi bilangan kaunseling yang tidak mencukupi, kementerian akan berusaha untuk memastikan kita dapat mengisinya di peringkat pusat dahulu, di peringkat ibu pejabat sebelum dapat ke kawasan-kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mendapat soalan berkenaan belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh nantilah, masa tidak cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Pasal hari ini belia ramai dan saya nampak tidak ada jawapan mengenai dengan belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, baik Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

5. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya] minta Menteri Pertahanan menyatakan dengan lebih jelas mengenai ciri-ciri "Cepat Baca Quran" (CBQ) yang diperkenalkan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Sejauh manakah keberkesanan kaedah CBQ ini dapat membolehkan orang ramai termasuk murid-murid sekolah khususnya dapat membaca kitab al-Quran dalam tempoh 18 jam.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Terima kasih atas soalan ini. Kaedah "Cepat Baca Quran" ataupun kaedah CBQ yang diperkenalkan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) pada asasnya dibangunkan untuk menangani masalah buta al-Quran di kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia sahaja. Di peringkat permulaan pelaksanaan kaedah ini menjadikan anggota tentera yang buta al-Quran sebagai kumpulan sasaran dan telah menampakkan keberkesanannya. Namun begitu, produk ini boleh diguna pakai oleh ramai termasuk murid-murid sekolah. Bagi tujuan tersebut, pihak-pihak yang berkenaan terutamanya jurulatih yang pakar perlu disediakan terlebih dahulu untuk mengajar kumpulan sasaran. Dalam hal ini, KAGAT bersedia untuk melatih dan membimbing jurulatih dari mana-mana kementerian dan agensi berkenaan. Ini tawaran dalam pendekatan CBQ. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menyambut baik usaha yang telah dilakukan oleh KAGAT. Dalam hal ini, saya ingin melihat perancangan salah satu tujuan angkatan tentera ialah untuk merapatkan diri dengan masyarakat umum yang mana saya percaya melalui program CBQ ini, kalau dapat dilaksanakan iaitu Kor Agama dapat pergi melatih angkatan-angkatan tentera untuk pergi kepada rakyat atau masyarakat umum dan menyampaikan pengajaran al-Quran ini kepada masyarakat umum secara tidak langsung

akan dapat merapatkan hubungan antara angkatan tentera dan masyarakat umum. Adakah perancangan ini akan dilakukan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Dalam jawapan saya, saya telah menyarankan bahawa kerjasama dalam bentuk begini hendaklah bermula dengan persetujuan dan gandingan persefahaman antara Kor Agama dan badan-badan yang lain. Sebab dalam masalah agama ini, kita tahu ada kementerian yang bertanggungjawab, ada jabatan yang bertanggungjawab dan ada agensi kerajaan lain yang bertanggungjawab. Oleh sebab itu KAGAT telah bersedia untuk melatih dan membimbing jurulatih dari mana-mana kementerian dan agensi berkenaan.

Kementerian Pertahanan khasnya anggota angkatan tentera saban tahun menjalankan pendekatan dengan rakyat ini dalam kita kata operasi jiwa murni. Yang semalam telah dibangkitkan dalam Dewan ini dan bagaimana kerjasama ini boleh dijalankan. Saya percaya bahawa tawaran yang telah saya sebut ini boleh kita jalankan.

Kita sendiri telah melatih kaedah dan pegawai-pegawai Kor Agama ini sudah 30 orang daripada 60 orang setelah kita latih mereka untuk menjalankan proses CBQ ini. Apabila kita melatih yang 60 orang ini, kita hanya dapat ambil 30 orang yang pihak Kor Agama anggap yang berkebolehan, yang sesuai dan boleh mengimplementasikan Sistem CBQ ini. CBQ ini bukan satu proses yang senang, tetapi tidak juga proses yang memberatkan. Cuma dia mestilah memahami keadaan-keadaan dan kaedah-kaedah yang dihendaki, yang diasaskan atau yang digaris pandu oleh Kor Agama supaya kita dapat mencapai daripada buta al-Quran boleh kenal huruf dan membaca, saya ingat dalam tempoh 18 jam ke 20 jam. Insya-Allah, kalau ada kerjasama daripada pihak-pihak lain atas tawaran yang diberi ini, Kor Agama akan beri kerjasama ini untuk menjayakan program ini.

Kita mahu melihat dalam perancangan KAGAT di dalam Kementerian Pertahanan, khasnya Angkatan Tentera Malaysia. Kita mahu melihat pendekatan ini dilakukan kepada anak-anak sekolah di bawah di mana sekolah-sekolah lebih kurang 37 atau 38 sekolah di kem-kem Angkatan Tentera Malaysia kita gunakan pendekatan ini dan kalau dapat kerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan guru-guru dan pengetua sekolah untuk pendekatan CBQ. Kita juga akan menarik dan memberi arahan supaya mana-mana anggota tentera yang kita kata "buta" ini agak kasar sedikit, kita kata tidak berapa kenal, tidak mahir, jadi kita menarik mereka untuk mereka mahir, kenal dan boleh membaca dalam tempoh yang singkat.

Insya-Allah, kementerian sendiri berharap bahawa anggota tentera kita apabila masuk terdapat mereka tidak boleh membaca al-Quran, tidak kenal al-Quran dan kita telah membuat pendekatan ini kepada semua *new recruit*, kita buat CBQ ini tetapi yang sudah lama, kita bawa mereka untuk terus membaca. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tahniah kepada angkatan tentera yang telah mempelopori CBQ ini. Soalan tambahan saya, berapa banyak pakar, jurulatih ataupun pakar CBQ ini di kalangan wanita di dalam angkatan tentera dan adakah implementasi CBQ ini juga dikenakan kepada isteri-isteri angkatan tentera dan adakah kokurikulum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Banyak, satu cukup.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Kokurikulum dikenakan kepada pelajar-pelajar yang merupakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: ...anak-anak pegawai tentera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih setengah jam pun tidak boleh habis jawapan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, apa pun yang dijalankan di dalam angkatan tentera ini pada amnya dia bukan sahaja melibatkan kepentingan anggota yang bertugas atau berkhidmat, ia akan turun ke bawah

kepada isteri dalam BAKAT dan turun kepada anak-anak. Saya telah katakan tadi terdapat 37 buah sekolah rendah dan satu sekolah menengah dalam kem-kem angkatan tentera yang telah dipersefahamkan oleh Kementerian Pelajaran untuk kita mengelola dan menjalankan aktiviti serta penyelenggaraannya.

Oleh sebab itu di sekolah juga kita akan jalankan untuk anak-anak sekolah. Di dalam kem di mana yang bertugas, kita akan ambil mana yang tertinggal. Yang baru direkrut, kita secepat mungkin bawa terus pendekatan ini. Isteri-isteri mereka melalui KAGAT iaitu Kumpulan Isteri-isteri Tentera ini akan diberi pendekatan ini, insya-Allah. Harapan kita, kita tidak akan meninggalkan keluarga angkatan tentera dalam proses pendekatan kita.

Ada lima orang wanita KAGAT yang dilatih kerana yang ada dalam anggota angkatan tentera yang bertugas dalam KAGAT ini kemungkinan menjadi pentadbir ataupun menjadi guru. Lelaki juga boleh menjadi guru, perempuan juga boleh menjadi guru tetapi jawatan banyak yang ada imam dan bilal. Jadi kita tidak boleh ambil wanita untuk jadi imam, tidak boleh ambil wanita untuk jadi bilal. Jadi dengan itulah yang ada kekurangan ini. Bukan kita hendak meninggalkan kemampuan dan kebolehan wanita di dalam angkatan tentera, khasnya dalam KAGAT. Terima kasih.

6. Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian bercadang untuk membantu graduan menganggur menceburi bidang pelancongan terutamanya sebagai pemandu pelancong; dan
- (b) apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan kos mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong yang dikenakan oleh institusi-institusi yang diiktiraf oleh kementerian.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan (a), dalam usaha untuk menggalakkan graduan menganggur mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong, Kementerian Pelancongan telah mengadakan beberapa siri ceramah kepada graduan-graduan Institut Pengajian Tinggi Awam untuk mereka mengikuti Kursus Asas Pemandu Pelancong.

Sempena Persidangan OIC 2003 di Kuala Lumpur, pihak Kementerian Pelancongan telah menaja graduan-graduan yang menganggur yang mahir berbahasa Arab di bawah Program Skim Sangkutan Latihan. Penajaan ini adalah bertujuan untuk menampung kekurangan pemandu pelancong bahasa Arab semasa persidangan tersebut. Kementerian Pelancongan sedia menaja mana-mana graduan yang berminat untuk menjadi pemandu pelancong mengikut kursus-kursus bahasa asing seperti Rusia, Jerman, Itali, Jepun, Korea dan lain-lain.

Jawapan untuk soalan (b), yuran Kursus Asas Pemandu Pelancong adalah ditentukan oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) mengikut tahap-tahap kemudahan yang diberikan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan sering memantau jumlah bayaran yang dikenakan oleh Institut Latihan Pelancongan yang menawarkan kursus ini. Bayaran dikenakan adalah meliputi semua modul termasuk bayaran peperiksaan di peringkat kebangsaan yang dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan.

Selain itu, Kementerian Pelancongan juga menanggung sebahagian daripada yuran Kursus Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi Setempat. Kursus tersebut dianjurkan dengan usaha sama Kementerian Pelancongan dan Jabatan PERHILITAN bagi Semenanjung Malaysia. Manakala bagi Sabah dan Sarawak dikendalikan oleh Institut Latihan Pelancongan. Kementerian Pelancongan juga sedang mengambil langkah-langkah berbincang dengan beberapa IPTA dan IPTS untuk mengadakan Kursus Asas Pemandu Pelancong dengan harapan kos kursus tersebut dapat dikurangkan kepada tahap yang sesuai dan meningkatkan kualiti kursus bagi membolehkan graduan-graduan yang menganggur mengikutinya. Sekian.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, kita secara rasminya akan menyambut pelancong-pelancong datang ke Malaysia lebih kurang 20 hari lagi daripada sekarang. Sedarkah Yang Berhormat bahawa kualiti pemandu pelancong di negara ini jika dibandingkan dengan pemandu-pemandu pelancong di negara-negara jiran kita adalah jauh lebih rendah memandangkan pengalaman serta pengetahuan yang cetek dari segi tempat-tempat pelancongan menarik di negara ini.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, pernahkah kementerian membuat semakan atau kajian mengenai berapakah purata pendapatan pemandu-pemandu pelancong ini sebulan, dan apakah usaha untuk meningkatkan pendapatan mereka supaya kerjaya ini satu kerjaya yang dibanggakan seperti di negara-negara yang lain, di mana para graduan betul-betul berminat menjadikannya satu kerjaya yang cukup berjaya kepada mereka.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha kementerian untuk memberi lebih banyak kesedaran kepada rakyat negara ini dan negara luar berkenaan dengan keindahan tempat-tempat pelancongan di negara, misalnya memberi kerjasama dengan media masa. Kalau media ada bidang-bidang ekonomi, jenayah, politik dan sebagainya, ada atau tidak kerjasama dengan media bagi mewujudkan bidang pelancongan satu ruang yang khas dalam akhbar-akhbar berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat atas pandangan Yang Berhormat. Memang kita ada buat kajian tentang tahap atau kebolehan pemandu pelancong kita. Kalau hendak banding, memang saya difahamkan bahawa pemandu pelancong Malaysia memang ada banyak kelebihan seperti boleh bertutur dalam pelbagai bahasa, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Malaysia. Memang kita tahu pendapatan yang sedia ada untuk seorang pemandu pelancong. Itu terpulang kepada mereka yang rajin atau tidak. Secara amnya mereka boleh dapat RM2,000 hingga RM5,000. Yang mustahak ialah perangai mereka. Macam Ahli Parlimen juga, pun ada yang pandai, ada yang kurang pandai. Kalau hendak banding Ahli Parlimen Malaysia dengan Ahli Parlimen Thailand pun susah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya anggap Ahli Parlimen Malaysia semua pandai.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Oh, oklah, semua pandailah. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order.*

Dato' Donald Lim Siang Chai: Saya pun anggap pemandu pelancong di Malaysia ini semuanya pandai. Buat masa ini kita ada 64 Institut Latihan Pelancong yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan dan kita tahu ada yang standardnya atau dia punya kemudahan adalah kurang. Dengan itu kita ambil langkah berbincang dengan IPTA dan IPTS yang terkenal supaya mereka boleh mengadakan kursus yang terperinci supaya menaikkan tahap atau kualiti pemandu pelancong Malaysia kita. Sekian.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila sesebuah negara menjadi tumpuan pelancong asing, memang bidang pemandu pelancongan ini akan bertambah baik, maksudnya harapan mereka ini akan menjadi cerah. Buat masa ini Malaysia telah menjadi sebuah negara yang diminati oleh pelancong asing. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada buat masa ini kita mempunyai berapa ramai pemandu pelancong yang bertauliah, betul-betul ada standard macam Yang Berhormat kata, yang keluar atau graduan institut-institut swasta. Adakah kerajaan menyemak *syllabus*, sukatan pelajaran, bagi pemandu, bakal pemandu pelancong.

Yang kedua, adakah kerajaan mempunyai satu *code of ethics* supaya semua pemandu pelancong harus mematuhi semasa mereka ini menjalankan kerja. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Alor Star. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemandu pelancong yang sedia ada atau berdaftar dengan kementerian ialah 6,181 dan aktifnya adalah berjumlah 3,562. Mereka

saya boleh bagi *break down* sedikit, yang pandai dalam bahasa untuk bahasa Malaysia 618, bahasa Cina 1,398, bahasa Tamil 7, bahasa Inggeris 1,194, bahasa Jepun 234, bahasa Korea 4, bahasa Itali 4, bahasa Arab 10, bahasa Perancis 20, bahasa Sepanyol 9, bahasa Jerman 33, bahasa Belanda 2, bahasa Rusia 1, lain-lain 24. Memang angka ini kita pun tidak puas hati.

Kita hendak supaya pemandu pelancong boleh meningkatkan kelebihan atau tahu lebih bahasa supaya mereka boleh cari rezeki yang lebih baik. Kita pun ada satu sistem bahawa, jikalau mereka boleh cakap bahasa asing seperti Jerman, Itali, mereka boleh mendapat pendapatan yang lebih dan Yang Berhormat ada bangkit perkara *code of ethics*, memang itu semua dalam kursus dan kita pun tahu buat masa ini 64 Institut Latihan Pelancong yang sedia ada. Saya baru cakap ada kekurangan kemudahan dan lain-lain. Kita sedang berbincang dengan IPTA dan IPTS supaya kursus-kursus yang baik, yang bagus akan diberikan kepada semua pemandu pelancong. Sekian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, ada *Point Of Order* untuk memohon belas kasihan untuk Tuan Yang di-Pertua bagi soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Peraturan Mesyuarat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tanya Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh cadangkan semasa kita buat pindaan. Akan datang boleh. *[Ketawa]*

7. Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Perdana Menteri menyatakan daripada 880 projek yang bernilai RM15 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, berapakah projek dan jumlah yang diperuntukkan kepada negeri Kedah dan khasnya Parlimen Padang Serai.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Julai 2006, telah mengumumkan sebanyak 880 projek RMK-9 yang dianggarkan bernilai RM15 bilion sedia untuk ditender. Ini merupakan senarai peringkat pertama daripada projek-projek pembangunan RMK-9. Daripada jumlah tersebut, 36 projek akan dilaksanakan di negeri Kedah. Senarai ada dengan saya, dan sebaik sahaja, saya keluar dari Dewan nanti, saya akan salurkan balik kepada Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Serai. Tidak mahu tunggu senarainya?

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan, walaupun belum lengkap daripada apa yang saya mahu kesemua maklumat itu tetapi saya hendak tanya, terima kasihlah atas projek-projek yang akan dilaksanakan di Kedah dan juga di kawasan Padang Serai. Saya ingin menanya kepada pihak kementerian, sama ada apakah mekanisme atau kaedah yang akan digunakan oleh kementerian untuk memastikan projek ini akan dijalankan mengikut jadual dan tidak ada berlakunya kebocoran dan pembaziran dalam masa pelaksanaannya. Kita lihat di peringkat Federal, memang ada satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, tetapi di peringkat negeri dan daerah, macam mana kaedah yang akan digunakan? Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih, Yang Berhormat sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak pengumuman dan keterangan telah diberikan mengenai sistem *delivery* dan macam mana pelaksanaan ini akan dibuat. Satu daripada Ahli Yang Berhormat jika Ahli Yang Berhormat ingat ialah Ahli-ahli Parlimen sebenarnya diberi tugas untuk memantau pelaksanaan projek di kawasan-kawasan sendiri. Itu satu daripadanya dan juga di peringkat negeri ada sistemnya sendiri. Sebenarnya tidak sama, di Sarawak berlainan, di Sabah berlainan, di Sarawak misalnya kita memantau melalui SDO,

State Development Office dan juga ada SPU sendiri, SPA dan sebagainya. Untuk memastikan pelaksanaan projek ini tidak terganggu, sebenarnya semasa dalam perancangan projek ini, telah dikenal pasti apakah halangan-halangan yang bakal dihadapi.

Itu adalah jawapan secara am dan tadi Yang Berhormat mengatakan tidak lengkap jawapan saya dalam jawapan utama. Sebenarnya untuk RMK-9 di Padang Serai, 60 projek telah diluluskan berjumlah RM221 juta. Itu untuk kawasan Ahli Parlimen sendiri. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit ini ialah kerana Sungai Petani bersebelah dengan Padang Serai. Adakah projek Yang Berhormat sebutkan tadi betul semuanya Rancangan Malaysia Kesembilan? Jawapan itu standardlah nampaknya. Tak ada satu benda yang diberi fokus. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membuat perisytiharan mengenai pembangunan koridor utara dan ini akan melibatkan boleh dikatakan negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara.

Soalan saya, apakah dalam perancangan ini yang akan dikendalikan oleh Sime Darby itu yang saya fahamkan. Sime Darby akan menjadi pendorong awal untuk pembangunan kawasan koridor utara. Jadi soalan saya penglibatan orang di negeri Kedah terutama sekali dalam projek-projek ini saya tidak mahu ia dilihat sebagai bias Pulau Pinang. Pulau Pinang dapat semua sebab ia akan berlaku di kawasan Seberang Perai dan lebih-lebih lagi dengan pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang. Jadi kami yang di negeri Kedah ini tidak akan dapat tempias-tempias itu.

Oleh itu saya pohon kepada Jabatan Perdana Menteri adakah Kedah akan dapat sebahagian besar daripada peruntukan ini kalau ada. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Tuan Yang di-Pertua, projek yang telah saya sebutkan tadi walaupun saya tidak spesifik projek yang mana tapi dari jumlahnya adalah memang khas untuk negeri Kedah bukan termasuk yang berkongsi dengan negeri yang lain dan dari segi apakah Kedah akan dapat dari projek-projek sama ada koridor utara atau yang dilaksanakan oleh Sime Darby. Kita cuma dapat lihat nanti apabila projek-projek ini telah dilaksanakan. Sekarang saya tidak boleh mengatakan sama ada banyak keuntungan ini ataupun bukan *benefit* yang didapatkan lebih kepada Kedah ataupun ke negeri Pulau Pinang tetapi untuk projek-projek khas untuk Kedah ini sudah tentulah Kedah yang mendapat manfaatnya. Terima kasih.

8. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah bilangan dan nilai projek/kontrak Kerajaan Persekutuan yang telah diberi (awarded) kepada kontraktor pada tahun ini (2006):-

- (a) yang diberi melalui proses tender; dan
- (b) yang diberi melalui proses runding terus.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, amalan biasa pada hujung tahun 2005, waran telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada tiap-tiap kementerian dan subwaran akan dikeluarkan oleh kementerian masing-masing kepada agensi masing-masing, jabatan dan agensi dan terpulang kepada agensi masing-masing ataupun kementerian masing-masing untuk mengeluarkan tender bagi projek-projek dalam tahun 2006.

Mereka boleh menjalankan tender masing-masing iaitu bagi kerja-kerja di bawah daripada RM50 juta dan untuk bekalan dan perkhidmatan bawah daripada RM30 juta tanpa merujuk kepada Kementerian Kewangan. Bagi projek-projek kerja yang lebih daripada RM50 juta dan projek bekalan dan perkhidmatan lebih daripada RM30 juta maka projek-projek itu akan dirujuk kepada Kementerian Kewangan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya ada ialah bagi projek-projek yang telah pun dirujuk kepada Kementerian Kewangan dalam tahun 2006 ini iaitu sebanyak 12 projek Tuan Yang di-Pertua yang bernilai RM853 juta. Tuan Yang di-Pertua,

saya tidak nafikan bahawa ada projek-projek yang telah pun diberi secara runding terus. Ini adalah projek-projek yang perlu disegerakan dan projek-projek yang perlu kepakaran dan projek-projek keselamatan. Contoh projek-projek yang dikeluarkan segera, contohnya macam pembaikan cerun bukit yang runtuh, bekalan air yang perlu disegerakan dan juga jalan-jalan di luar bandar yang perlu disegerakan. Maka itu akan diberi secara terus Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Daripada jawapan Yang Berhormat tadi mengenai projek yang lebih daripada RM50 juta yang dirujuk kembali kepada Kementerian Kewangan apakah tindakan Kementerian Kewangan dalam hal-hal projek yang lebih daripada RM50 juta. Apakah bentuk arahan akan dibuat, yang pertama.

Kedua, apakah peraturan yang disebut tadi *procurement* dan *guideline* yang disebut tadi diguna pakai untuk Kementerian Pertahanan atau apakah Kementerian Pertahanan mempunyai *guideline* dan cara-cara yang berbeza daripada kementerian dan agensi lain.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi projek-projek yang lebih daripada RM50 juta untuk kerja dirujuk kepada Kementerian Kewangan dan projek bekalan dan perkhidmatan lebih daripada RM30 juta juga dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Maknanya tender dikeluarkan oleh jabatan masing-masing dan kelulusan tidak dibuat di peringkat kementerian ataupun agensi tetapi dirujuk untuk kelulusan oleh Kementerian Kewangan. Maknanya kementerian boleh membuat perakuan tetapi yang akan buat keputusan adalah Kementerian Kewangan. Jadi maknanya tidak semestinya cadangan yang telah dibuat oleh kementerian akan dipersetujui oleh Kementerian Kewangan. Mungkin Kementerian Kewangan ada pandangan lain dan keputusan mungkin berlainan daripada agensi ataupun kementerian yang merujuk Tuan Yang di-Pertua.

Bagi Kementerian Pertahanan seperti yang saya sebut tadi ada kes-kes keselamatan maka diberi secara runding terus. Jadi maknanya ini tertakluk kepada peraturan yang saya sebut runding terus kerana ini kalau terbuka ada perkara-perkara yang kita tidak mahu orang ramai tahu dalam hal pertahanan Tuan Yang di-Pertua. Ada perkara-perkara yang tidak patut diberitahu Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah setahu saya proses penawaran ini adalah terikat kepada Arahan Perbendaharaan ataupun *Treasury Instructions* dan ia telah diwarisi sejak merdeka lagi. Saya ingin tahu sama ada kerajaan telah membuat kajian semula kepada Arahan Perbendaharaan ini. Pertama dengan mengambil kira agar kuasa dalam hal ini dipindah daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan ataupun *financial controller* kepada Kabinet supaya ada lebih *accountability*.

Kedua, saya juga ingin tahu dari segi peraturan dalam pengecualian daripada proses tender di mana seperti mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tadi bahawa ianya hanya boleh dibuat di atas dua perkara. Pertama kerja-kerja khusus, kedua kerja-kerja yang mendesak dan pada saya ia tidak berapa jelas lagi dalam hal ini. Apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji arahan perbendaharaan ini untuk memberi satu perkara yang lebih *transparent* lagi di mana kuasa-kuasa yang boleh membuat pengecualian tersebut. Tadi pun Yang Berhormat bagi Kota Bharu telah mengatakan apakah ia dalam Kementerian Pertahanan ia diguna pakai sedangkan pada fahaman saya bahawa semuanya ini adalah terikat dengan Arahan Perbendaharaan. Jika tadi jawapan Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa dalam kes-kes yang sulit ia boleh dirunding terus tetapi saya kata tadi dalam jawapan yang pertama Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan ia hanya boleh dikecuali atas dua perkara sahaja iaitu mendesak dan juga perkara-perkara khusus. Mohon penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang daripada masa ke semasa pihak kerajaan akan membuat kajian tentang keberkesanan peraturan-peraturan yang ada. Tentang *accountability* Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian masing-masing memang ada arahan. Sekarang ada peraturan baru iaitu dia ada dua lembaga tender. Satu lembaga tender A dan satu lembaga tender B. Lembaga tender A adalah bagi projek-projek kerja RM20 juta ke atas di mana ada wakil Kementerian Kewangan dan bagi

kerja yang di bawah RM20 juta maka dalam lembaga tender tidak ada wakil Kementerian Kewangan tetapi memadai di peringkat kementerian sahaja.

Biasanya KSU menjadi pengerusi kepada lembaga tender itu, di mana ada *transparency* dan ada *accountability* di situ. Kita ada masalah juga iaitu kita hendak mempercepatkan, kebanyakan kerja-kerja kita hendak mempercepatkan. Maka dalam hal ini, kerja-kerja di bawah RM5 juta juga diberi kelonggaran untuk hendak di lantik, ada tender juga tetapi tidak perlu merujuk kepada sesiapa, cukup di lembaga tender kementerian sahaja boleh diluluskan bagi projek-projek yang di bawah dari RM5 juta dan bagi *consultancy* pula di bawah RM1 juta. Jadi, ini bermakna banyak kelonggaran dibuat, dan *accountability* turut ada.

Bagi kerja-kerja rundingan terus, saya sebut tadi bahawa perkara-perkara yang hendak disegerakan, kerja-kerja kepakaran dan keselamatan. Jadi bagi Kementerian Pertahanan juga, Tuan Yang di-Pertua, ada kerja-kerja yang tidak perlu kepakaran macam membina bangunan contohnya, boleh ditender tetapi mengenai persenjataan contohnya tidak bolehlah kita hendak buka begitu, jadi, itu perlu diberi secara runding terus, Tuan Yang di-Pertua.

9. Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian mempunyai data dan statistik tentang kesan sampingan ubat-ubatan yang diguna di Malaysia. Berapakah kos yang dibelanjakan di Malaysia dalam merawat kesan sampingan ubat-ubatan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan prospek keselamatan perubatan adalah yang terbaik, Kementerian Kesihatan mempunyai mekanisme di mana pengamal perubatan dan juga industri *pharmaceutical* perlu melaporkan sebarang kesan *adverse* yang dikaitkan dengan ubat yang digunakan bagi merawat pesakit. Sebuah jawatankuasa yang disebut Jawatankuasa Penasihat Kesan Adverse Ubat Kebangsaan atau dengan izin *Malaysian Adverse Drug Reaction Advisory Committee* (MADRAC) telah ditubuhkan untuk memantau kesan *adverse* ubat yang dikaitkan penggunaan ubat-ubatan di Malaysia. Semua kesan *adverse* yang dilaporkan oleh pengamal perubatan dan juga industri *pharmaceutical* akan dinilai dan dimajukan kepada jawatankuasa tersebut.

Seterusnya jika perkara-perkara serius MADRAC tadi akan mencadangkan tindakan selanjutnya kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah atau PBKD. Seterusnya Pihak Berkuasa Kawalan Dadah akan mengkaji semula status pendaftaran ubat tersebut di mana ia mungkin dibatalkan, digantung atau dicadangkan supaya pelabelan profil keselamatan ubat dipinda. Statistik, kesan *adverse* yang menunjukkan kepada bilangan laporan yang diterima dari tahun 2004 hingga Ogos 2006 adalah seperti berikut:

- (i) 2004 - 1,655(b) 2005 - 2,363; dan
- (ii) 2006 sehingga Ogos - 1,760

Kementerian tidak dapat menganggarkan kos yang terlibat bagi merawat kesan *adverse* kerana tidak terdapat statistik dan juga terdapat banyak faktor yang perlu diambil kira dalam mengira kos.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kita tahu dan kita sedar bahawa dari segi pengawalan kita atau pengawasan kita terhadap kesan *adverse* ini memang lemah.

Selain daripada kesan *adverse*, kesan sampingan yang kita sebutkan tadi banyak juga kematian dan juga kesan sampingan disebabkan oleh satu situasi yang dipanggil sebagai *medication errors* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Medication errors* ini berlaku oleh kerana sistem sekarang yang kita buat sistem manual, pertama oleh kerana kesilapan membaca tulisan doktor. Apabila kesilapan membaca tulisan doktor, silap ubat diberi. Yang kedua *wrong dosage, dosage* ubat yang silap. Yang ketiga ialah kesilapan ubat-ubat yang diberi iaitu *wrong medications*.

Kesemua kesilapan ini telah menyebabkan banyak juga kematian terutamanya di luar negeri. Dengan sesi yang sempurna di Malaysia, saya percaya juga, ada kematian disebabkan oleh perkara-perkara ini dan juga kesan-kesan sampingan oleh kerana kesilapan-kesilapan ini.

Adakah kementerian mempunyai data tentang kematian ataupun kesan sampingan yang disebabkan oleh *medication errors* ini. Adakah kita bergerak kepada negara maju akan menukar daripada sistem manual ini kepada sistem komputer yang lebih sempurna. Sekarang dan hingga hari ini, saya dapati tidak ada sebuah hospital pun di Malaysia yang mempunyai sistem komputer yang sempurna walaupun di Hospital Selayang. Apa pandangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini? *[Gangguan pembesar suara]*

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada perbezaan di antara kesan *adverse* ubat ini dengan seperti Yang Berhormat Gombak kata *medication error*. Perbezaan yang kita pantau, yang kita audit adalah kesan *adverse* maknanya *sight effect* dengan izin, tetapi kalau ada *medication error* kerana seperti Yang Berhormat katakan tadi, tulisan doktor tidak boleh baca, tulisan Yang Berhormat Gombak boleh baca atau kerana *over dosage* atau ubat yang patut diberi dua miligram jadi 20 miligram. Ini adalah kesan-kesan bukan daripada *adverse effect* ubat itu.

Jadi Yang Berhormat tanya sama ada kita ada data. Banyak elemen-elemen dan juga isu-isu yang dibangkitkan adalah perkara-perkara yang berkait dengan *malpractice*, ekoran daripada tabiat atau perbuatan pengamal-pengamal perbuatan. Ini tidak termasuk data-data yang kita kumpulkan. Ekoran daripada itu, kementerian tidak dapat mengumpul data-data yang dapat kita kumpulkan daripada data yang dikaitkan oleh Yang Berhormat Gombak sebagai *medication error*. Mengenai dengan sama ada usaha-usaha kerajaan bagi menyambung semua data-data tersebut dengan bantuan daripada IT buat masa ini kementerian dalam proses mengITkan hospital-hospital kerana kosnya amat tinggi, kita lebih utamakan *delivery system*, sistem penyampaian maka kita tidak boleh buat secara mendadak dan sebahagian daripada data-data ini memang betul di kumpul secara manual.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan kesan sampingan, rata-rata hari ini kita lihat dalam majalah, dalam surat khabar, dalam *pamphlet-pamphlet* dan sebagainya mengiklankan ubat-ubatan untuk kecantikan, untuk jadi muda, untuk tenaga, untuk menguatkan badan dan segala-galanya dalam tubuh badan. Untuk mengelokkan muka, mencekangkan muka, memancungkan hidung, dan mecekang yang mana patut. Saya lihat benda ini berleluasa, diiklankannya bahan-bahan kecantikan, *make up-make up* dengan taukenya sekali. Tauke pun nampak segar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masuk kepada soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak masuklah itu tetapi hendak beri Menteri tahu apa maksud saya. Benda-benda ini mengikut peraturan yang saya faham, sebelum diiklankan dan sebagainya harus mendapat kebenaran, kelulusan daripada pihak kementerian, tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat hari ini terlalu banyak dan berleluasa. Apakah pihak kementerian mampu dengan tenaga kerja yang ada hari ini untuk membendung kemasukan dan juga pengedaran benda-benda, alat-alat *make-up*, alat-alat ubat-ubatan ini supaya tidak memudaratkan pengguna? Contohnya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya rujuk kepada satu pakar perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, Yang Berhormat. Ini bukan masa untuk perbahasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia kata cucuk *botox*, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Soalannya, selepas enam bulan kalau dia tidak cocok, muka akan jatuh, dia kena cucuk tiap-tiap enam bulan. Jadi ini *sight effect*, kalau dia tidak ada duit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat !

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Contohnya Bukit Mertajam, dia mahu cucuk botox, enam bulan dia tidak cucuk, muka turun. Ada cucuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan, tarik balik nama Bukit Mertajam. Kalau Yang Berhormat mahu guna, sendiri guna. Jangan libatkan orang lain, ini pun sudah buang masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukit Mertajam nama kawasan bukan nama orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat tidak apa, kalau Yang Berhormat hendak buat, buat sendiri jangan libatkan orang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri faham soalan dia? Kalau faham, Jerai duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. [Ketawa].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan tambahan daripada yang Jerai. Sebenarnya, semua ubat-ubatan baik daripada kosmetik untuk kecantikan mahupun ubat yang dimakan. Kalau ia mengandungi *poison*, dengan izin, *poison* di bawah akta racun, dia mesti wajib mendaftar dengan BBKD atau BPFK dan kalau Yang Berhormat tengok ubat-ubat sama ada ubat yang boleh dibeli *over the counter* atau ubat yang perlu ada preskripsi daripada pengamal perubatan, semua ubat-ubat ini adalah ubat yang selamat.

Yang menjadi isu kebanyakannya sekarang adalah ubat-ubat tradisional, ubat herba yang tidak ada dibuat dengan izin, *clinical trial*. Ubat-ubat yang dipasarkan perlu mendapat pendaftar MAL daripada Kementerian Kesihatan tetapi dia hanya berkesan bila dia berdaftar dengan MAL bermaksud dia selamat dimakan, kesan baik atau tidak baik itu tidak ada. Jadi, maknanya MAL ini pendaftarannya hanya untuk *safety* dengan izin, bukan *efficacy*. Sebab itu kita sekarang ini banyak ubat-ubat herba yang masuk daripada negara-negara luar, dia masukkan elemen-elemen ubat moden atau racun dalam *preparation* tersebut. Ekoran itu, mereka mendapat kesan-kesan sampingan yang saya katakan tadi.

Mengenai dengan iklan, memang kita ada satu lembaga iklan di bawah kawalan pengarah farmasi dan perlu mendapat kelulusan. Malangnya tidak semua, ini masalah mengenai penguatkuasaan. Kalau dia submit kepada kita untuk kelulusan, itu tidak ada masalah. Yang jadi masalah dia iklankan di tempat-tempat akhbar-akhbar, media cetak yang tidak dapat kita kawal. Kita dapat tahu bila pengguna komplek, baru kita ambil tindakan.

10. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk mengenakan pemeriksaan darah kepada pasangan yang ingin berkahwin terlebih dahulu, kalau tidak, terangkan kewajarannya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Timbalan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk mengenakan pemeriksaan darah secara wajib atau *mandatory* kepada pasangan yang ingin berkahwin. Walau bagaimanapun

mereka yang berisiko tinggi adalah digalakkan untuk menjalani pemeriksaan darah terlebih dahulu melalui program ujian saringan.

Pemeriksaan ini bertujuan untuk mengesan penyakit di peringkat awal bagi membolehkan rawatan awal diberikan di samping mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan penyakit yang dihadapi tidak menjangkiti orang lain atau boleh menyebabkan kemudaratan yang teruk. Orang ramai termasuk mereka yang bakal berkahwin digalakkan menjalani ujian saringan HIV melalui program ujian saringan HIV secara sukarela di klinik-klinik kerajaan. Pasangan beragama Islam yang bakal berkahwin juga boleh menjalani ujian saringan HIV melalui program ujian saringan HIV di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing.

Selain daripada pemeriksaan penyakit-penyakit berjangkit, Kementerian juga menggalakkan orang ramai untuk menjalani pemeriksaan bagi mengesan sebarang penyakit keturunan atau dengan izin seperti penyakit *inborn error metabolisme* seperti *talasemia* dan lain-lain di samping memberi khidmat nasihat berkaitan penyakit tersebut. Kementerian juga menjalankan pemeriksaan darah bagi mengesan penyakit-penyakit lain. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Prevention is better than cure* dengan izin ataupun [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] itulah dasar kesihatan dalam Islam. Memelihara generasi yang akan datang sangat penting.

Saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang konkrit, *progressive strategy* yang berkesan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk melindungi rakyat generasi akan datang khususnya dalam perkara-perkara dan penyakit-penyakit berjangkit seperti HIV, sifilis dan sebagainya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, soalan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebab itu saya katakan tadi kita tidak bercadang untuk menjalankan pemeriksaan darah. Baik yang hendak kahwin atau tidak kahwin, secara mandatori. Belum ada lagi undang-undang yang kita gubal. Walau bagaimanapun kita galakkan ia dibuat secara *persuasion* dengan izin. Kita galakkan mereka jalani ujian dan kebanyakan ujian-ujian yang dijalankan, semuanya adalah percuma dan tidak dikenakan kos kepada sama ada pesakit mahupun orang yang normal.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada beberapa buah negeri seperti Perak dan Johor. Bagi pasangan Islam telah pun mewajibkan mereka yang hendak berumah tangga untuk menjalani pemeriksaan darah dengan tujuan satu kebaikan. Bukan bermakna bila darah itu positif, ada penyakit, mereka tidak boleh mendirikan rumah tangga, tidak, tetapi sebagai persediaan, satu kebaikan.

Cuma saya hendak tanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk berunding memberi nasihat. Walaupun bidang kuasa Jabatan Agama untuk menentukan peraturan ini, tetapi untuk menyeragamkan supaya diguna pakai oleh semua negeri. Menampakkan peraturan ini lebih positif dan mendatangkan kebaikan, persediaan lebih awal. Berunding untuk memberi nasihat supaya setiap pasangan Islam di negeri-negeri ini mengguna pakai peraturan yang telah pun dimulakan di negeri-negeri tertentu seperti Perak, Johor dan beberapa negeri yang lain. Saya tidak tahulah di negeri Kelantan. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Larut, Kelantan pun sudah buat. Seperti Yang Berhormat semua tahu bahawa hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam adalah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kementerian Kesihatan sebagai agensi pusat sentiasa bekerjasama dengan mana-mana pihak. Jika keputusan sudah di buat di peringkat negeri, kita akan bagi kerjasama dengan mana-mana negeri untuk memberi khidmat rundingan, khidmat kepakaran serta *follow up*, dengan izin kepada mana-mana program umpamanya ujian HIV dan juga penyakit-penyakit lain. Kita sentiasa bekerjasama dan kita terbuka.

Ini adalah bagi memastikan seperti apa Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa katakan tadi, pencegahan adalah lebih baik daripada penyembuhan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Peraturan 21 Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kacaulah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan 21, yang ini kata tidak melebihi 40 perkataan tanpa mengira dan kawasan ahli.

Ahli-ahli Dewan [Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tetapi, ini 54 perkataan, panjang soalan ini, 54 perkataan, bolehkan ianya dibenarkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih 4 perkataan sahajalah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: 54, ia lebih 14.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, lain hari janganlah. Hari ini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya baca yang bahasa Inggeris punya, kurang daripada 40. Nombor 11, soalan saya nombor 11. Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan. Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha akan lihat kalau yang lebih daripada, kita boleh teruskan, potong sahajalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua.

11. Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kerajaan bercadang mewujudkan suatu jawatankuasa penyelarasan dan pemantau untuk memastikan Jabatan Mineral dan Geosains, IKRAM SDN. BHD. dan Jabatan Alam Sekitar melaksanakan tugas mereka dengan penuh berintegriti, amanah dan bertanggungjawab agar laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*) bagi semua projek pembangunan di kawasan kurang daripada 50 hektar benar-benar menepati kriteria yang ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak yang menjalankan kajian EIA adalah perunding-perunding EIA. Untuk memastikan agar laporan EIA benar-benar menepati kriteria yang ditetapkan, Jabatan Alam Sekitar sedang menggubal Skim Pendaftaran Jururunding EIA yang akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini, insya-Allah pada tahun hadapan.

Ini adalah untuk memastikan kajian EIA yang dijalankan adalah berkualiti serta menilai impak alam sekitar yang dijangka dengan lengkap dan jelas serta menilai impak alam sekitar yang dijangka dengan lengkap dan jelas serta mengemukakan langkah-langkah kawalan yang berkesan untuk menangani impak yang dikenal pasti secara saintifik dan profesional. Antara kriteria pendaftaran yang akan diambil kira adalah kelulusan akademik, kepakaran dan pengalaman di dalam bidang kejuruteraan dan sains alam sekitar. Ini termasuklah keperluan menghadiri kursus-kursus yang wajib dan latihan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan yang diberikan dan kita semua sedar bahawa analisis impak alam sekitar ini memanglah menjurus kepada kajian saintifik. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pembangunan yang tidak terancang dan berselerak atau dikenali sebagai *sprawl development*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua adalah suatu ancaman kepada kualiti hidup rakyat. Malah ianya juga bakal mengancam keadaan sosioekonomi pada masa hadapan. Sekiranya tidak diambil kira, ia mungkin merugikan kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya adakah kementerian bercadang untuk menambah bidang di dalam kajian impak alam sekitar ini dan juga adakah kementerian bercadang untuk merangka serta mewujudkan suatu akta seperti Akta Pemeliharaan Komuniti atau pun *Community Protection Act* di mana suatu dana dapat di kumpul dan diuruskan supaya Jawatankuasa atau Komuniti ini dapat bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan di dalam memastikan pembangunan yang mapan dapat berlaku. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Seperti yang dinyatakan tadi, di dalam menyediakan Laporan Nilai EIA, terdapat banyak skop-skop yang telah dimasukkan dan saya tidak merasa sosioekonomi ini masih berada dalam skop dalam EIA sebab *Environmental Impact Assessment* ini adalah untuk alam sekitar sahaja. Walau bagaimana pun, skop yang dimaksudkan tadi saya rasa lebih menjurus kepada keadaan ekonomi semasa dan terhadap kementerian-kementerian yang lain tetapi bolehlah kita perhatikan. Yang kedua yang berkenaan dengan penglibatan Komuniti di dalam masyarakat di dalam menjaga alam sekitar itu, insya-Allah tahun depan kita akan adakan Jawatankuasa Alam Sekitar di peringkat setiap daerah sebenarnya.

Jadi mereka ini juga terlibat di dalam membuat laporan dan juga memberi pandangan-pandangan tertentu akan masyarakat mereka di mana mereka boleh memainkan peranan aktif dengan jabatan sekali. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan tadi tidak begitu positif untuk mewujudkan jawatankuasa untuk menyelaras dan memantau semua EIA di negara ini. Boleh ke Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, selepas menerima EIA, apakah kaedah dan peraturan yang dibuat oleh pihak kementerian termasuklah projek-projek di lereng bukit. Memang kita nampaklah bukit-bukit botak dan sebagainya di sekitar Kuala Lumpur pun kita nampak bukit-bukit botak di Kepong dan nampaknya EIA itu tidak begitu berkesan. Apakah yang akan dibuat oleh pihak kementerian untuk mengubah keadaan sebab tiap-tiap kali ada tanah runtuh, ada orang yang terkorban, kita nak ambil tindakan. Itu dari segi publisiti, dari segi penguatkuasaan itu kita kuranglah nampak.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya terdapat beberapa garis panduan yang telah dikeluarkan oleh kementerian. Yang pertama garis panduan pembangunan di tanah-tanah tinggi dan juga pulau-pulau. Ini telah diberikan kepada semua penguat kuasa tempatan, majlis perbandaran dan sebagainya dalam memberi kelulusan kepada sesuatu projek. Yang kedua kita ada juga PASMA atau pun Pembangunan Secara Lestari Mengikut Kehendak Alam Sekitar. Ini pun kita beri. Kadangkala Yang Berhormat, ada di kalangan pihak-pihak tertentu yang menggunakan kelemahan di dalam sistem pentadbiran dalam akta kita sendiri seperti pembangunan yang melebihi 50 hektar sahaja yang perlu dibuat kajian EIA. Di bawah 50 hektar tidak perlu, jadi ada setengah-setengah pihak yang membuat permohonan dengan sengaja meletakkan 49.5 hektar dan sebagainya.

Jadi ini adalah kelemahan dalam undang-undang dan kita akui kita telah pun membuat garis panduan baru di mana pembangunan yang lebih daripada 20 hektar hendaklah di buat EIA. Kita juga bercadang pada tahun depan kita akan masukkan lagi satu iaitu yang kita panggil Pembangunan Berjangkit iaitu sekiranya terdapat pembangunan yang kita anggap cuba tidak membuat EIA dengan dipecahkan kepada blok-blok yang kecil tetapi berdekatan, kita akan buat minta supaya EIA juga diadakan dengan izin *contagious development* EIA. Terima kasih.

12. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada benar masalah polarisasi kaum menjadi semakin serius di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Jika benar, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangannya.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi memang

sedar wujudnya polarisasi kaum di kalangan pelajar di IPTA. Namun keadaan ini tidaklah begitu serius. Sungguh pun demikian...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau ada boleh bantu Yang Berhormat menteri mencari tempat dia, dia hilang tempat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini mana satu Peraturan Mesyuarat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini Peraturan Mesyuarat untuk *seating, seating arrangement*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Lama tarak mari.

Datuk Ong Tee Keat: Sungguh pun demikian, kementerian tidak pernah memandang ringan akan perkara ini dan sesungguhnya telah merancang serta melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani masalah ini. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan aktiviti bakti siswa yang melibatkan pelbagai latar belakang etnik bagi tujuan murni untuk menyumbang kepada masyarakat setempat di samping memahami nilai murni masyarakat berkenaan;
- (ii) aktiviti kesenian seperti Konsert Menjunjung Kasih yang telah pun dilangsungkan di UPM malam semalam yang mana telah melibatkan siswa dan siswi dari pelbagai kaum yang mewakili IPTA dan IPTS. Mereka ini telah berkampung selama dua minggu di UPM dan mampu menghasilkan satu persembahan yang mantap lagi berkualiti untuk Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agung;
- (iii) aktiviti tahunan yang direncanakan dan dilaksanakan oleh semua Majlis Perwakilan Pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam mengendalikan program Pesta Konvokesyen, Kem Tahunan dan Minggu Haluan Siswa;
- (iv) penglibatan siswa siswi dalam aktiviti sukan. Aktiviti seperti ini menghasilkan bukan sahaja siswa siswi yang sihat dan cergas tetapi juga mengeratkan lagi hubungan kaum. Sukan futsal sebagai contoh telah berjaya menghasilkan insan yang cergas dan cemerlang;
- (v) kursus Hubungan Etnik telah dijadikan mata pelajaran wajib di semua IPTA mulai akhir tahun 2005. Modul kursus ini diselaraskan oleh kementerian untuk dijadikan bahan rujukan utama di semua IPTA. Draf akhir modul yang berkenaan telah pun siap dan dijangka akan diguna pakai kelak; dan
- (vi) menggalakkan pelajar agar membentuk kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam tugas akademik dan kerja lapangan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan langkah-langkah yang telah pun diambil, kementerian berpendapat bahawa polarisasi kaum di IPTA mampu ditangani dengan kerjasama semua pihak yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gopeng.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum manusia ini memang berbeza dan manusia ini memang beragam. Dari segi warna kulit misalnya ada yang berkulit putih, ada hitam, ada kuning langsung, sawo matang dan sebagainya. Dari segi agama ada Islam, ada Kristian, ada Hindu, ada Buddha dan sebagainya. Jadi tidak wujud *the man* dengan izin, tidak wujud satu jenis manusia yang serupa. Di atas kesedaran ini, salah satu cara ataupun prinsip bagi memupuk persefahaman ataupun perpaduan ialah kita mengiktiraf, kita menerima dan

paling penting kita menghargai perbezaan-perbezaan yang sedia wujud di kalangan manusia.

Jadi kita patut menekankan perpaduan dalam kepelbagaian. Sehubungan dengan ini soalan tambahan saya, apakah sebab-sebab kementerian tidak membenarkan kewujudan persatuan-persatuan bahasa sesuatu kaum di IPTA. Soalan yang lebih khusus mengapakah Persatuan Bahasa Tionghoa di Universiti Putra Malaysia ataupun UPM tidak dibenarkan? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gopeng tadi. Untuk memperbetulkan apa yang didakwa oleh Yang Berhormat, sukalah saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa apa yang dibangkitkan tadi iaitu berkenaan dengan penubuhan Persatuan Bahasa Tionghoa di UPM sebenarnya belum dimuktamadkan oleh pihak kementerian. Itu pun telah Yang Berhormat Menteri menjawab dalam Dewan yang mulia ini tempoh hari.

Untuk memperbetulkan lagi senario yang dibayangkan, sesungguhnya di kalangan IPTA yang sedia ada terdapat juga Persatuan-persatuan Bahasa Tionghoa yang telah pun lama wujud dan giat menjalankan program masing-masing. Jadi itulah satu-satunya senario yang sedia ada. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang kepelbagaian. Ini sememangnya satu fakta yang telah pun lama wujud di negara kita dan ianya sepatutnya bukan sahaja dihargai tetapi juga dihormati. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Setiausaha: Rang undang-undang untuk bacaan kali yang pertama. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Seri Mohd. Effendi bin Norwawi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mengemukakan Rang-undang Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada cari kertas-kertas di hadapan saya, saya tidak boleh dapat Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006 dan bolehkah kita tahu di mana Peraturan Mesyuarat yang membenarkan satu rang undang-undang dikemukakan tanpa rang undang-undang ini di hadapan Ahli-ahli Parlimen. Oleh kerana mengikut Peraturan 48, sangat jelas bahawa perlulah kita rang undang-undang itu dan tidak ada rang undang-undang. Kalau begitu bagaimana boleh *first reading* dikemukakan? Kita mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri yang nampaknya hilang tempat oleh kerana tidak pernah datang selain daripada satu kali tetapi kita mahu tahu tetapi datang tanpa rang undang-undang, mahu kemukakan *first reading* rang undang-undang. Ini mana boleh. Bolehkah Yang Berhormat kemukakan lepas rang undang-undang dibentang di meja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ia di atas Peraturan Mesyuarat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 48.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, ingin saya memaklumkan mengikut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Peraturan Mesyuarat ini tidak ada apa-apa sebut sama ada rang undang-undang itu perlu dihantar untuk bacaan kali yang pertama. Walau bagaimanapun, saya menyambut teguran Yang Berhormat dengan baik dan saya anggaplah teguran ini munasabah. Saya harap kedudukan ini boleh kita betulkan untuk masa-masa akan datang. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor boleh terima sebab ikut Peraturan Mesyuarat memang tidak ada mana-mana satu, tidak tercatat rang

undang-undang perlu dihantar sebelum bacaan kali yang pertama. Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan mengapa amalan ini dibuat tanpa rang undang-undang mahu kemukakan *first reading*? Khasnya apabila kali yang pertama datang dan buat amalan yang begitu luar biasa. *You come and then you make such a fantastic upside-down of the standing orders*, kenapa?

Dato Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Boleh saya jawab? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah diberi nasihatkan oleh Attorney General yang rang undang-undang itu sedang diedarkan. Rang undang-undang ini *has been circulated now, you will receive it today*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sungguhpun setakat ini tidak terima mengikut Peraturan Mesyuarat kita pun tidak langgarlah Peraturan Mesyuarat tetapi teguran ini saya sambut dengan baiklah.

Dato Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya ambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan. Apabila Yang Berhormat Menteri kata *been circulated* apa ertinya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang kata, sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Been circulated*. Sekarang ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada ke? Ataupun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oh, ini *invitation card* (kad jemputan). Kad jemputan untuk apa itu? *Tourism Malaysia*? Yang Berhormat Menteri bukan Menteri Pelancongan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ..tapi *been circulated* ertinya ada makna yang spesifik. Mengikut Peraturan Mesyuarat, *been circulated* ialah sudah diserahkan kepada Setiausaha dan selepas itu barulah... Adakah diserahkan kepada Setiausaha? Saya percaya belum. Oleh kerana Setiausaha ada di sini, dia pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, sebab kita sudah bincang dan saya putuskan Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak. *It is not been circulated even*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Setiausaha teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperbadankan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar untuk mengadakan peruntukan mengenai arah dasar dan strategi yang wajar berhubung dengan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar. Untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara agensi kerajaan, untuk menggalakkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Keduapuluh]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.62 [Jadual]

Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2007]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.62 dan Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, Yang Berhormat Bukit Gelugor sila.

11.38 pagi

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Menyentuh kepada Butiran 020300 - Penyiasatan Jenayah. Tuan Pengerusi, baru-baru ini Peguam Negara ada mengarahkan bahawa *caution statement*, pernyataan beramaran atau pengakuan oleh seorang suspek tidak boleh digunakan dalam perbicaraan. Ini adalah satu arahan yang diberi oleh Peguam Negara baru-baru ini. Berdasarkan dengan itu, ekoran daripada itu Tuan Pengerusi, apa yang perlu diadakan adalah satu badan penyiasatan yang baik untuk menentukan satu penyiasatan rapi diadakan dalam satu kes jenayah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi, baru-baru ini dalam kes Altantuya Shaariibuu apa yang terjadi dalam mahkamah apabila Abdul Razak Baginda dituduh di mahkamah. Isteri dia seorang bekas Majistret bernama Mazlinda Mahzan ada menyuarakan bahawa suami dia tidak bersalah. Dia menyatakan seperti ini dengan izin, “*He’s a good man. He’s not the Prime Minister of this country. He doesn’t want to be one*”. Bolehkah polis mendapat satu *statement* daripada Puan Mazlinda untuk menentukan apa maksud dia? Apa maksud dia apabila menyuarakan “*He is not the Prime Minister of this country, it doesn’t want to be one*”. Apa maksud itu? Ekoran dengan Tuan Pengerusi apa yang ada menerima sebagai kenyataan iaitu bahan letupan yang digunakan untuk meletup Altantuya adalah C-4 *explosive*. C-4 *explosive* itu Tuan Pengerusi, tidak boleh didapati dalam mana-mana balai polis atau di Bukit Aman. C4 adalah satu bahan meletup yang boleh didapati dalam Kementerian Pertahanan. Apa pertalian Kementerian Pertahanan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kes ini masih dalam siasatan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan itu Tuan Pengerusi. Bolehkah saya memberi penjelasan Tuan Pengerusi. Apabila satu kes berada di mahkamah itu bukan bermakna satu penyiasatan tidak boleh dijalankan. Mahkamah Agung ada memutuskan apabila satu kes ada dijalankan dalam perjalanan perbicaraan dalam mahkamah, penyiasatan boleh dijalankan. Itu adalah undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tentang kes. Kalau apa yang berlaku tentang peristiwa itu bolehlah tetapi jangan dikaitkan dengan keseluruhan isu tersebut.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: C-4 *explosive* digunakan untuk meletup mayat Altantuya. Beliau dibunuh sebelum itu. Kenapa dia diletupkan? Adakah dia mengandung dan oleh itu ia dimusnahkan. Polis harus menyiasat aspek ini. Ada dikatakan ada orang atasan yang terlibat. Siapa orang atasan itu? Adakah dia seorang menteri atasan? Jika seorang menteri atasan adakah pihak polis takut untuk menjalani satu penyiasatan untuk menentukan menteri ini terlibat atau tidak terlibat. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, Perdana Menteri Mongolia namanya Miyegombo Enkhbold ada memberi arahan kepada Konsul Mongolia di negara kita iaitu Datuk Syed Abdul Rahman Alhabshi, Kerajaan Mongolia ingin mendapat tahu *on a day to day, on the daily basis* dengan izin perkembangan kes Altantuya.

Oleh itu, saya merayu kepada kerajaan untuk sebenarnya menceritakan apa yang sebenarnya terjadi. Kelmarin apabila ditanya oleh Ketua Pembangkang mengenai C-4 Timbalan Menteri dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada mengatakan ini adalah kuasa polis, maknanya polis. Jangan tanya Kementerian Pertahanan. Oleh kerana perkara ini adalah penting satu siasatan mendalam harus dijalankan walaupun kes ini ada dalam mahkamah. Kenapa saya menyatakan tidak subjudis...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi kes ini dalam perbicaraan. Butir mana ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah cakap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Butir tak butir jangan kiralah. Carilah butir. Bila kes dalam perbicaraan macam mana Tuan Pengerusi boleh biar bahas. Biar siasatan selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah beritahu jangan kaitkan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Sila duduk, Yang Berhormat.

Di bawah 36(2) Yang Berhormat tidak boleh buat apa-apa perkara yang dalam pertimbangan mahkamah sekiranya Tuan Pengerusi merasakan kepentingan pihak-pihak tertentu. Saya sudah tegur Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, saya baca 36(2) tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah. Sekira-kira itu penting. Sekira-kira pertimbangan Tuan Pengerusi merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah timbang, Yang Berhormat. Yang Berhormat beralih kepada perkara lainlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* Tuan Pengerusi. Kita perlu rasional dalam perkara ini. Subjudis ialah sama ada kes dalam mahkamah sama ada orang yang didakwa salah atau tidak salah. Itulah perkara bukan aspek-aspek yang lain ada kepentingan orang awam. Tidak kira bincang sama ada *accuse* salah atau tidak salah, aspek lain yang ada *public interest* kita perlu ambil perhatian. Kita tidak boleh tutup mata dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Lagipun perkara ini dalam siasatan sekarang ini. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sila habiskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi adalah penting untuk jangan padamkan apa yang harus dibongkar. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang saya katakan tadi Tuan Pengerusi ada satu keputusan dari Mahkamah Agung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tunggulah keputusan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan itu, ada keputusan bahawa jika satu kes ada dalam mahkamah itu bukan bermakna penyiasatan tidak boleh dijalankan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masih dalam penyiasatan Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak faham ke? Saya sudah cakap masa Yang Berhormat sudah habis. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi saya sebut Butiran 020000 ialah Polis. Di sini saya mahu pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi satu kedudukan terkini mengenai penubuhan IPCMC. Nampaknya ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada penyakit IPCMC fobia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order* Tuan Pengerusi, 36(6) sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa sangkaan jahat. Itu betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita mempertahankan kebenaran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu betul itu fobia apabila IPCMC disebut apabila mereka mahu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia ingat DAP semua bagus ke?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: IPCMC fobia dan sekarang ada IPCMC *mania*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat sendiri *mania*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini bukan cadangan saya. Ini cadangan Suruhanjaya Diraja, adalah bekas Ketua Hakim. Jangan kita ada IPCMC fobia ataupun IPCMC sakit. Sudah 18 bulan kita tidak boleh terima bahawa dalam tangan Jabatan Peguam Negara baru-baru ini, kita ada pemimpin-pemimpin Ahli-ahli Parlimen DAP ada satu perjumpaan dengan IGP Tan Sri Musa Hassan. Dia kata pun perkara dalam tangan Peguam Negara tetapi saya rasa ini tidak bolehlah. 18 bulan masih ada jawapan begitu.

Oleh sebab ini mustahak. Kalau kita mahu sebuah, ini jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dia akan mengadakan satu *overhaul* dalam pihak polis supaya ada satu *world class* pasukan polis yang cekap, profesional, hormat hak asasi dan adalah bersih. Di sini kita mahu tahu apa yang berlaku? Tengok, nampaknya pihak polis belum peka mengenai hak asasi. Dalam satu operasi merobohkan rumah setinggan yang dijalankan bersama dengan Bahagian Penguat Kuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Polis Diraja (PDRM) telah menahan 23 orang penduduk di Kg. Berembang yang terletak berdekatan dengan Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur pada 20 November.

MPAJ telah memperolehi perintah pindah di bawah Ordinan Darurat untuk membersihkan kawasan setinggan itu. Penduduk-penduduk membantah tindakan ganas pasukan penguat kuasa dan polis yang meroboh rumah mereka di atas sebab bahawa kes ini masih berada di dalam proses perbicaraan mahkamah. Pertelingkahan telah berlaku apabila pihak penguat kuasa MPAJ berkeras untuk meroboh rumah mereka tanpa ingin berunding dengan mana-mana pihak, dan sebanyak 60 buah rumah telah diroboh. FRU telah dipanggil untuk masuk dan menahan dan memukul penduduk-penduduk kampung yang tidak berdosa. Satu operasi yang berasingan telah diadakan pada 30 November untuk merobohkan surau Ar-Rahmanniah yang masih belum dirobohkan pada masa itu di Kg. Berembang.

Dalam usaha menyelamatkan surau tersebut penduduk-penduduk bersama-sama ahli beberapa badan bukan kerajaan dan parti politik terbabit dalam pergaduhan dengan pegawai penguat kuasa MPAJ, dan dibantu oleh pihak polis serta anggota unit simpanan FRU. Para penduduk yang cuba menghalang tindakan meroboh surau itu telah ditolak oleh pegawai penguat kuasa MPAJ dan pasukan polis yang berjumlah lebih 100 orang. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila anggota polis dan FRU turut masuk campur dan bertindak memukul penduduk serta penyokong mereka yang berhimpun di situ. Wanita dan kanak-kanak yang berkumpul di dalam surau itu juga tidak berkecuali. Selepas itu apa yang berlaku di Kg. Berembang, Kg. Chubadak Tambahan, yang terletak di Sentul juga mengalami nasib yang sama apabila penguat kuasa Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur telah cuba bertindak meroboh lima buah rumah kedai di kampung itu. Dua orang wanita yang merupakan penduduk kampung iaitu Rafizah Ahmad dan Hasnah telah ditahan oleh polis kerana menghalang operasi tersebut.

Dalam peristiwa itu, seorang *plain cloth* polis bertindak untuk menakutkan penduduk-penduduk kampung dengan mengeluarkan pistolnya dan ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan penduduk kampung. Ahli Jawatankuasa Tindakan Kg. Chubadak, Siti Solehah yang juga merupakan penduduk kampung tersebut memberitahu pemberita bahawa tindakan polis dan penguat kuasa sangat tegas dan beliau pernah sekali ditolak dan ditekan oleh lima orang anggota polis lelaki. Seorang budak lelaki berumur 10 tahun yang bernama Akmal Hanafi, mengatakan bahawa beliau merasa gementar kerana polis sanggup memukul wanita. Malahan kes ini menunjukkan bahawa rekomendasi perakuan-perakuan Suruhanjaya Diraja bahawa pihak polis perlulah hormat hak asasi tidak dihirau sekali.

Kejadian ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran tentang hak asasi manusia di kalangan polis masih berada pada tahap yang rendah dan menunjukkan keperluan untuk menubuhkan suruhanjaya IPCMC, yang mana ia membolehkan orang awam untuk membuat aduan terhadap sebarang salah laku anggota polis dan Suruhanjaya dapat menjalankan tindakan siasatan secara bebas terhadap anggota polis yang melakukan kesalahan. Kita di sini semua sokong untuk mengadakan satu pasukan polis yang profesional. Kita menyokong dan kita mencadangkan bahawa kenaikan gaji dan elaun-elaun. Mengadakan satu skim yang berbeza daripada *civil service*, supaya anggota polis kita dapat syarat-syarat berkhidmat yang baik untuk menjalankan tugas mereka untuk menjaga *law and order*.

Oleh sebab kita sekarang melahirkan *crime index* naik 11%. Ada kes besar yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, pembunuhan wanita Mongolian mengenai *microchip robbery* RM100 juta yang memberikan gambaran yang buruk kepada Malaysia. Kita mahukan satu pasukan polis yang profesional tetapi bagaimana? Bagaimana perkara ini boleh dilakukan tanpa rekomendasiasi Suruhanjaya Diraja dilaksanakan? Sudah 125, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan Dewan yang mulia ini, sebenarnya berapa *recommendation* telah dijelaskan? Bolehkah satu kertas dikemukakan di Parlimen mengenai 18 bulan selepas *recommendation Royal Commission of Inquiry*, 125 *recommendation*. Keadaan kedudukan setiap *recommendation* kerana *paper*, kertas yang dikemukakan supaya tunjuk bahawa kerajaan adalah serius. Yang Amat Berhormat tubuh Suruhanjaya Diraja, tetapi adakah serius untuk melaksanakan *recommendation-recommendation* itu?

Apabila kita berjumpa Y.Bhg. Tan Sri Musa Hassan IGP, dia kata, sekarang pihak polis setuju dengan apa kerajaan mahu buat mengenai IPCMC. Sungguhpun dahulu pihak polis ambil satu pendirian yang menentang penubuhan IPCMC yang disokong oleh Ahli-ahli Parlimen UMNO di sini, tetapi sekarang pihak polis sudah sedia rela untuk menerima IPCMC. Adakah Ahli-ahli Parlimen UMNO rela menerima IPCMC? Atau Ahli-ahli Parlimen UMNO *Youth*, mereka terus berdegil untuk tidak, menentang penubuhan IPCMC? Adakah mereka terus ada sikap *reactionary*, yang *regressive*, yang antinasional ini?

Di sini saya mahu tanya, sudah tiga minggu laporan ada dibuat. Lima laporan ada dibuat terhadap ucapan-ucapan yang begitu melampau dan menghasut dalam Perhimpunan Agung UMNO. Kenapa tiga minggu? Sudah tiga minggu, pihak polis tidak boleh habiskan siasatan? Ini bukan perlulah siasatan yang sangat mendalam. Semua dalam surat khabar. Televisyen, *live telecast* kepada negara, *live telecast* kepada dunia.

Semua bukti ada. Kenapa tiga minggu belum ada selesai? Selesai perkara ini, tutup siasatan kemukakan kepada mahkamah, Peguam Negara supaya tindakan diambil. Malangnya, sebelum tindakan diambil, *Supreme Council* UMNO sudah ada buat keputusan tiga orang sahaja *ticking off*. Nasihat keras dan pedas. Adakah ini *interference*. Inilah satu *interference* dengan urusan pihak polis dan Peguam Negara. Adakah ini satu mesej kepada pihak polis dan Peguam Negara memandangkan isu ini sebagai satu perkara yang ringan, tidak perlu..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...dan baru-baru ini 2 hari dahulu saya dapati bahawa UMNO *Youth* ada buat *police report* terhadap anggota-anggota DAP yang ada buat *police report*. Adakah ini lagi satu mesej? Sebenarnya satu mesej kepada pihak polis apa yang berlaku dalam perhimpunan agong tidak ada salah dan UMNO *above the law*. Adalah *above the law*. Saya harap bahawa kita ada satu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dalam perkara ini pihak polis dan Peguam Negara *will* ikut undang-undang, *uphold the law*, tak kira sesiapa termasuk UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akhirnya, baru-baru ini kita ada dengar tafsiran atau *description* Malaysia sebagai *police state* yang dibuat bukan oleh pihak pembangkang, tetapi oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. Malaysia *police state* dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menafikan bahawa Malaysia *police state*. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patutlah mengakui Malaysia sebenarnya *police state*, tetapi *since*, semenjak pemerintahan bekas Perdana Menteri. Oleh sebab siapa boleh kata di sini bahawa sesiapa yang tidak bersetuju dengan Kerajaan Barisan Nasional, ada *dissent* semacam saya,..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bila ditanya sama ada mungkin di masa depan saya ditahan ISA kali yang ketiga, tidak boleh kata tidak boleh. Itulah oleh kerana Malaysia sebuah negara *police-tic*. Sebab itu kalau kita mahu dapat polis berkhidmat dengan cekap, saya harap bahawa kita ada satu reformasi yang *far reaching*, kita memberi sokongan 100% kepada satu polis yang bertaraf dunia tetapi *there must be reform, there must be IPCMC. When is IPCMC ...*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

12.00 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bercakap fasal Butiran 2020200 - Logistik. Pertamaanya, saya ingin membangkitkan sekali lagi pertanyaan saya tentang pembinaan IPD bagi Parlimen Jerai ataupun IPD Yan yang ada tapak tetapi terbengkalai hingga ke hari ini, belum dimulakan apa-apa. Jadi saya hendak mintalah agar ini dapat dipercepatkan kerana Yan adalah kawasan pelancongan dan perindustrian.

Jadi, apabila tidak ada pasukan polis atau tempat polis, pejabat polis atau kuaters polis yang selesa, maka ini sukar kepada anggota-anggota polis untuk menjalankan tugas mereka. Saya berharap pihak kementerian akan dapat memberi jawapan kepada saya sama ada ia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun apa rancangan-rancangan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mempercepatkan pembinaan ibu pejabat polis bagi daerah Yan.

Satu lagi, saya memohon pihak kementerian supaya mempertingkatkan (*upgrade*) lagi Balai Polis Gurun kerana sekarang ini Gurun menjadi kawasan perindustrian dan Balai Polis Gurun terpaksa *cover* sampai ke Jeniang yang cukup jauh. Kadang-kadang apabila berlaku kemalangan, *crime* dan sebagainya tindakan itu agak lambat. Contohnya jika berlaku kemalangan di Gurun, maka pasukan polis trafik di Sungai Petani terpaksa turun dan sering kali berlaku kemalangan di lebuh raya antara Gurun - Sungai Petani dan Gurun - Alor Star.

Jadi saya berharap ibu pejabat polis ataupun Balai Polis Gurun itu boleh dipertingkatkan, diadakan unit trafiknya, unit pencegahan *criminal* supaya Gurun yang sekarang ini menjadi kawasan perindustrian dan telah pun digazet sebagai kawasan industri motor kereta terjamin keselamatan dan kesejahteraan dalam kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai dadah. Dadah ini adalah musuh negara. Apabila kita bercakap fasal musuh negara, maknanya *at any cost* kita harus membelanjakan peruntukan dan tenaga untuk membanteras. Walaupun kita tidak boleh menghapuskan kerana ia sukar selagi ada pengedar dan sebagainya tetapi sekurang-kurangnya kita boleh membanteras supaya penagih-penagih ini dapat kita selesaikan dengan baik. Kalau tidak ia akan berlarutan, daripada penagih jadi pembawa HIV dan dari HIV jadi AIDS dan sebagainya. Ini akan melibatkan kos yang semakin besar di masa akan datang.

Jadi, saya harap AADK ini harus diberi tenaga yang cukup untuk membanteras dan kita kena ada rancangan jangka masa yang panjang. Maknanya, daripada kecil lagi anak-anak ini kira harus bimbing mereka. Tunjukkan kepada mereka bahawa dadah ini berbahaya dan dadah ini perosak. Anak-anak ini harus dididik. Oleh itu AADK ini harus berbuat begitu. Sekarang ini peruntukan mereka terhad. Kadang-kadang terpaksa minta peruntukan dari Ahli Parlimen dan sebagainya untuk melancarkan kempen pencegahan dan lain-lain.

Kita sudah katakan dadah ini musuh negara, jadi apa salahnya kita keluarkan duit untuk membanteras dan melawan musuh negara ini. Musuh negara ini akan menyerapkan 'penyakit dadah' ini ke dalam manusia yang akhirnya akan menjadi 'tengkorak hidup' ataupun 'bangkai hidup', yang tidak boleh berbuat apa-apa dan tidak berguna lagi kepada kita.

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: 'Bangkai bernyawa'.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Langat. "Bangkai bernyawa". Kita tidak mahu 'bangkai bernyawa' banyak di Malaysia ini. Kita hendak modal insan yang boleh mempertahankan, mengurus dan membangunkan negara kita ini. Jadi, AADK kena buatlah ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya mempertahankan IPCMC ini. Kita kena ingat di satu pihak pembangkang mengatakan indeks jenayah meningkat, di satu pihak pembangkang hendak mengikat tangan pasukan polis - tidak boleh bertindak.

Tuan Pengerusi, penyangak, penyamun, pembunuh mana yang boleh kita pujuk dengan minuman teh ataupun bawa dia ke *coffee house*, *negiotate* dengan dia? Ini bukan berniaga! Kalau kita hendak pujuk sama ada *you* bunuh, tembak atau samun, sampai kiamat pun kita tidak akan dapat menangkap penjenayah.

Kalau Yang Berhormat bagi Kepong sendiri pun dia hisap dadah, bila saya tanya, Yang Berhormat hisap dadah? Dia kata, tidak. Sudah kena 'ghimbuk' tadi, dia beritahulah dia hisap. Contoh saja, jangan marah. Yang Berhormat tidak hisap.

Tuan Pengerusi, polis pun kena ada kuasa juga. Ini, kalau kena curi mikrocip, contohnya, kalau lambat ditangkap pembangkang sudah kata lambat, polis tidak berkemampuan dan sebagainya. Kalau kita tangkap orang yang disyaki itu, bagi makan nasi lemak, bawa bersembang dengan dia...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak berani? Oleh kerana tahu cakap bohong?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tidak berani oleh kerana dia bercakap bohong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bila sebut mengenai polis pukul, kalau pukul wanita, pukul budak-budak adakah ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maksud saya penyangak, penyamun, penipu, pembunuh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan. Dia ada sebut mengenai apa yang berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai tidak bagi jalan, Yang Berhormat layan dia ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak bagi. Ini ganggu saja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Chubadak? Itu orang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini ganggu Parlimen. Siang malam ganggu sahaja orang bercakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dusta sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macamlah dia tu bijak sangat dalam Parlimen ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Keluar Dewan]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, itulah. Bila kita ini sikit, keluar. Daya tahan tidak ada langsung. Itu pun sembang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hak yang marah itu janganlah masuk dalam minit, Tuan Pengerusi.

Jadi, kita kena rasional lah perkara macam ini. Pasukan polis kena jaga keselamatan, hendak melawan penyamun, penyangak yang ada senjata ini, Tuan Pengerusi, kita sendiri pun tidak mampu. Siang dan malam.

Yang Berhormat bagi Kepong tahukah nilai polis itu berapa duit? Peluru dia itu enam sen sahaja kosnya. Nilai mereka enam sen itu sahaja. Kalau tersilap hari bulan tertembak mereka, maka jadilah ibu tunggal, anak yatim. Ini kita harus ambil kira. Apa lagi? IPCMC yang hendak kita cadangkan ini yang diiya-iyakan sangat oleh DAP ini. Kalau kita ikut yang itu, polis sendiri tidak ada lagi mahkamah rayuan bagi mereka. Muktamad jawatankuasa yang ditubuhkan itu.

Di mana ada *human rights* di situ? Kalau polis mengaku kesilapan, dia tidak boleh bawa ke mahkamah. Dia tidak boleh merayu di Mahkamah Persekutuan dan sebagainya. Di mana letaknya *human rights* - hak kebebasan manusia pula? Kalau betul-betul DAP – pembangkang hendak bela sangat hak asasi manusia yang dicipta oleh Yahudi untuk melemahkan negara di dunia ini! Hak asasi manusia ini sebenarnya agenda Yahudi. Yang itu hak asasi, yang ini hak asasi. Hak yang mana menguntungkan mereka, hak mereka. Yang tidak menguntungkan hak asasi.

Jadi, kita mesti ingat berapa nyawa terbunuh, teraniaya, dirompak, diragut, disamun, dirogol dan sebagainya? Semua serah kepada polis. Bila polis lambat bertindak, oh, polis lemah. Bila polis bertindak terkasar sikit, DAP mendedahkan polis tidak bertimbang rasa, polis tidak berperikemanusiaan. Yang mana satu DAP hendak? Hendak indeks jenayah naik ataupun hendak turunkan indeks jenayah?

Kalau hendak turunkan indeks jenayah, kita kena ingat. Jangan ikat pasukan polis sampai tidak bergerak. Itu tidak adil. Dia tidak kena lagi. Cuba kena anak dia, keluarga dia, bini dia, cucu dia, tengok? Kalau Yang Berhormat bagi Kepong kena kepada bini dia, cucu dia, anak dia orang samun, orang larian, masa itu dia hendak kata apa?

Macam Yang Berhormat bagi Sekijang. Dia cerita dekat saya penyangak, penyamun masuk ikat, takut ... nasib baik dia tak usik anak bini. Kalau dia usik berlaku depan mata, seorang suami, seorang bapa tak berdaya untuk mempertahankan macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tengah semangat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, semangat lebih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Geram, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Ya, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Marah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya harap pihak-pihak DAP ini berpatutan. Kalau hendak indeks jenayah turun jangan tekan sangat pasal IPCMC ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau tidak, merekalah orang yang suka jenayah berlaku banyak di dalam negara kita ini dengan mengikat hak-hak pasukan polis untuk menjalankan tugas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai sila duduk, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya ucapkan tahniah kepada pasukan polis dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terus, jangan bimbang, jangan takut. Kami Ahli Parlimen Barisan Nasional akan terus mempertahankan hak pasukan polis untuk menjaga keselamatan dalam negara kita ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

.

12.11 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun setuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Jerai berkenaan dengan Butiran 02000 – Polis Diraja Malaysia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak ada salah polis.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jangan mudah bagi kita pada hari ini wahai sahabat-sahabat saya sebelah pembangkang, menuding jari kepada polis. Ingatlah saudara, satu jari menunjuk polis, empat jari tunjuk muka kita balik. Mengikut sejarah polis dalam negara kita ini gemilang. Berapa banyak kasus-kasus besar yang telah diselesaikan. Bagaimana polis menggadai nyawa semasa darurat dahulu mempertahankan negara. Bagaimana polis bertugas di bulan puasa di Kuala Lumpur mengatur lalu lintas. Pernahkah kita fikir tentang elaun tambahan dia?

Namun pada hari ini saya amat kecewa melihat apa yang dikemukakan oleh DAP, apa sahaja disalahkan polis tetapi saya penuh yakin dan percaya angkara yang berlaku yang telah disebutkan oleh Ketua Pembangkang tadi ada tangan-tangan di belakang yang mengapi-apikan orang kampung. Ada tangan-tangan yang menghasut orang kampung. Kalau dia tidak tunjuk perasaan, kalau dia tidak menunjuk ganas, saya penuh yakin dan percaya polis tidak akan bertindak kepada mereka.

Hari ini kita lihat, segala kekurangan yang ada pada polis, sepatutnya ini yang kita bahaskan dalam peringkat jawatankuasa ini. Kita minta polis supaya jangan lengah-lengah lagi dengan bajet yang ada ini, cepat mengambil tambahan anggota kerana mengikut nisbah yang baik, amalan antarabangsa satu anggota polis dengan 300 penduduk.

Tuan Pengerusi, di Melaka, di Bandar Melaka, di Bandar Hilir, di Tengkerah nisbahnya satu anggota polis bersamaan 5,000 penduduk, 5,000 penduduk dan banyak tempat-tempat macam itu. Jadi, oleh kerana adalah sedikit kemalangan, kecurian dan sebagainya oleh kerana tidak cukup anggota-anggota polis ini, adakah polis kita hendak salahkan. Adakah polis kita hendak salahkan?

Oleh yang demikian, saya tetap dengan pendirian saya yang mana saya telah nyatakan di dalam Dewan ini bahawa saya minta pihak kerajaan kaji balik IPCMC yang akan ditubuhkan yang mana hanya ditunjukkan kepada polis, walhal jabatan lain pun banyak masalah. Semalam saya bercerita di dalam Dewan ini berapa banyak masalah yang sedang dihadapi oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, kita tidak mahu cerita tentang apa yang berlaku di Jabatan Imigresen.

Saya pernah juga dalam Dewan ini membentangkan masalah-masalah dan rasuah yang berlaku dalam Jabatan Kastam, banyak lagi jabatan. Kalau hendak menubuhkan satu badan untuk mengawasi polis ini saya berharap supaya kerajaan dan juga *Attorney General* untuk hendak mengadakan satu badan yang boleh kawal selia dan menjaga semua agensi di dalam negara kita ini. Bukan hanya pada polis sahaja.

Saya berharap jasa polis, orang yang telah berjasa kepada negara ini, yang telah membangunkan negara ini yang sama-sama kita membangunkan negara ini daripada negara yang miskin sehingga negara kita pada hari ini sudah semakin maju, sudah maju pun. Ini disebabkan oleh kerana negara kita aman dan keamanan ini ialah kerana jasa polis yang dapat mengawal keadaan negara kita.

Kita pada hari ini tidur lelap pun, kita kena ucap terima kasih. Jangan dan disebabkan satu dua kes kita pada hari ini hendak menunjuk hero, hendak menunjukkan konon hak asas manusia dan sebagainya, saya berharap wahai pembangkang janganlah, janganlah hendak tunjuk hero, yang mana jasa polis, orang polis yang kena itu mat rempit langgar adakah pembangkang pergi tengok? Adakah di kalangan kita pergi tengok?

Saya berharap Tuan Pengerusi, soal ini jangan ditimbulkan dan kita lihat pada hari ini, kita minta supaya PDRM cepat, cepat, yang mana masalah perumahan tentang polis ini dengan bajet yang ini kita perlu segerakan. Kita perlu segerakan, segala kelengkapan, hari ini saya tengok surat khabar, polis megah dengan kereta-kereta proton yang baru, yang akan digunakan. Ini pun kita kena pertingkatkan dengan bajet kerana pada hari ini kita mengharap polis kejar penjahat dengan kereta kancil, setakat mana yang boleh di "pergi" oleh kancil? Setakat mana?

Kita kena bagi kereta WAJA, kereta WIRA kalau boleh PERDANA. Begitu juga dengan perumahan dia, kita kena selesaikan cepat. Tidak ketinggalan soal gaji polis kerana rata-rata polis yang berkhidmat di dalam bandar raya Kuala Lumpur, boleh kata pendapatan mereka kalau konstabel Tuan Pengerusi, di bawah garis kemiskinan. Di bawah garis kemiskinan! Kalau yang mana duduk di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur di Johor Bahru, di Pulau Pinang, kalau gaji RM700 atau RM800 Tuan Pengerusi, bagaimana penghidupan mereka. Pernahkah kita kaji ini semua?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Jasin, saya tengok Yang Berhormat bagi Jasin prihatin dengan polis. Boleh Yang Berhormat bagi Jasin cadangkan sekali supaya polis ini bukan sahaja polis

tidak dapat menghayati hidup yang berkualiti tetapi keluarga termasuk anak-anak polis pun tidak dapat hidup yang berkualiti kerana kesibukan polis kita menjaga keamanan negara.

Saya hendak cadangkan supaya sekolah-sekolah tertentu dikhususkan kepada anak-anak polis ini supaya peningkatan hidup mereka dapat diteruskan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Cadangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu masuk di dalam sebahagian daripada ucapan saya kerana kita lihat pada hari ini, oleh kerana kekurangan kakitangan, lebih-lebih lagi balai polis di luar bandar macam dekat Jasin, tidak cukup kakitangan. Di Merlimau tak cukup, oleh yang demikian masalahnya sekarang anggota yang sedia ada kena buat *double ship* dan mereka tidak pernah membantah pun?

Harga ini harga kelapa sawit begitu mahal, harga getah begitu mahal, di kawasan macam di Jasin pada hari ini kita dapat laporan-laporan orang curi getah sekerap, kepada polis juga kita mengadu. Anggota itulah dia yang dia hendak menjaga balai, yang dia hendak ronda bit, dia juga kena malam-malam pergi mengawal kebun-kebun getah ini kerana hendak hindarkan daripada pencuri-pencuri sekerap, mereka juga dan bila masa mereka untuk bersama-sama dengan anak-anak isteri mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak ada masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya berharap, saya berharap pihak Polis Diraja Malaysia dan kita berharap kepada JPA yang mana pihak Polis Diraja Malaysia ada memohon tambahan jawatan, kita minta yang ini dipercepatkan dan kita minta apa sahaja yang dimohon oleh polis untuk menambah anggotanya, saya berharap kerajaan jangan menolak. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Serdang.

12.19 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020100 – Urusan Polis. Tuan Pengerusi, kes polis palsu atau penyamar polis semakin menjadi-jadi dan yang sedang mengancam keselamatan orang-orang awam.

Mengikut laporan kes polis palsu yang berlaku pada tahun 2004 ialah sebanyak 356 kes. Pada tahun 2005, dengan adanya 591 kes. Daripada Januari hingga Jun tahun ini sebanyak 365 kes. Seseorang yang memakai uniform polis berniat menghentikan orang awam untuk diperiksa di tepi jalan memang susah untuk ditentukan sama ada polis berkenaan benar atau palsu pada ketika itu kerana orang awam biasanya akan patuhi kepada arahan polis untuk berhenti dan diperiksa. Jika tidak berhenti, mungkin takut ditembak jika polis tersebut adalah polis benar. Sebaliknya jika polis itu palsu, orang awam takut pula kena rompak. Inilah satu keadaan dilema, bimbang dan rasa khuatir orang awam pada ketika ini. Apakah tindakan yang berkesan dapat atau akan diambil oleh pihak kementerian dan pihak polis untuk menangani isu ini yang sedang mengancam keselamatan orang ramai.

Tuan Pengerusi, kes kecurian peralatan kemudahan bekalan awam semakin kerap berlaku. Daripada besi keluli, besi penutup longkang, papan tanda, pili bomba, meter air sehinggalah kepada kecurian kabel telekom, peralatan pencawang TNB dan lain-lain. Semuanya berlaku kerana logamnya yang boleh ditukar kepada ringgit dengan mudah. Laporan mengenai penjenayah kes-kes seumpama ini ditangkap polis nampaknya tidak banyak membantu bagi mengurangkan kecurian kemudahan utiliti ini. Apa yang kita pasti ada permintaan yang kuat bagi barangan curian itu seraya mudah dilupuskan. Tindakan sama serius juga perlu ditumpukan kepada mereka yang membeli barangan curian itu supaya tidak ada lagi elemen permintaan terhadap barangan curian.

Tuan Pengerusi, pihak kementerian dan PBT, pihak berkuasa tempatan perlu memastikan permit membeli logam terpakai berlesen sahaja dibenarkan beroperasi di

kawasan-kawasan yang ditentukan dan sering memeriksa catatan rekodnya. Saya merayu kepada pihak kementerian agar Akta Peniaga Barang Terpakai tahun 1946 perlu dikaji semula dengan segera untuk mengetatkan peraturan bagi menyesuaikan keadaan kini bagi membantu menangani isu ini.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa sebanyak enam ibu pejabat daerah polis baru, 35 balai polis dan 12 pondok polis akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan kosnya berjumlah RM700 juta. Dengan adanya cadangan projek dan peruntukan yang disediakan, maka saya meminta kepada pihak kementerian agar memberitahu kedudukan projek-projek yang saya akan sebutkan ini sama ada telah disenaraikan dalam rancangan ini atau tidak;

- (i) pembinaan IPD Subang Jaya baru.
- (ii) pembinaan pondok polis di Bangi lama daerah Hulu Langat kerana tapak telah dikenal pasti untuk menggantikan Balai Polis Bangi Lama yang diperintah pindah ke kawasan baru tanpa perbincangan.
- (iii) pembinaan balai polis di Bandar Tun Hussein Onn daerah Hulu Langat untuk memberi kemudahan perkhidmatan polis di sekitar kawasan Balakong.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada pihak kementerian untuk membuka semula balai polis Serdang Lama bagi urusan kepolisan yang diperlukan oleh lapisan masyarakat di sekitar kawasan Taman Sungai Besi Indah, Mines Resort, Serdang Lama dan lain-lain tempat yang kini terpaksa ke Balai Polis Sri Serdang sejauh lebih 5km jaraknya untuk urusan polis. Berilah perkhidmatan dan kemudahan kepolisan yang sedia ada untuk rakyat berhampirannya, merupakan tanggungjawab sosial dan komitmen kementerian ini. Ini juga kerana Balai Polis Serdang Lama telah wujud lebih 50 tahun lamanya tapi telah ditutup pentadbirannya dan hanya tinggal kosong sahaja. Maka saya minta pihak kementerian untuk menimbangkan semula, biarkan kemudahan yang telah disediakan patutnya beri perkhidmatan kepada rakyat yang berhampiran. Jangan mereka pergi begitu jauh untuk melaporkan kes-kes kepada polis yang lain. Sekian, terima kasih.

12.25 tgh.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh mengenai balai-balai polis, butiran 1200. Sebelum itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih oleh kerana Balai Polis Inanam, saya difahamkan telah pun diwartakan sejak tahun yang lalu. Malang sekali pada ketika ini mereka belum pun mempunyai satu balai yang selesa, mereka tidak ada balai oleh kerana pondok pada ketika ini ialah pondok yang telah dibina pada tahun 80-an lagi. Sebab pada dahulunya, balai Menggatal yang kita guna untuk memantau dan juga bagi Inanam.

Saya mohon ialah adakah peruntukan telah diberi untuk balai Inanam ini? Memang tidak dinafikan kita mempunyai kawasan di Inanam di mana berek ataupun rumah bagi polis-polis telah pun disediakan. Saya difahamkan ini disewa daripada pemaaju untuk pihak polis duduk di kawasan Inanam tetapi untuk balainya sendiri, kita difahamkan belum ada lagi.

Kedua, mengenai bangunan penjara, butiran 56000. Dalam kita menangani pendatang-pendatang tanpa izin, kita dikerumuni oleh ramai pendatang-pendatang khasnya di Sabah. Pusat-pusat tahanan pada ketika ini, saya difahamkan tidak dapat menangani pendatang-pendatang tanpa izin semasa mereka dalam tahanan sementara ini. Satu contoh di mana pusat penahanan sementara ini di Menggatal, kita nampak dan lihat begitu sesak sekali dengan pendatang-pendatang tanpa izin yang berkerumun di tempat itu. Kawasan itu juga tidak begitu selamat, sering kali dibocori dan sering kali ramai tahanan-tahanan di kawasan itu lari sehingga penduduk kampung risau atas keselamatan mereka. Soalan sekarang ialah adakah kita dapat memperbaiki bangunan-bangunan ini oleh kerana sekiranya kita masih guna bangunan-bangunan seperti yang ada ketika ini tentu sekali ini tidak akan memberi keselamatan.

Yang seterusnya mengenai sekolah Henry Gurney, butiran 5800. Di Sabah kita mempunyai beberapa sekolah, satu yang masih digunakan di Kepyayan dan juga ada di Keningau. Masalahnya ialah kita mempunyai ramai kanak-kanak sebagai pelatih di sekolah-sekolah ini. Masalah ialah kita tidak mempunyai bahan-bahan ataupun perkakas-perkakas yang perlu untuk menjalankan latihan-latihan ini kepada pelatih di situ. Contohnya saya telah melawat pada beberapa tahun yang lalu, kita dapati bahawa memang banyak kekurangan di dalam bengkel-bengkel mereka.

Jadi apakah ini dapat kita menggalakkan supaya pelatih-pelatih ataupun budak-budak di situ dapat menceburi penguasaan untuk pembinaan ataupun *mechanic*, dengan izin, oleh kerana kita tidak mempunyai bahan ataupun perkakas-perkakas yang mencukupi untuk pelatih di sini. Dengan itu, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

12.30 tgh.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 01000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri, 020100 – Pengurusan Polis.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang operasi penangkapan pendatang asing. Saya difahamkan anggota PDRM secara individu dan perseorangan tidak dibenarkan menjalankan operasi membanteras pendatang asing melainkan ia menjalankan operasi secara bersepadu bersama-sama dengan agensi lain seperti RELA dan juga Jabatan Imigresen. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan perkara ini. Ini pun Yang Berhormat bagi Bintulu minta saya tolong cakap.

Perkara yang kedua ialah isu kenaikan pangkat dan surat sokongan daripada Ahli Parlimen, Timbalan Menteri ataupun Menteri untuk anggota-anggota polis. Tuan Pengerusi, selaku Ahli Parlimen kita tahu apa yang berlaku di kawasan kami termasuk kerja-kerja yang telah dijalankan oleh anggota-anggota polis di kawasan Parlimen masing-masing. Kadang-kadang kita dapat tahu ada anggota polis yang memang baik dan melaksanakan tugas dengan begitu efektif tetapi kenaikan pangkat dia *slow* sedikitlah. Ada juga yang menghadapi masalah keluarga datang jumpa kita untuk pohon buat surat sokongan untuk bertukar ke tempat yang bersesuaian.

Tuan Pengerusi, sebagai Ahli Parlimen memang dalam Parlimen kita mempunyai banyak rakan yang baik. Salah satu ialah Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Yang Berhormat bagi Kubang Pasu dan saya selaku Ahli Parlimen pun ada minta tolong dia untuk buat surat *recommendation* kepada PDRM. Yang saya hairan, Tuan Pengerusi, selepas buat surat *recommendation*, beberapa minggu kemudian pegawai polis tersebut yang mohon bantuan dari kami menerima surat amaran daripada pihak polis bahawa dia tidak boleh gunakan saluran politik. Tambahan pula surat sokongan daripada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, saya rasa lebih kurang tidak laku dipakai.

Saya hendak tanya Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, PDRM adalah di bawah kawalan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, kalau surat sokongan daripada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri iaitu selaku Timbalan Menteri dalam kementerian sendiri, kalau surat daripada beliau pun ditegur oleh PDRM, maka apakah pandangan rakan-rakan di Dewan Rakyat ini. Maka saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

12.34 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya tiga butiran, PDRM – 20000. Sama macam Yang Berhormat bagi Jerai juga saya rasa. Saya hendak tanyalah Timbalan Menteri bilakah IPD Pendang hendak disambung semula. Hari itu Menteri jawab akan disambung tetapi bila saya balik tengok, bukan IPD Pendang yang disambung itu tetapi itu Pejabat Pendaftaran Pendang. Saya harap Timbalan Menteri mendapat maklumat yang tepatlah.

Kemudian yang kedua, rumah anggota polis. Kita mendapat tahu bahawa polis ada mengatakan mereka akan menyewa ataupun membeli rumah-rumah di kawasan-kawasan perumahan sebagai perumahan untuk anggota-anggota polis sebagai serampang dua mata – satu untuk polis tinggal dan satu lagi untuk menjaga keselamatan di kawasan perumahan tersebut.

Jadi saya hendak tahu kenapakah sampai terpaksa dijadikan begini kerana banyak masalah yang timbul kepada keluarga anggota polis itu sendiri seperti berlaku kecurian, peras ugut dan sebagainya di kawasan-kawasan perumahan. Bukan di kawasan-kawasan kuarters polis. Jadi sekiranya mereka dibiarkan duduk di kawasan-kawasan perumahan begitu, mungkin anggota polis itu tidak menjadi masalah tetapi kepada keluarga mereka dan anak-anak mereka. Saya rasa ini perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Pondok-pondok *beat* polis yang telah diwujudkan beberapa tahun yang lepas, sekarang ini banyak di kawasan-kawasan bandar besar dan juga kecil kita dapati tidak digunakan, tidak ada anggota polis yang berada di situ dan kebanyakan kelengkapan di situ sama ada telah dicuri ataupun hilang. Ini pondok *beat* polis sendiri, misalnya tingkap nako dia hilang, meja kerusi di dalam sudah hilang. Maknanya benda-benda yang sepatutnya polis tidak boleh hilang tetapi wujud pondok-pondok *beat* polis ini yang kehilangan. Saya tidak pasti mungkin ada pondok-pondok *beat* polis itu sendiri yang telah kehilangan di sesetengah tempat.

Yang kedua, 050000 tentang Penjara. Saya mendapat maklumat tentang Penjara Pokok Sena, dua daripada kuarters pegawai tidak dapat digunakan kerana dikatakan tidak mengikut spesifikasi pembuatannya. Jadi saya hendak taulah bila kuarters pegawai ini akan dibaiki ataupun kenapakah sampai begitu sekali terjadi – tidak dapat diduduki kerana tidak mengikut spesifikasi.

Kemudian yang ketiga tentang JPA3 ini, 070500. Kita tahu setiap kali apabila berlakunya musibah ataupun terjadi seperti banjir baru-baru ini di tempat saya, kebakaran, tanah runtuh dan sebagainya, maka JPA3 inilah di antara unit-unit yang telah digerakkan dahulu untuk sampai ke kawasan tersebut dengan bot mereka dan anggota mereka tetapi dari segi kebajikan mereka ini, kita dapati ramai daripada anggotanya yang terdiri daripada suri rumah dan juga anggota-anggota muda yang belum berkahwin tetapi dari segi kebajikan mereka, rasanya tidak mendapat perhatian yang secukupnya.

Apakah yang terjadi sekiranya mereka menerima musibah semasa menjalankan tugas tersebut? Apakah mereka ini dilindungi oleh insurans, misalnya insurans berkelompok ataupun insurans individu? Pejabat JPA3 di Pendang ini saya rasa telah terlalu daif, terlalu teruk dan mungkin kalau dibiarkan setahun atau dua tahun lagi mungkin menyembah bumi dengan kawasannya yang penuh rumput rampai yang terbiar dan tidak terjaga. Jadi saya harap pihak kementerian kalau boleh apabila Pejabat Daerah Pendang akan berpindah ke pejabat daerah baru, bolehlah pejabat daerah yang lama ini dijadikan sebagai pejabat JPA3. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Maran.

12.38 tgh.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi peluang kepada saya untuk membahaskan butiran ini. Saya ada beberapa perkara, Tuan Pengerusi. Yang pertamanya ialah Butiran 20000, pecahannya 12000 iaitu Polis Diraja, Balai dan Pondok Polis. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan dan kementerian, di Maran kita telah memulakan pembinaan Balai Polis Daerah Maran tetapi

pembinaan ini telah tergendala dan terbengkalai dan saya difahamkan tidak akan diteruskan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan kementerian, bilakah balai polis ini akan disiapkan? Apakah kerajaan bercadang untuk memindahkan tapak ini kepada tapak lain kerana tapak yang ada sekarang ini dibuat atas bukit dan di bawah berhampiran dengan kabel TNB. Oleh kerana sebahagian projek ini telah dilaksanakan, saya kira telah banyak duit telah dikeluarkan, pembaziran telah berlaku, saya ingin tahu berapa banyakkah belanja yang telah dikeluarkan oleh kerajaan kerana membina pondok ini walaupun akhirnya terbengkalai.

Berikutnya ialah tentang pondok-pondok polis di kawasan luar bandar. Saya perhatikan banyak terdapat pegawai-pegawai polis dan anggota-anggota polis yang ditempatkan di kampung-kampung tradisional bagi membantu masyarakat luar bandar termasuklah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tetapi malangnya sebahagian daripada mereka ini duduk di rumah-rumah sewa yang tidak selesa dan saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya merancang dengan sebaik mungkin supaya dapat kita membina pondok-pondok polis yang lebih selesa kepada anggota polis ini.

Bagi kawasan saya di Chenor, di kawasan Parlimen Maran, bilakah kerajaan hendak membina satu pondok yang baru di Chenor Seberang bagi menempatkan dua orang anggota polis yang berada di kawasan berkenaan.

Yang berikutnya ialah Butiran 070500 – JPA3. Saya mengucapkan terima kasih kepada pasukan ini kerana saya perhatikan seperti yang disebutkan oleh sahabat kita, Yang Berhormat bagi Pendang dan beberapa rakan yang lain bahawa JPA3 ini memainkan peranan yang besar di samping polis, tentera dan juga RELA dan mereka ini memanglah saya kira mempunyai semangat sukarelawan yang tinggi yang perlu kita berikan sokongan.

Malangnya dari segi kebajikan dan kemudahan mereka ini tidak mencukupi. Saya mohon bagi kawasan Parlimen Maran khususnya di Chenor dan juga di kawasan Pekan Tajau, mereka ini tidak mempunyai kemudahan pengangkutan. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan berilah pertolongan kepada mereka ini. Memberikan sebuah kenderaan yang boleh digunakan bagi mereka bergerak dalam membantu masyarakat agar tidak berlaku peristiwa-peristiwa ataupun bencana alam di kawasan berkenaan.

Yang ketiga Tuan Pengerusi ialah, perkara Butiran 010000 - Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri ataupun Butiran 060000 - Dasar Baru. Saya ingin bertanya balik dahulu kita ada jawatankuasa, sekarang pun ada saya kira. Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan juga Jawatankuasa Keselamatan Daerah yang mana kedua-dua ini diletakkan di bawah bahagian Keselamatan Negara, yang pernah saya terlibat di mana jawatankuasa ini cukup besar peranannya di mana jawatankuasa ini ialah terdiri daripada agensi-agensi yang mempunyai peranan keselamatan yang tinggi, seperti polis, tentera, cawangan khas penerangan dan juga pegawai daerah pejabat Menteri Besar.

Saya perhatikan dan saya dapat maklumat daripada daerah-daerah bahawa Jawatankuasa Keselamatan Daerah ini tidak berperanan lagi walaupun mungkin ada peranan, tetapi tidak bergerak dengan baik. Sedangkan dahulunya semasa kita berhadapan dengan orang Komunis, jawatankuasa inilah sebenarnya memainkan peranan bagaimana melaksanakan program-program gerak saraf, melaksanakan program-program kumpulan tindakan sivil yang di mana akhirnya kita dapat membanteras penganas Komunis di kawasan-kawasan kita termasuk kawasan luar bandar. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya jawatankuasa ini digerakkan semula.

Digerakkan dengan serius kalau kita ingin melihat masalah-masalah dadah yang disebut kan oleh sahabat kita Yang Berhormat bagi Sabak Bernam di mana dikatakan bahawa pasukan keselamatan tentera tidak terlibat. Saya kira jawatankuasa ini tidak digunakan dengan baik. Saya minta semula supaya jawatankuasa ini digerakkan semula dan diberikan peranan yang sepatutnya supaya dapat menyelaraskan program-program keselamatan bagi kita menghadapi masalah keselamatan negara. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

12.42 tgh.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara sahaja mengenai Butiran 020300 - Penyiasatan Jenayah. Tuan Pengerusi, kita boleh katakan kes ragut, kes rompakan, kes kecurian berlaku setiap hari dan di mana-mana tempat. Kes jenayah ini bukan sahaja meragut harta mangsa, tetapi juga menggugat nyawa mereka dan sudah pasti bawah golongan wanita adalah mangsa ragut. Masalah yang timbul sekarang ialah apabila peragut atau pencuri tertangkap oleh polis dengan bukti yang cukup, mereka akan terlepas dua, tiga atau empat hari kemudian. Terdapat penduduk membuat aduan kepada saya bahawa, peragut masih membuat jahat atau ulangi melakukan ragut walaupun pernah ditangkap.

Tuan Pengerusi, kita sering menyeru rakyat kita berganding bahu dengan pihak polis untuk mencegah jenayah. Mereka berusaha bekerjasama menghulurkan bantuan kepada pihak polis berjaya menangkap peragut tetapi peragut masih tidak dijatuhkan hukuman atau dipenjarakan. Saya pernah merujuk perkara ini kepada Ketua Polis Daerah. Jawapannya ialah, masalah ini beralu kerana kerajaan belum ada satu akta atau undang-undang yang boleh terus menjatuhkan hukuman kepada peragut sebaik sahaja mereka ditangkap.

Oleh itu, selepas masuk lokap selama mungkin dua hari, tiga hari atau empat hari, mereka akan dilepas untuk menunggu hukuman daripada mahkamah. Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru kepada pihak kementerian supaya dapat membuat satu akta baru yang boleh menjatuhkan hukuman secara terus apabila peragut ditangkap dengan bukti yang cukup. Akta ini dibuat supaya tidak memberikan mereka peluang lagi untuk mengulangi kesalahan serta dapat membanteras jenayah ragut yang berleluasa, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Keadilan, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. *[Ketawa]*

12.45 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, memang adillah nampak gayanya. Izinkan saya menyentuh dua perkara. Pertama, berkaitan dengan peruntukan untuk Polis Diraja Malaysia dalam aktiviti di bawah pentadbiran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri saya nampak bilangan kes hak asasi manusia yang diurus telah di kurangkan daripada 200 kes pada tahun 2006 kepada 150 kes pada tahun 2007. Adakah ini bermakna, kes pencabulan hak asasi manusia di negara kita semakin kurang ataupun kita tidak mempunyai satu mekanisme dan sistem yang berkesan untuk mengendalikan kes hak asasi manusia. Selagi IPCMC tidak ditubuhkan segala statistik kes hak asasi manusia yang diurus tidak mendapat mencerminkan keadaan yang sebenar.

Merujuk kepada B.62, 020100, peruntukan untuk Pengurusan Polis Diraja Malaysia telah bertambah, sebanyak RM19 juta. Adakah penambahan peruntukan ini akan digunakan untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas memantau polis IPCMC yang amat diperlukan ini. Sekiranya peruntukan ini untuk kementerian bukan untuk menubuhkan IPCMC yang disyorkan oleh Suruhanjaya Diraja dan seperti yang diharapkan oleh rakyat jelata, apakah sebab peruntukan ini ditambahkan kepada kementerian atas sistem pengurusan polis yang semakin hilang keyakinan rakyat.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 020200, peruntukan Logistik Polis telah dikurangkan daripada RM1.043 bilion pada tahun 2006 kepada RM1.008 bilion. Pengurangan ini kelihatan seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak mantap dalam menunaikan saranan Suruhanjaya Diraja yang menyeru kerajaan supaya memperbaiki kemudahan balai seperti lokap-lokap dan membantu dalam mempertingkatkan logistik polis tetapi, kalau kita rujuk kepada Butiran 23000 dalam Perkara P.62, terdapat RM178 juta yang diperuntukkan untuk tajuk Kapal Terbang. Bolehkah Menteri menjelaskan, adakah ini untuk pembelian kapal terbang yang baru untuk pihak polis atau apa tujuan sebenar menggunakan kapal terbang ini.

Perkara kedua berkaitan dengan peruntukan untuk penjara, Tuan Pengerusi. Untuk Butiran 050300, peruntukan sebanyak RM29,821,400 telah diberikan kepada pemulihan banduan. Apakah program pemulihan yang telah dijalankan oleh Jabatan Penjara? Di Kem Tahanan Kemunting, di mana orang yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri - ISA, berapakah jumlah wang yang diperuntukkan untuk menjalankan program pemulihan. Jika seseorang itu belum dibicarakan di mahkamah, maka seseorang itu dianggap tidak bersalah. Apakah justifikasi untuk menjalankan program pemulihan?

Saya juga ingin meminta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu benarkan khabar-khabar yang menyatakan bahawa BSA Tahir yang dikaitkan dengan penyeludupan alat komponen nuklear yang ditahan di Kem Tahanan Kemunting telah dibebaskan? Benarkan BSA Tahir masa ditahan telah menerima layanan istimewa kalau dibandingkan dengan orang tahanan ISA yang lain.

Perkara ketiga Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan kawalan penerbitan yang terkandung dalam Butiran 010100 - Pentadbiran Keselamatan Dalam Negeri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Parti Keadilan Rakyat telah membuat permohonan untuk permit mencetak akhbar parti lebih satu setengah tahun dahulu. Walaupun kita telah hantar beberapa surat ke pejabat Kementerian di Putrajaya dan telah cuba mendapat satu mesyuarat dengan pihak Kementerian berkenaan, sampai hari ini kita belum mendapat apa-apa jawapan sehingga kita terdesak memfailkan aduan di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Hanya satu parti iaitu Parti Keadilan Rakyat yang tidak mempunyai permit untuk mencetak dan menyebarkan akhbar parti. Jadi soalan saya ialah adakah terdapat niat yang tersembunyi di mana pihak Kementerian menangguhkan hak kita untuk mencetak akhbar parti sehingga satu *acknowledgment* atau penerimaan pun belum diterima sampai hari ini.

Izinkan saya sentuh perkara yang terakhir dalam Butiran yang sama. Saya telah bangkitkan semalam perkara ini tetapi disebabkan ada pertindihan Kementerian, saya ulangi di sini. Beberapa buah kedai telah menyoal pihak Kementerian kerana baru-baru ini senarai buku-buku yang dimasukkan beberapa karya sastera klasik dan ternama yang digunakan dalam kursus sastera di sekolah tinggi dan universiti-universiti kebangsaan seperti *Things Fall Apart* oleh Chinua Achebe, *The Malayan Trilogy* oleh Anthony Burgess, *Midnight's Children* oleh Salman Rushdie dan *Immortality* oleh Milan Kundera. Ini adalah trend yang amat membimbangkan kerana buku-buku tersebut merupakan karya yang terkemuka tetapi sampai hari ini kita belum tahu apa alasan sebenar untuk mengehendkan buku-buku tersebut.

Selain apa yang dilaporkan di akhbar tempatan di mana setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab iaitu Encik Din Yusof mengatakan bahawa Menteri Keselamatan Dalam Negeri mempunyai dengan izin *absolute discretion to gazette undesirable productions*. Alasan *absolute discretion* tidak boleh digunakan sebagai alasan. Menteri yang berkenaan harus bersifat *transparent* dan *accountable*. Kalau tidak rakyat akan menganggap menteri sebenarnya tidak memberi jawapan yang munasabah.

Sepertimana yang dinyatakan oleh pakar sastera dan pendidikan IR Richards dengan izin, "*a book is a machine to think with*" atau secara ringkasnya buku adalah satu alat yang membolehkan kita berfikir.

Saya menyeru pihak Kementerian supaya janganlah menjadikan diri sendiri sebagai penjajah minda rakyat Malaysia. Kerajaan seharusnya memberi kebebasan kepada rakyat untuk membuat penilaian sendiri. Jangan selalu kita berasa kurang yakin atas kemampuan rakyat Malaysia untuk berfikir dan menilai buruk baik satu-satu karya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

12.53 tgh.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut membahaskan bagi Maksud 62 ini iaitu di bawah Butiran 11000-Ibu

Pejabat Polis dan Butiran 12000-Balai-balai dan Pondok Polis. Tuan Pengerusi, akibat daripada kesedaran masalah keselamatan yang berlaku akhir-akhir ini, banyak persatuan-persatuan penduduk dan persatuan-persatuan pedagang yang bimbang tentang keselamatan mereka telah menulis pelbagai surat rayuan serta permohonan kepada pihak-pihak keselamatan terutama sekali kementerian ini bagi tujuan pembinaan pondok-pondok polis atau dipanggil polis *beat* dalam kawasan masing-masing.

Di kawasan saya Tuan Pengerusi, banyak juga pondok-pondok polis yang telah mendapat kelulusan dan akhirnya dibina bagi tujuan mengawal keselamatan serta memberi perhatian yang lebih baik kepada penduduk-penduduk setempat. Di kawasan Hulu Langat Tuan Pengerusi, di Bandar Baru Sungai Long, di Bandar Mahkota malah di Bandar Kajang itu sendiri telah dibina pondok-pondok polis yang begitu cantik dan yang begitu canggih yang boleh dilihat daripada luar yang menunjukkan betapa prihatinnya anggota keselamatan berkenaan dengan keselamatan orang ramai. Malangnya, selalunya pondok-pondok polis ini hanya indah di pandang tanpa pun ada seorang anggota polis tidak kira waktu malam atau waktu siang.

Adakah pihak kementerian beranggapan bahawa dengan kewujudan pondok-pondok polis dalam kawasan-kawasan tertentu itu sahaja memadai untuk menakutkan penjenayah. Dengan kewujudan pondok-pondok polis itu sudah mampu untuk memastikan bahawa keselamatan penduduk setempat sudah terjamin. Yang Berhormat Timbalan Menteri, akhir-akhir ini jenayah yang berlaku sungguh kejam dan berlaku dalam keadaan terang-benderang dan tidak mempedulikan pandangan orang ramai malah mereka tidak bimbang untuk ditangkap oleh orang ramai pun.

Baru-baru ini terdapat satu kejadian jenayah yang cukup menakutkan. Ketika seorang kontraktor mengeluarkan wang berjumlah RM30,000 seminggu yang lepas. RM30,000 sahaja dan mereka bergerak dengan dua buah kereta, mengepung kenderaan ini dan kemudiannya memecah pintu pada pukul satu tengah hari di laluan awam yang cukup ramai pengguna jalan raya dan orang lain tidak dapat berbuat apa-apa. Walaupun kejadian itu tidak jauh lebih kurang satu kilometer sahaja daripada balai polis yang berdekatan. Keadaan-keadaan sebegini membimbangkan keselamatan orang ramai dan malah wang RM30,000 itu bukanlah satu jumlah yang besar jika dibandingkan dengan keadaan ekonomi sekarang ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perkara adakah peruntukan yang diperuntukkan bagi membina semula Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang kerana dalam lawatan-lawatan saya ke balai polis ini, saya dapati bahawa beberapa unit terutama sekali Unit Trafik, Unit Siasatan Jenayah, Unit Siasatan Dadah dan juga *Special Branch* telah diletakkan di rumah-rumah anggota yang telah dikosongkan iaitu *flat* anggota yang telah dikosongkan kerana kekurangan tempat-tempat untuk anggota ini menjalankan perkhidmatan. Jadi saya berharap pihak kementerian dapat memerhati keperluan untuk membina semula Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula menyentuh Butiran 050300-Pemulihan Banduan. Tuan Pengerusi, saya menyanjung tinggi usaha pihak penjara untuk memulihkan atau memberi kesedaran kepada banduan-banduan yang dipenjarakan dengan harapan satu hari nanti apabila banduan ini telah menjalani proses pemenjaraan mereka, mereka akan kembali kepada masyarakat, kembali kepada keluarga untuk menjadi warga yang berguna, tetapi Tuan Pengerusi, sehingga keluar ke pintu penjara semata-mata ianya tidak menjamin bekas banduan ini akan menjadi manusia yang berguna kerana di luar selepas daripada itu terlalu banyak cubaan dan godaan yang akan menghantui bekas-bekas banduan ini.

Tuan Pengerusi, di Penjara Sungai Jelok di Kajang, terdapat beberapa peristiwa yang cukup menyedihkan kerana beberapa banduan yang keluar daripada penjara dan yang dilepaskan daripada penjara tidak mendapat sambutan daripada keluarga atau ahli masyarakat. Akhirnya mereka ini merempat di kawasan sekitar, tiada tempat tinggal untuk berlindung dan akhirnya menjadi lebih buruk lagi mereka bergaul pula dengan ahli masyarakat di sekitar kawasan berkenaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada, ada atau tidak penjara-penjara pusat sebegini menyediakan rumah-rumah persinggahan misalnya kepada banduan-banduan yang telah dilepaskan daripada penjara dan tidak mempunyai hala tuju tertentu? Tambahan daripada itu, saya juga ingin menyatakan bahawa terdapat beberapa orang banduan terlantar sakit yang enggan untuk

keluar daripada Hospital Kajang, yang mendapat rawatan di sana dan akhirnya dia akan mengisi katil-katil yang disediakan untuk pesakit-pesakit lain.

Tuan Pengerusi, butiran terakhir yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Butiran 56000-Bangunan-bangunan Penjara. Peruntukan bagi perkara ini diperuntukkan sebanyak RM350 juta dan saya percaya bahawa sebahagian daripada peruntukan ini akan digunakan untuk membina satu pusat yang dicadangkan iaitu pusat tahanan reman di Semenyih.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada cadangan ini akan diteruskan dan adakah perkara-perkara berkenaan dengan kedudukan tempat ini terlalu jauh daripada mahkamah dan akan melalui laluan-laluan yang mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk boleh menukar pendirian kementerian untuk mengalih projek pusat tahanan reman di Semenyih ke satu tempat yang lain? Saya mohon supaya kalau boleh tapak ini dipindahkan ke tempat lain. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

1.01 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung petang nantilah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Okay, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat bagi Tebrau untuk sambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya hendak menyentuh Butiran 020600 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Terlebih dahulu saya ingin menyokong sepenuh-penuhnya cadangan rakan saya tadi, supaya kerajaan mengambil tindakan segera meningkatkan skim gaji polis supaya kebajikan polis dapat diperbaiki lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kegiatan jenayah, merompak bersenjata secara berkumpulan. Saya hendak tahu dari siasatan polis siapakah penjenayah-penjenayah yang terlibat? Adakah mereka ini rakyat tempatan atau pun pendatang-pendatang asing yang haram? Berapa peratus kes jenayah merompak secara berkumpulan dan juga bersenjata ini berjaya disiasat dan selesai dengan penjenayah-penjenayah ini diheret ke mahkamah?

Yang kedua, saya menyentuh tentang ancaman dan penganiayaan Ah Long terhadap keluarga-keluarga yang terlibat. Banyak keluarga telah berpecah-belah dan hancur dan anak-anak yang tidak berdosa telah terkorban. Operasi Ah Long secara terbuka mencabar undang-undang negara. Jadi PDRM perlu mengambil tindakan yang

lebih gigih untuk mengesan punca operasi Ah Long dan hukuman yang lebih berat lagi dan secara *deterrent* perlu dipakai.

Kita melihat *business card* Ah Long itu dengan nombor telefon dicampak ke halaman rumah setiap hari. Sungguhpun pengguna *handset* yang menggunakan kad *prepaid* itu didaftarkan setelah 15 Disember ini dan saya difahamkan ada juga Ah Long-Ah Long yang menggunakan kad pengenalan orang mati. Jadi saya minta PDRM berusaha lagi untuk mengesan punca, sarang penjenayah-penjenayah Ah Long dan menyekat cara operasi Ah Long yang tidak menghiraukan hidup mati orang lain.

Saya juga ingin menyentuh tentang kegiatan agama dan politik yang fanatik dan juga bersifat menghasut dan tidak menghiraukan sensitiviti kaum-kaum lain di negara ini. Saya merayu kepada kerajaan supaya mengambil tindakan sewajarnya yang meyakinkan rakyat keseluruhan terhadap mereka mahupun ahli politik ataupun aktivis-aktivis agama yang melakukan perbuatan secara lisan ataupun dalam bentuk sebarang kegiatan yang bercanggah dengan undang-undang negara yang sedia ada, disekat dengan kadar segera dengan tindakan yang berpatutan supaya asas perpaduan negara tidak terancam.

Kita sedia maklum bahawa pembangunan, kemajuan, kemakmuran, dan ketenteraman serta berjaya negara ini mencapai status yang dipuji-puji dunia adalah kerana terwujudnya keharmonian dan perpaduan kaum di negara ini. Oleh sebab itu saya minta kerajaan memandang serius tentang kegiatan-kegiatan fanatik orang-orang politik dan juga aktivis-aktivis agama yang sering berlaku di negara kita. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

2.37 ptg.

Dato' Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya terus kepada Butiran 11000 - Ibu Pejabat Polis dan juga Butiran 12000 - Balai-balai dan Pondok Polis. Di kawasan saya, sudah ada perancangan untuk mengalih ibu pejabat polis daerah yang lama kepada satu yang baru dan projek ini sudah berjalan secara *turnkey* dan saya melihat bangunan baru ataupun perpindahan ibu pejabat lama ke yang baru telah pun siap bangunannya tetapi sehingga ini saya ingat sudah berbulan-bulan hampir setahun bangunan itu siap tetapi masih lagi belum diduduki.

Saya tidak tahu apa masalahnya dan saya melihat perkara ini patut disegerakan kalau ada apa-apa masalah yang perlu hendak diganti dan diubahsuai saya rasa eloklah cari jalan untuk dapat penyelesaian kerana saya takut nanti bangunan itu kalau lama sangat dibiarkan begitu, bangunan baru itu akan menjadi tidak berapa sesuai untuk diduduki mungkin ada pula anasir-anasir lain yang akan masuk ke bangunan baru itu. Jadi saya mengharapkan pihak kementerian akan dapat menyiasat tentang perkara ini dan menyegerakan perpindahan ibu pejabat polis lama itu kepada yang baru ini iaitu di Jalan Melang, itu yang pertamanya.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan balai-balai dan pondok polis. Ramai kawan telah menyebut tadi soal imbuhan gaji, tentang kemudahan-kemudahan dan saya pun bersama-sama dengan merekalah menyokong pandangan-pandangan itu. Cuma saya melihat dan saya tengok pegawai-pegawai di daerah Kuala Pilah baik daripada polis di peringkat atas mahu juga di peringkat bawahan, nampaknya mengambil satu sikap yang cukup proaktif. Saya rasa saya sangat tertarik hati dengan semangat mereka ini. Saya melihat mereka membuat kerja tugasnya lebih daripada apa yang sepatutnya. Beberapa program telah diwujudkan dan telah diadakan bersama-sama dengan jabatan lain ataupun dengan jawatankuasa kemajuan kampung seperti program anti-dadah. Sungguhpun ada jabatan tertentu untuk anti-dadah tetapi jabatan polis pula terlibat secara langsung.

Begitu juga dengan skim kepolisian, nampaknya inisiatif yang diambil oleh pegawai-pegawai polis di daerah saya ini, saya amat hargailah. Cuma berbalik kepada perbincangan saya tadi ialah kekurangan peruntukan di kalangan mereka ini.

Banyak program-program ataupun projek-projek yang dibuat itu terpaksa dirujuk kepada kita sebagai Ahli Parlimen untuk mendapatkan bantuan kewangan dan sebagainya. Dari segi moral, memang kita bagi, memang kita galakkan JKK tetapi pada saya

nampaknya mereka kekurangan peruntukan untuk tujuan ini. Oleh kerana itu saya menyokonglah segala apa isu yang disebut oleh kawan-kawan untuk dinaikkan, ditambah balik peruntukan-peruntukan bukan saja dari segi mengadakan program-program tapi juga projek-projek yang melibatkan kepada masyarakat.

Sebab hari ini saya lihat masyarakat memang memberikan dokongan dan sokongan kepada pihak polis ini kerana mereka bekerjasama. Jadi oleh kerana itu Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Pasir Mas.

2.41 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas kebenaran dan keizinan untuk saya sama-sama mengambil bahagian. Di dalam butiran-butiran satu, Butiran 020200, dua 020300 dan yang ketiga 020600.

Butiran yang pertama iaitu berkaitan dengan logistik. Di mana saya melihat dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan dan peruntukan tahun ini diberi khusus kepada logistik. Bagaimana kita dapat, insya-Allah dapat membaiki balai-balai polis yang lama dan mengenal pasti balai-balai polis yang baru yang perlu diwujudkan.

Saya melihat di kawasan saya di Pasir Mas. Penduduknya bertambah daripada setahun ke setahun dengan kelahiran anak-anak kita yang baru-baru ini, tetapi balai polis di Pasir Mas itu saya rasa barangkali sebelum daripada saya dilahirkan lagi Tuan Pengerusi, sebelum saya lahir lagi, saya lahir saya tengok balai polis itu sampai ke hari ini. Kedudukan memang tidak strategik, ia berada di tengah-tengah bandar. Di hadapannya sekolah menengah, di belakangnya sekolah menengah dan kalau berlaku apa-apa di situ maka sudah tentu polis tidak dapat bertindak dengan segera mengikut sewajarnya kerana dia dihalang oleh kereta api yang berada di tengah-tengah bandar Pasir Mas.

Jadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan perlu disegerakan, diutamakan balai polis kerana keselamatan. Saya yakin bahawa keselamatan ini menjadi agenda negara kita kerana kalau negara tidak selamat, pelancong tidak datang dan bagaimana mereka akan hidup dalam keadaan negara kita diancam dengan berbagai-bagai, apa lagi di Pasir Mas dia berada di pinggir ataupun di sempadan Thailand dan Malaysia. Ia memerlukan kepada balai polis dan sempadan-sempadan yang begitu kukuh sehingga kita dapat mempertahankan keamanan di negeri dan negara kita.

Balai polis yang baru, ia mesti di kaji semula tempat-tempatnya. Saya tengok di kampung saya, kalau orang luar daripada Pasir Mas, dia menyebut Slow Machang tetapi sebenarnya di bawah Slow Machang itu saya catat sekejap tadi ada empat mukim imam. Ertinya ada empat mukim imam ini dengan tidak ada satu balai pun yang melibatkan sembilan buah kampung. Kampung bukan kampung kecil, kampung besar. Di antaranya kampung Pera, Kampung Chenak, Kampung Tanjung Chenak, Kampung Kubang Gatal, Kampung Kubang Nyamak, Kampung Kubang Bunut, Kampung Kubang Batang, Kampung Aur Cina, Kampung Juluk, kesemuanya ini memerlukan satu balai polis.

Kalau sekolah sudah ada Alhamdulillah, sekolah kebangsaannya ada dan di samping sekolah menengahnya ada tapi balai polisnya tidak ada. Di mana sekarang ini berbagai-bagai kegiatan yang tidak dinafikan berlaku di mana-mana sekarang ini apa lagi dadahnya dan ragutnya berlaku. Jadi kalau hendak rujuk kepada balai polis Pasir Mas terlalu jauh, barangkali sebagai mana yang disebut oleh sahabat-sahabat kita tadi, barangkali perkara-perkara yang tidak baik akan berlaku.

Oleh yang demikian bahagian IPK mesti buat kajian. Di mana perlu adanya balai-balai polis. Walaupun tidak balai besar tapi mini-mini balai itu mesti diadakan. Yang lama mesti diperbaiki, saya lupa tadi. Selain daripada balai polis Pasir Mas, di sana di Bunut Susu benar-benar menyayat, kalau sesiapa sahaja melihat balai polis di Bunut Susu itu dengan papannya, masih lagi dengan papan. Saya tiap-tiap minggu saya ada kuliah di kedai Bunut Susu pada setiap pagi Sabtu. Saya tiap-tiap hari lalu di hadapan balai polis itu. Balai polisnya dengan pagarnya yang tidak kukuh, kemudian di samping betul-betul dekat dengan jalan raya. Dindingnya papan dan tempat penempatan pun tidak munasabah, tidak

ada taman untuk anak-anak bermain dan berbagai-bagai lagi dan balai polis sendiri pun terdedah dengan bahaya.

Jadi saya minta supaya kementerian melihat kepada balai polis yang telah sedia ada perlu diperbaiki dan balai polis baru yang perlu dibina mengikut keadaan dan setempatnya. Kemudian saya rasa juga dalam butiran yang sama juga saya rasa bekalan kepada balai polis mesti mencukupi. Bukan hanya sekadar kenderaan, bukan hanya sekadar alat-alat keselamatan yang ada pada polis tapi bekalan kewangan juga mesti mencukupi kepada balai polis kerana saya lihat bagaimana renggangnya balai polis. Polisnya dengan rakyat.

Saya tidak nampak, minta maaf kalau sedikit sebanyak menyentuh mana-mana peribadi, saya tidak bermaksud sedemikian. Di waktu saya berada di negeri Arab dulu, bagaimana saya melihat hubungan kasih sayang di antara orang awam dengan polis. Begitu sinonim, begitu rapat tetapi bila saya balik ke negara sendiri, saya tengok jauh di antara polis dengan orang awam. Barangkali di sana ada perkara-perkara yang kita tidak darabkan, tidak masukkan agenda-agenda bagaimana hendak rapatkan polis dengan orang awam sehingga di celah-celah itu lahir jenayah, lahir peragut, lahir banyak lagi.

Kerana itulah bekalan-bekalan ini khususnya bekalan kewangan mesti diperuntukkan secukup-cukupnya. Sehingga sekali skala polis boleh memanggil, sama ada buat di masjid, laur atau di dalam balai ke atau di mana-mana yang berpatutan. Saya rasa boleh dianjurkan oleh polis misalnya majlis-majlis tahlil. Majlis tahlil ini kalau orang Kelantan Tuan Pengerusi, memang mereka itu sangat, maknanya kalau polis yang membuat majlis tahlil, panggil puak-puak lebai, ustaz-ustaz kita dengan sendirinya panggil anak-anak muda. Kalau polis buat ini dan rapat hubungan polis di antara dengan rakyatnya, sedikit sebanyak boleh menurunkan kesan-kesan ataupun aktiviti yang tidak baik kerana berada di hadapan mata polis.

Yang kedua, di hari raya. Apa salah kalau polis dengan peruntukan yang ada, sekarang ini peruntukan tidak ada, tidak boleh kata pada polis, saya tidak kata pada polis. Peruntukan tidak banyak dan kalau kita bagi peruntukkan sebanyaknya, secukupnya kepada polis dengan pemantauan yang baik oleh OCPD misalnya majlis rumah terbuka, balai terbuka. Kita sekarang ini dikenali sebagai rumah terbuka, tetapi tidak ada balai terbuka di mana polis juga buat rumah terbuka dengan orang kampung. Panggil imam, panggil orang-orang yang kita kira golongan al-Malak. Golongan al-Malak di Kelantan tidak payah golongan-golongan yang disebut, Pasir Puteh kita tahulah golongan yang masam kepala. Istilah orang Kelantan ini masam kepala. Gedebenya adanya dekat dia, orang yang dihormati dalam kampung, panggil orang-orang ini dan dengan sendirinya orang-orang ini akan menjadi mata kepala kepada polis.

Majlis-majlis hari raya, majlis-majlis keraian, majlis sukan rakyat dan banyak lagi polis boleh buat tetapi oleh kerana peruntukkan kita tidak banyak, ia termasuk dalam logistik yang saya kata mesti kita fikirkan bersama bagaimana hendak rapatkan hubungan polis dengan masyarakat, hendak rapatkan polis dengan pemuda-pemuda, hendak rapatkan polis dengan pelajar-pelajar sekolah. Jadi polis ini sebenarnya bukan sekadar menahan orang, bukan menangkap orang. Kalau kerja polis menangkap, saya rasa itu tidak betul. Kerja polis selain daripada kerja menangkap, tetapi kerja mencegah dan kerja mentarbiah, kerja mendidik, bagaimana polis dapat mendidik masyarakat sehingga masyarakat patuh kepada peraturan negara.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat, cukup

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ada satu lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya sebutkan tadi bahawa satu penempatan polis. Saya cadangkan penempatan polis ini diambil kira dengan tempat masing-masing. Saya tengok bagaimana polis dari Johor pergi ke Kelantan. Dalam keadaan dia tidak tahu budaya Kelantan, dalam keadaan dia tidak tahu budaya masyarakat tempatan Tuan Pengerusi, susah, hendak kerja susah. Setidak-tidaknya dia ambil masa lima, enam bulan baru dapat menyesuaikan keadaan-keadaan tertentu dengan masyarakat setempat.

Apa salahnya kalau kita mengambil orang Kelantan juga, orang Pasir Puteh pergi duduk di Pasir Mas. Dia tahu bercakap Kelantan dia tahu, lurah Kelantan, lurah Kelantan,

bahasa Kelantan. Bahasa Kelantan ini pelik Tuan Pengerusi, pelik sungguh. Sini cakap, sana berkecek, bila hendak faham. Orang Kelantan kata berkecek, tidak faham. Jadi sama-sama penagih dadah duduk bercakap dengan bahasa dia, bahasa Kelantan. Orang Johor pinga-pinga, polis Johor pinga-pinga tidak tahu apa. Kena lima, enam bulan baru reti.

Jadi saya cadangkan supaya penempatan polis-polis ini biar ambil kira juga dengan budaya masing-masing. Kita untung banyak. Saya berkawan rapat dengan polis, berkawan rapat dengan *special branch*. Saya tahu daripada percakapannya, apanya, mana-mana sahaja. Katalah orang Kelantan pergi ke Johor, dia duduk negeri Kelantan pergi ke Johor, nak menyesuaikan dengan masyarakat Johor, dengan tempat Johor, dengan apa Johor, memerlukan masa sehingga pencuri dan peragut berleluasa. Kalau kita mengambil orang tempatan juga, bukan orang tempatan ertinya orang Pasir Mas kena duduk Pasir Mas. Bukan begitu, ertinya orang Pasir Mas pergi ke Bachok, orang Bachok pergi Kuala Krai, orang Kuala Krai...

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat. Cukuplah itu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pasir Putih.

2.50 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya cuba untuk ringkaskan Tuan Pengerusi. Butiran 020000 kemudian 040000.

Saya juga berdiri atas asas menyokong penuh apa yang telah kita bina kepada pasukan keamanan kita, iaitu kepada pegawai-pegawai polis. Cuma saya ingin bertanya Tuan Pengerusi, bukan sahaja di Pasir Mas, seluruh Kelantanlah kita tengok. Saya dengar keluhan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi kerana balai polis lama.

Saya pernah juga bergurau dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dengan Kerajaan Kelantan kenapa tak boleh buat? Tolonglah bantu. Tak dapat pasal duit banyak belanja kalau nak buat balai polis, berjuta-juta. Hah, itu dia. Tapi kerana tanggungjawab Federal itu jelas. Tapi bagi saya Tuan Pengerusi, saya nak bertanya juga Pasir Putih, kita dah masuk dalam RMK-9 untuk balai polis baru, sebab saya ingat masa lahir dulu pun balai polis itu dah ada.

Samalah dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas cakap tadi tetapi saya tidak bermakna hendak menyokong apa semua seratus peratus Yang Berhormat bagi Pasir Mas cakap itu, ada juga yang tepat ada yang tidak tepat. Tapi saya tidak nak ungkit-ungkit sebab kita tahu bahawa Kelantan dalam keadaan daiflah kalau kita kira balai polis ini. Jadi saya nak supaya balai polis baru kerana di Semerak, bahagian DUN saya di Semerak telah pun baru. Jadi Pasir Putih tidak baru sedangkan dia *state*, ini Tuan Pengerusi. Jadi kita harapkanlah tanah insya-Allah kerajaan negeri rasanya tidak keberatan. Bagi saya kalau saya memerintah Kelantan pun saya bagi kalau Kerajaan Federal nak. Sebab ini adalah hak bersama, nak jaga keamanan. Tapi kerana saya rasa DAP duduk rapat sangat dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas ini, takut dia duduk berbisik tak usah bagi tak taulah.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Menyampuk]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sabar, sabar.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sabar.

Yang kedua Tuan Pengerusi, Butiran 040000 ini ADK, AADK. Kita sudah naik taraf daripada Agensi Dadah Kebangsaan naik setingkat kepada Agensi Antidadah Kebangsaan. Kita sesualah tu, sebab saya pun masa JAKIM duduk dalam itu. Jadi saya fikir bagaimana dua cara ini ialah mencegah dan juga rawatan pemulihan. Yang rawatan dahulu. Di pusat-pusat serenti minta Yang Berhormat Menteri tolonglah ketat sikit kawalan

sebab kalau kita nak pulih, kita nak rawat masih juga kita boleh dapat sumber-sumber dadah dari luar, kita tak akan dapat pulih. Dia masih berterusan. Saya tidak mengatakan bahawa yang jaga pusat itu sendiri yang buat kerja ini, tapi mungkin daripada sumber luar.

Kita beri syarat setiap ibu bapa nak jenguk anak dia, nak jenguk tu nak lihatlah, nak melawat. Itu bahasa Kelantanlah. Mesti bagi tahu jangan bagi duit. Jangan tinggal duit kepada penjaga dia. Biarlah makan minum telah ditanggung oleh kerajaan, biarlah dia rasa susah sikit duduk dalam itu. Jadi supaya kita ketatkan, dia tidak boleh beli lagi dadah-dadah ini daripada luar yang semasa dia diberi rawatan dan pencegahan ini juga kita nak supaya dalam dua aspek. Satu cegah yang belum kena, satu cegah yang dah kena.

Yang dah kena ini terpaksalah kerajaan mengambil inisiatif untuk memulihkan dia. Tapi yang belum kena ini, inilah dalam bahasa orang Putih kalau saya keluar bahasa orang Putih dalam Kelantan, minta maaf Tuan Pengerusi, dengan izin *prevention is better than cure*. Betul tak?

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hah, itu dia. Mencegah lebih baik daripada merawat. Kalau sudah kena baru nak sedia payung sudah hujan, erti kita basah. Maka sebab itulah saya nak ibu bapa yang belum kena ini, AADK kerjasama dengan Parlimen di kawasan masing-masing. Kita ada 199 Ahli Parlimen, kerjasama.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Menyampuk]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yalah. Masuk minta maaf. Saya tolak dulu pembangkang tadi. Takut pembangkang tak mahu kerjasama.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Menyampuk]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Menyampuk]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Kalau dia mahu kerjasama PAS, KEADILAN dan juga DAP, kita mengalu-alukan kerana ini kerja adalah bukan kerja seorang Tuan Pengerusi. Ini kerja negara. Kerja nak mengamankan negara kerana musuh adalah saya *declare*, biarlah kita kata musuh ini dalam negara kita ialah dadah, ini musuh utama dalam negara. Jadi dengan ini Tuan Pengerusi, saya menyokong.

2.55 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia. Peruntukan sebanyak RM3,440,209,700.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa indeks jenayah yang berlaku dalam ibu negara Kuala Lumpur sudah bertambah, dari tahun 2005 hingga 2006. Walaupun pihak polis dan DBKL telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk membanteras kes jenayah di Kuala Lumpur seperti memasang kamera atau CCTV, Rakan Cop, mempertingkatkan rondaan anggota dan sebagainya, tetapi ini tidak mencukupi. Walaupun tahap keselamatan di Kuala Lumpur terkawal, tetapi kejadian jenayah di sana sini saban waktu baik yang berjaya mendapat liputan media atau tidak, sedikit sebanyak menakutkan dan membimbangkan baik rakyat Malaysia sendiri dan para pelancong asing.

Apatah lagi tahun 2007 diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia sempena kemerdekaan negara 50 tahun, yang mana usaha dibuat untuk menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Malaysia di peringkat luar negeri, tetapi di peringkat dalam negeri sendiri khususnya di ibu negara Kuala Lumpur. Apakah langkah-langkah khas yang diambil oleh kerajaan khususnya Jabatan Polis untuk memastikan keselamatan para pelancong sentiasa terjamin dan terpelihara, yang mana mereka boleh dengan senang hati tanpa ada perasaan bimbang dan takut bila melalui atau berjalan kaki di jalan-jalan dan lorong-lorong sekitar Kuala Lumpur bahawa mereka bebas dari sebarang serangan penjenayah seperti rompakan, pembunuhan, kecurian, samun, ragut dan sebagainya.

Para pelancong asing tahu bahawa rakyat Malaysia adalah mudah mesra dan mudah memberi pertolongan, tetapi para penjenayah tidak mesra kepada pelancong asing.

Walaupun ada Ahli Parlimen yang melabelkan kawasan Bukit Bintang sebagai Pat Pong Malaysia, tetapi keadaan di Bukit Bintang sebenarnya masih belum sampai ke tahap Pat Pong di Thailand, masih lagi terkawal dan kita tidak mahu ia sampai ke tahap macam Pat Pong, Bangkok. Tuan Pengerusi, memang ini satu hasrat dan cita-cita wakil rakyat mahupun Ahli Parlimen Barisan Nasional atau ahli-ahli pembangkang bahawa kita bersama-sama untuk membanteras semua gejala sosial yang tidak sihat di ibu kota kita khususnya Kuala Lumpur.

Saya harap Kuala Lumpur yang menjadi ibu negara pintu masuk ke Malaysia, pihak polis akan mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan seperti menambah bilangan anggota polis, mengawal dan meronda di jalan-jalan raya baik pada waktu siang ataupun malam. Bagaimana cadangan yang pernah disuarakan oleh kerajaan tidak lama dulu untuk menghidupkan semula Rukun Tetangga dan kawalan penduduk-penduduk, yang mana kita lihat sekitar Kuala Lumpur banyak pondok Rukun Tetangga terbiar buruk dan tertutup tanpa ada tanda-tanda kegiatan berjalan.

Pondok Rukun Tetangga ini dibuka hanya bila ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional buat lawatan atau mengatur program. Selepas itu, ia tutup semula. Tuan Pengerusi, kes jenayah semakin bertambah dari semasa ke semasa dan beralih tempat. Semakin kuat tindakan polis, semakin kuat penjenayah bertindak.

Tuan Pengerusi keratan akhbar dan televisyen kerap menyiarkan berita jenayah dalam pelbagai bentuk. Jenayah sudahlah menjadi musuh rakyat nombor satu selain dadah. Kegiatan mat rempit sudah sampai ke peringkat mencabar keupayaan polis dan penguat kuasa pula boleh dibelasah oleh penjenayah. Kerajaan wajar mengajak rakyat berbincang mengambil tindakan bersama bahu membahu menangani jenayah. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Langat.

3.00 ptg.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membincangkan Butiran 020200 mengenai IPD Kuala Langat. IPD Kuala Langat telah pun tersenarai untuk dilaksanakan cuma harapan saya supaya tidak dirobuhkan IPD yang lama boleh ditukar menjadi Balai Polis Banting. Kita ada tapak baru di Sungai Sidu di mana Kompleks Kerajaan Negeri Selangor semua pejabat-pejabat di bawah Kerajaan Negeri Selangor sedang dibina.

Kita mengharapkan supaya Kompleks Kerajaan Persekutuan juga dibina bersama, di tempat lokasi yang sama, supaya dapat mengurangkan pergerakan kepada orang ramai yang ingin berhubung dengan kementerian-kementerian dan jabatan berkenaan. Keduanya Butiran 040000 iaitu AADK. Saya mengucapkan terima kasih kepada pengarah dan Ketua Pengarah AADK yang sekarang ini telah memerhatikan bahawa latihan amat penting bagi pegawai-pegawai AADK. Sebagai bekas pensyarah di INTAN apa sahaja tindakan pegawai kerajaan kita akan memerhatikan sama ada mereka cukup latihan ataupun tidak.

Sekarang ini kita berharap bahawa latihan-latihan *pre-training*, *mid-training* dan *post-training* akan terus diadakan dan kita berharap bahawa kementerian akan memberikan banyak peruntukan kepada latihan-latihan ini. Saya difahamkan bahawa latihan *pre-training*, *mid-training*, *post-training* sedang diadakan di KUIM dan juga Universiti Malaysia Sabah. Yang ketiganya Butiran 060600 iaitu JPA3. Saya mengharapkan supaya JPA3 ini dapat kita meramaikan anggotanya dan *recruitment* hendaklah dibuat daripada ketua jabatan ataupun timbalannya kerana JPA3 cara mereka bekerja adalah lebih profesional kerana membuat jambatan masa banjir dan sebagainya dan kita memerlukan ramai lagi rakan-rakan kita dalam JPA3 ini. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

3.03 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh maksud Bekalan B.62 berkaitan dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan iaitu Butiran 040200 - Pencegahan dan juga Butiran di bawah P.62 02000 juga berkaitan dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan di mana kedua-dua peruntukan yang disediakan adalah melebihi RM137 juta.

Tuan Pengerusi apabila kita sebut tentang pencegahan, kita tidak tahu apakah kesannya ataupun kerja-kerja telah dilakukan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini berkesan kerana kita nampak bahawa masih banyak berlakunya dadah yang dibawa masuk ataupun ramai lagi pemuda-pemuda yang menagih dadah. Ada kes ulang, ada kes baru dan sebagainya. Oleh itu kita hendak tanya bagaimanakah peruntukan ini digunakan untuk mencegah tambahnya penagih dadah dan juga mencegah daripada dadah dibawa masuk ke negara kita dan kita hendak tahu apakah cara-cara pencegahan yang telah dilakukan.

Tuan Pengerusi apakah peruntukan ini akan digunakan untuk membeli alat-alat pengesan yang efektif yang dapat mengesan dadah selain daripada memelihara anjing polis, iaitu anjing yang dapat mengesan. Kita tahu bahawa pihak AADK ataupun dahulu polis ada menggunakan anjing untuk mengesan dadah di kawasan lapangan terbang dan sebagainya. Kita hendak tahu apakah jenis anjing yang paling berkesan yang dilatih untuk mengesan dadah dan sekarang ini kita tahu bahawa terdapat jenis dadah yang baru iaitu yang disebut bahawa *designer drugs*. Apakah anjing-anjing ini dapat mengesan dan menghidu dadah yang baru ini? Itu perkara yang pertama yang saya ingin sentuh.

Dalam pada itu di dalam Butiran 020500 berkaitan dengan polis, di mana juga ada peruntukan disediakan untuk pencegahan dadah. Oleh itu menimbulkan sedikit persoalan bagaimanakah polis juga mengadakan usaha pencegahan dadah. Memang dahulu usaha-usaha pencegahan dadah di bawah bidang kuasa polis, tetapi kerana tertubuhnya AADK ini maka nampaknya mungkin ada sedikit pertindihan kerja ataupun tugas di antara polis dan juga AADK. Maka kita hendak tahu bukannya peruntukan ini dapat diselaraskan di antara polis dan AADK. Ini kerana kita nampak bahawa kalau boleh kita jimatkan sebolehnya, tetapi kalau hendak basmikan dadah kita tidak kisah kalau kita dapat menggunakan peruntukan yang banyak asalkan usaha itu dapat dicapai tetapi sekarang ini nampaknya ada sedikit pertindihan tugas di antara polis dan juga AADK. Ini kerana saya juga pernah bercakap dengan anggota polis mereka ada sedikit rintihan cuma tidak diutarakan kepada pihak atasan kerana khawatir dituduh ataupun dimarah oleh pihak atasan.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi tentang Butiran 040300 - Rawatan dan Pemulihan. Kita tahu bahawa peruntukan banyak digunakan untuk membina pusat pemulihan dan juga untuk rawatan pemulihan di pusat-pusat serenti. Jumlah peruntukan yang kini dipohon adalah RM79,826,400 dan kita hendak tahu bahawa apakah peruntukan ini cukup untuk menampung perbelanjaan di pusat serenti khususnya untuk pelatih ataupun menyediakan anggota ataupun pegawai kaunseling yang secukup-cukupnya.

Tuan Pengerusi saya dapati bahawa mungkin adalah tabiat ataupun sikap pegawai yang tertentu bukannya semua kebanyakan baik tetapi ada segelintir saya dapati bahawa mereka ini *nine to five*. Mereka anggap kerja-kerja untuk bertugas di dalam pusat serenti adalah *nine to five* maka tidak ada interaksi yang sebaik-baiknya dengan pihak penghuni di dalam pusat serenti. Maka kesan ataupun usaha untuk memulihkan membuat kaunseling kepada penagih dadah ini kurang berjaya, maka kita nampak banyak kes-kes berulang.

Oleh itu apakah nisbah sekarang ini pegawai kaunseling di dalam pusat serenti berbanding dengan bilangan penghuni yang ada di dalam pusat serenti. Tuan Pengerusi ...

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi. Saya telah berjumpa dengan 21 buah pusat pemulihan dadah NGO. Mereka telah berkata dengan saya dan saya juga berbincang dengan pegawai-pegawai kaunseling di dalam pusat pemulihan dadah NGO mereka nampaknya lebih efektif. Interaksi di antara penghuni dan juga pegawai kaunseling amat rapat. Mereka dapat berkongsi, meluahkan fikiran dan meluahkan perasaan mereka, tetapi perkara ini adalah berbeza di pusat serenti kerajaan.

Maka saya rasa perlu ada pertimbangan di mana pusat-pusat pemulihan dadah NGO yang tidak pernah menerima peruntukan daripada pihak kerajaan harus diberikan peruntukan dalam hal ini kerana dalam peruntukan ini ada diberi kepada PEMADAM, PENAWAR, PENGASIH dan sebagainya tetapi mereka yang berjaya dalam pemulihan dadah rawatan tidak diberi, cuma hanya didaftarkan dengan AADK. Oleh itu saya mintalah...

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: ...kalau boleh pemulihan dadah pusat pemulihan dadah NGO dapat diberikan peruntukan dalam hal ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

3.09 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi Butiran - 020000 Polis Diraja Malaysia, Butiran - 040000 Agensi Antidadah Kebangsaan. Tuan Pengerusi pada tempoh hari pihak polis sudah mencadangkan menaikkan gaji untuk anggota polis. Ini memang satu langkah yang wajar dan di sini saya hendak mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu kertas cadangan sudah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga kepada kementerian untuk diluluskan oleh pihak Kabinet.

Kalau tidak bilakah satu kertas dapat disediakan untuk berbuat demikian kerana kita tidak mahu melihat lagi anggota konstabel hanya mempunyai gaji RM650 sebulan. Itu memang satu tangga gaji yang sangat rendah dan tidak patut kita hendak anggota polis bekerja kuat berdedikasi dan sebaliknya kita bagi gaji yang begitu rendah. Ini memang tidak sesuai bagi zaman yang moden dan saya berharap satu kertas kerja untuk gaji ini dapat dibentangkan dengan secepat mungkin dan JPA jangan melengah-lengahkan untuk menangani masalah ini.

Yang kedua mengenai Pusat Latihan Polis (PULAPOL). Sekarang PULAPOL di Jalan Semarak, Kuala Lumpur itu tidak cukup dan tidak mempunyai kemampuan untuk melatih begitu ramai rekrut kerana pada akhir-akhir ini, pihak Kabinet sudah meluluskan 60,000 rekrut yang baru di dalam tempoh lima tahun ini. Kita dapati bahawa pusat-pusat latihan itu tidak cukup dan *instructor* pun tidak cukup untuk melatih rekrut ini dan saya mencadangkan supaya kita membina lebih pusat latihan itu. Sekarang bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan rekrut yang kita boleh latih di dalam pusat latihan yang terdapat pada sekarang ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, pada bulan Ogos baru-baru ini, Ketua-ketua Polis ASEAN sudah ada bersidang di Kuala Lumpur dan di dalam persidangan ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada membuat lima perkara termasuklah:

- (i) tambah kerjasama dan berkongsi maklumat di rantau ASEAN;
- (ii) undang-undang penguatkuasaan serantau;
- (iii) mengkaji semula matlamat komuniti keselamatan ASEAN;
- (iv) kerjasama dengan badan-badan antarabangsa untuk mencegah dan memerangi jenayah transnasional dan *terrorism*; dan
- (v) lebih beriltizam untuk mengatasi pengedaran dadah.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengetahui setakat mana kita dapat meningkatkan kerjasama dengan negara-negara jiran ini untuk mengatasi masalah-masalah termasuklah *terrorism* dan pengedaran dadah. Di sini ada satu perkara lagi. Walaupun ada sesetengah Ahli Parlimen tidak setuju dengan IPCMC, di sini ada satu pihak yang mengatakan kita patutlah mewujudkan satu *ombudsman* bukan setakat untuk polis tetapi untuk pihak-pihak yang lain juga. Jadi merangkumi semua itu.

Saya tidak kiralah apa yang ditubuhkan asalkan ada berkesan. Kalau kita tubuhkan *ombudsman* untuk semua pihak dan untuk semua jabatan kerajaan kerana saya

diberitahu bahawa kalau kita singkirkan dan menumpukan perhatian kepada polis, ini tidak adil kerana jabatan-jabatan lain pun ada segelintir orang yang melakukan perkara yang tidak diingini. Maka, tidak patutlah kita menumpukan perhatian kepada polis. Itu alasan yang diberi dan sebab itulah saya berharap daripada kuasa yang ada sekarang misalnya di dalam Perkara 140, Perlembagaan Persekutuan, adakah ini cukup untuk memantau atau mewujudkan disiplin di dalam pasukan polis dan sebagainya. Patutkah pihak kementerian memberitahu kita setakat mana penubuhan seperti *ombudsman* atau IPCMC dapat dipertimbangkan dan diwujudkan di negara ini?

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih.

3.15 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Orang takut dan hormat kepada polis bukan kerana namanya dan uniform yang dipakainya tetapi adalah kerana disiplin dan kuasa yang ada padanya serta pengorbanan pasukan Polis Diraja Malaysia. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih di atas pengorbanan yang telah dilakukan oleh pihak polis seperti menjaga keselamatan dan keamanan negara kita pada hari ini. Saya ingin menyentuh Butiran 12000 - Balai-balai dan Pondok Polis. Hari ini kita lihat di seluruh negara balai-balai polis kita ada kemudahan lokap tetapi lokapnya sempit dan tidak memadai yang seharusnya kementerian membesarkan lokap ataupun kemungkinan membina bangunan khas untuk lokap kerana kejadian jenayah, dadah dan sebagainya saya kira meningkat.

Yang kedua, saya hendak menyentuh soal kebajikan. Banyak pengorbanan yang telah dilakukan oleh pihak polis dan seharusnya kerajaan cukup menjaga soal kebajikan anggota polis dan keluarganya. Bukan sahaja soal gaji dan elaun tetapi pelbagai kemudahan yang lain patut diberikan kepada mereka. Soal rumah kediaman atau kuarters yang menjadi tempat tinggal dan yang menjadi rangsangan untuk mereka bekerja lebih kuat menjaga keamanan negara.

Saya ambil contoh berek polis di Taman Paduka Kuala Selangor, 27 unit rumah dijadikan kuarters tetapi hari ini, berek ini sudah diisytiharkan tidak selamat dan pembinaan kuarters baru harus dilaksanakan oleh kementerian ditapak yang telah disediakan. Kemudian menyentuh soal pegawai dan kakitangan serta anggota yang masih kurang. Baru-baru ini, kementerian telah mengadakan proses *recruitment* dengan izin. Saya harap pengambilannya dapat dipercepatkan dan dihantar ke tempat-tempat yang mendesak termasuk di Kuala Selangor. Balai Polis Jeram merupakan sebuah balai yang tua dan sudah uzur dan patut dinaiktarafkan. Saya harap peruntukan dapat disediakan untuk tujuan berkenaan. Begitu juga sebuah balai polis diperlukan di pusat pertumbuhan baru Puncak Alam kerana penduduknya begitu ramai dan kejadian-kejadian jenayah juga banyak berlaku di situ.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 02000 - Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Kita tahu bahawa AADK merupakan *leading agency* dengan izin dan AADK perlu satu pendekatan yang bersepadu yang melibatkan jabatan dan agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan khususnya di peringkat akar umbi di peringkat daerah. Kalau kita lihat Jabatan Belia dan Sukan ada fungsi dan peranan untuk membasmi dadah di kalangan remaja dan belia. Seharusnya AADK mengepalai sebarang kegiatan atau usaha untuk mencegah dadah di peringkat daerah sama ada melibatkan Jabatan Belia dan Sukan, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pelajaran dan sebagainya. Hari ini juga AADK ada senarai mereka yang di suspek atau juga yang positif dadah di kampung-kampung. Seharusnya kita ada pendekatan *personal touch* dengan izin, bagaimana cara untuk kita melakukan kaunseling bukan sahaja kepada kumpulan sasaran ini tetapi juga kepada ibu bapa mereka.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Saya suka mencadangkan Tuan Pengerusi, yang akhir supaya satu operasi *urine test* dapat dijalankan di kampung-

kampung. Caranya kita fikirkan bersama, di samping juga operasi kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang saya kira sebagai anggota kerajaan yang penting dalam memastikan agenda negara terlaksana. Mereka juga harus dilihat agar mereka tidak terjebak. Akhirnya saya minta peruntukan kepada AADK daerah ditambah.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Gerik.

3.20 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh dua perkara sahaja. Pertamanya ialah butiran 010000, mengenai pengurusan keselamatan. Di mana saya ingin menyampaikan hasrat para pengusaha pelancongan dan juga perbadanan kemajuan taman negeri khususnya The Royal Belum di mana pada tahun 2007 tahun hadapan kita akan menerima begitu ramai pelancong-pelancong tetapi di kawasan di Royal Belum ini, di Upper Belum ini masih ada peraturan yang lama saya kira, di mana setiap orang hendak masuk ke kawasan itu memerlukan 14 hari memproses pas untuk ke sana.

Jadi saya dapati ini kawasan di bawah Parlimen Gerik, kawasan yang selamat. Kalau ada pun, cuma penceroboh-penceroboh yang mencari untuk mencuri kayu gaharu ataupun memancing ikan kelah. Jadi diharapkan hasrat kami ini dimudahkan untuk pelancong masuk ke sana. Kalau boleh dalam masa sehari sahaja ataupun 24 jam sahajalah untuk mereka melawat kawasan yang begitu kaya dengan flora dan fauna iaitu yang di antara kawasan hutan belantara yang tertua di dunia. Jadi berharap dapat perhatian daripada kementerian.

Satu perkara lagi Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 040300 - Rawatan dan Pemulihan Penagih Dadah. Kita dapati adanya tesis Ph.D oleh Dr. Zaidi Hijadi yang membuat kajian tiga pusat pemulihan persendirian iaitu Rumah Sahabat Insaf di mana mereka menggunakan kaedah tradisional iaitu daun biak ataupun entah-entah daun-daun ketum itu saya tak pasti sama ke ataupun suatu yang lain. Jadi ini berkaitan dengan apa yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri sehari dua yang lalu iaitu penggunaan ATS ini yang nampaknya ada kemajuan. Samalah juga dalam kes Rumah Sahabat Insaf ini, penggunaan daun biak itu boleh mengurangkan penagihan penagih-penagih dadah itu daripada yang tegar kepada yang *mild* dengan izin, dan akhirnya dapat dipulihkan.

Kadar pemulihan itu jika dibuat perbandingan agak tinggi dibandingkan dengan pusat-pusat serenti dan kosnya amat rendah sekali. Jadi adakah pihak kerajaan akan melihat akan cara tradisional ini untuk diperluaskan, digunakan dibandingkan dengan pusat-pusat serenti yang menggunakan kaedah yang sedia ada yang begitu tinggi dari segi perbelanjaan hariannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

3.23 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama ialah AADK (Agensi Anti Dadah Kebangsaan) iaitu 040200 - Pencegahan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya yang mengatakan bahawa nampaknya badan sukarela yang lebih berjaya daripada AADK yang menjalankan pemulihan penagih dadah. Jadi saya rasa ada sesuatu yang tidak kena dengan pendekatan yang diguna pakai oleh AADK ini. Saya mencadangkan mengadakan satu kaji balik pendekatan ini supaya kita jangan membazirkan kewangan untuk menjalankan program yang tidak berkesan.

Saya cadangkan AADK mungkin boleh belajar daripada pusat-pusat pemulihan yang lebih berjaya seperti PENGASIH, seperti *The Hiding Place* yang memang mereka lebih berjaya daripada AADK ini. Saya juga hendak cadangkan bahawa AADK ini mungkin boleh banyak menggunakan atau mengupah bekas penagih dadah untuk menjalankan program-program untuk penagih dadah ini untuk memulihkan penagihan dadah kerana saya rasa mereka lebih faham masalah yang dihadapi oleh penagih ini kerana seperti

Pengasih, Pengasih pun persatuan yang terdiri daripada bekas penagih. Jadi saya harap kerajaan boleh mengguna pakai mereka yang telah berjaya pulih sendiri dan mereka boleh menjadi model atau teladan kepada penagih dadah.

Yang kedua ialah saya hendak tahu mengenai prosedur untuk menguji air kencing untuk mengenal pasti seseorang itu menggunakan atau menyalahgunakan dadah kerana banyak aduan menyatakan pihak polis telah menyalahgunakan kuasa mereka untuk menahan seseorang *motorist* untuk menguji air kencing mereka dan selepas ujian mereka katakan ini adalah positif dan ingin meminta wang RM300.00. Ada sesetengah yang dikenakan RM500.00 untuk mereka dilepaskan. Saya rasa kita perlu, kalau kita ingin meningkatkan nama baik polis, orang ramai patut tahu apakah prosedurnya di bawah keadaan yang mana seseorang polis itu berhak untuk menguji kencing seseorang rakyat. Supaya kita boleh mengelakkan aduan-aduan seperti ini.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekejap, sedikit lagi. Saya ingin tahu siasatan jenayah kerana kita mendapati baru-baru ini pembunuhan seorang wanita dari Mongolia. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak polis kerana cepat menangkap pembunuhnya, yang disyaki *suspect*nya tetapi ada banyak kes lagi yang belum, tak ada orang yang ditangkap seperti di Sungai Petani, Chee Yee Yip. Kes Chee Yee Yip yang dirogol, dibunuh masih belum ada tangkapan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ingin tahu, apakah masalahnya dengan pihak polis? Adakah kerana dikatakan kakitangan untuk membuat siasatan jenayah ini tidak cukup? Sekiranya kerana kekurangan kakitangan, apakah langkah yang telah diambil? Saya difahamkan bahawa ada sesetengah IO nya, latihannya tidak cukup. Jadi apabila mereka mengutip bukti, dia tidak cukup pandai dan kerana itu dia tak boleh mendakwa *suspect* itu.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi apakah? Adakah kita akan, saya tengok dalam TV itu, program CSI. Sebab mereka begitu pandai pergi ke tempat yang berlaku itu. Mereka dapat cari bukti yang cukup. Bolehkah kita juga pandai sebegitu? Pihak polis kita juga pandai sebegitu?

Tuan Pengerusi: Baik, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Supaya orang yang *suspect* itu boleh didakwa ke mahkamah.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Last* lagi. Ini pihak polis katakan dia akan ada DNA profil. Saya setuju khasnya untuk kes-kes rogol dan bunuh supaya kita tahu siapa mereka ini? Walaupun polis ada tangkap *suspect*, tetapi tidak dapat menuduh mereka ke mahkamah dan mereka tidak dihukum. Sepatutnya kita tahu mereka ini di mana sekarang? Supaya janganlah mereka melakukannya lagi.

Tuan Pengerusi: Baiklah cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerana, yang terakhir Tuan Pengerusi. Ini balai polis di Bukit Mertajam. Dia telah pindah ke balai polis baru yang sangat besar. Itu saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian...

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... tetapi di situ tidak ada perkhidmatan bas. Orang yang biasa kalau miskin tidak ada kenderaan hendak pergi ke sana buat laporan polis, sangat susah.

Tuan Pengerusi: Baiklah cukup, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya meminta supaya kekalkan balai polis di bandar Bukit Mertajam itu juga boleh membuat laporan polis di situ.

Tuan Pengerusi: Baik, baik. Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya meminta supaya kadar jenayah di Bukit Mertajam dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Rembau.

3.29 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap mengenai Butiran 020600 Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya *Police Volunteer Reserve (PVR)* diperbesar dan diperkukuhkan sebab saya yakin dengan cara ini boleh membantu mengurangkan kadar jenayah khususnya di bandar-bandar. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya di tiap-tiap Ibu Pejabat Daerah Polis (IPD) diwujudkan sekurang-kurangnya satu kompeni PVR ini dan untuk menarik golongan profesional sama ada kerajaan atau swasta supaya turut serta dalam pasukan ini dicadangkan supaya diberi pangkat yang bersesuaian. Misalnya kalau seorang itu peguam, mungkin boleh ditawarkan jawatan inspektor.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ia mengikut saiz daerah. Kalau di Rembau, OCPDnya gred DSP, mungkin ketua pasukan PVR itu grednya Penolong Penguasa Polis dan bagi bandar yang besar di Kuala Lumpur mungkin pangkat yang lebih bersesuaian sehinggalah ke pangkat misalnya ACP dan sebagainya.

PVR ini juga boleh ditugaskan misalnya untuk menyelaraskan program skim kepolisian yang ada dibuat di kampung-kampung dan di bandar-bandar dan dalam masa yang sama juga mereka boleh ditempatkan membantu ke kawasan Rukun Tetangga yang mengadakan rondaan.

Saya mencadangkan demikian kerana kajian telah dibuat di beberapa tempat termasuk di Seremban didapati di mana ada KRT membuat rondaan kadar jenayah dapat dikurangkan antara 40 ke 50%. Dalam masa yang sama sebagai galakan kepada mereka untuk menyertai PVR ini, kalau boleh elakannya dikaji dan insentif-insentif lain diadakan seperti cuti tanpa rekod dan sebagainya. Dengan cara ini saya rasa akan dapat mengurangkan kadar jenayah di negara kita yang sekarang ini kadang-kadang agak membimbangkan di sesetengah tempat. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai lagi, ya? Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mencadangkan supaya Timbalan Menteri boleh menjawab sebelum pukul empat dan akan dapat diselesaikan. Jadi, seorang dua, tiga minit sahajalah. Yang Berhormat bagi Mambong.

3.32 ptg.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan Butiran 12000 iaitu balai-balai dan pondok polis. Di kawasan saya lebih-lebih lagi di Beratok, berek polis yang dibina pada tahun 1960 menggunakan papan kayu. Sekarang ini semua papannya sudah reput. Oleh yang demikian, mereka yang bertugas di situ tidak tinggal di tempat yang sepatutnya.

Kedua, mengenai pondok polis di Tiang Bukap. Mereka menyewa sebuah rumah. Tidak ada pondok polis yang sebenar untuk anggota polis di Tiang Bukap, di kawasan saya. [Ketawa] Dua orang anggota polis sudah lama di situ. Sudah 10 tahun. Bolehkah mereka dipindahkan ke tempat lain kerana penduduk-penduduk di situ sudah kenal mereka, bagaimana mereka bertugas dan sebagainya. Oleh kerana *relationship* di antara mereka

dan penduduk-penduduk di situ, apabila orang-orang kampung melakukan kesalahan, dua orang polis ini tidak mengambil tindakan. Jadi saya mohon agar mereka boleh dipindahkan ke tempat lain.

Butiran P. 22000 - Kenderaan. Di Balai Polis Siburan, yang paling besar di kawasan saya, hanya ada satu Landrover yang saya rasa sudah 20 tahun usianya dan susah mahu berjalan, sebuah kereta Kancil dan sebuah kereta Waja. Bolehkah ditambahkan kenderaan di situ? Di Balai Polis Kota Pedawan hanya ada sebuah Landrover yang usianya sudah 30 tahun dan sebuah kereta Kancil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi masih muda daripada Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Masih muda tetapi ini perlu ditukar atau ditambah. Yang terakhir sekali saya menyentuh Butiran 56000 - Bangunan-bangunan Penjara.

Di Mambong sekarang ada penjara baru. Semua bangunan sudah dicat dan nampak cantik. Tetapi ada empat buah flat lagi yang dulunya ditinggalkan oleh kontraktor yang lama. Sepatutnya kontraktor itu orang yang pertama masuk ke dalam penjara itu nanti - kalau boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa yang hendak masuk? Kontraktor masuk penjara?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya. Sebab dia tidak siapkan penjara di situ dan dia meninggalkan projek. Akhirnya orang lain yang mengambil alih menyebabkan kos untuk pembinaan penjara itu sudah meningkat. Ini merugikan kerajaan. Saya ingin bertanya sama ada empat blok flat yang tidak dibaiki itu akan dirobohkan? Ia menjadi *eyesore*, tidak elok jika dipandang dari jalan raya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Baram.

3.36 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Mambong *complaint* tentang pondok polis yang cuma perlu diperbaiki tetapi Baram memerlukan lebih banyak lagi balai polis. Belum ada lagi, ini perbezaannya.

Saya ingin menyentuh butiran 12000 - Balai dan Pondok Polis, dan juga Butiran 22000 - Logistik Kenderaan. Saya ingin tahu adakah kementerian akan membina balai polis di pekan kecil Lapok. *[Disampuk]* Lapok ialah di Sungai Tinjar dan juga di kawasan Long San iaitu satu kawasan di Hulu Baram. Ini kawasan pertengahan di kawasan saya, Baram.

Tuan Pengerusi, kedua-dua tempat ini adalah pusat pertumbuhan desa di mana semakin banyak penduduk yang tinggal di kedua-dua pekan itu. Dengan penambahan penduduk itu, maka banyak masalah yang telah berlaku seperti pembunuhan, rompakan dan kes gengsterisme juga timbul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, bagi Baram.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat telah dihukum hari ini tidak boleh bangun lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kenapa Tuan Pengerusi begitu zalim sekali, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Ini kawan saya sendiri. Boleh, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya simpatilah. Yang Berhormat bagi Baram cerita itu ini. Yang Berhormat bagi Mambong pun cerita itu ini. Agak-agak Yang Berhormat bagi Baram, apa yang kita bangkitkan ini, dapatkah permohonan kita ini dilayan? Untuk tahun ini mungkin tidak adalah, ini sudah bulan Disember. Tahun depan? Fasal saya dengar Yang Berhormat bagi Baram dan Yang

Berhormat bagi Mambong ini, daripada saya mula di Parlimen dulu tahun 1999, tahun 2000 itulah ceritanya, Tuan Pengerusi.

Jadi, kalau inilah masalah yang berulang-ulang, saya fikir kerajaan harus memberikan peruntukan yang lebih banyak kepada kementerian ini untuk menentukan balai polis di kampung-kampung pedalaman janganlah berkeadaan seperti ini. Kita sudah abad ke-21, Tuan Pengerusi. Ini di zaman British dulu dipanggil rumah pasung, sekarang sudah balai, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berucapakah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan macam Kepong. Kepong semuanya sudah moden. Dia bandar raya, lainlah. Ini, kesian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang siapa yang berucap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Baram yang berucap, Tuan Pengerusi. Saya tanya dia, dia setujuakah kalau kementerian ini...saya rasa Timbalan Menteri bersetuju dengan kita supaya peruntukan lebih besar diberi pada tahun depan untuk menghabiskan perkara-perkara yang telah dirungut, dirayu dan diminta sekian lama, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekian lama Tuan Pengerusi. Cukup Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Baram setujuakah tidak?

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Terima kasih berbanyak-banyak kerana memberi satu sokongan yang amat padu dan kuat pada ucapan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah menyokong segala permintaan. Cukuplah Yang Berhormat bagi Baram.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Mintalah pihak kementerian supaya kementerian dapat membantu dan menolong saya juga dalam kes ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Satu lagi. Satu soalan yang pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua telah disokong oleh Sri Gading.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Ya, cukup jelas tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading menjelaskan kepada saya. Saya tidak perlu menjelaskan lagilah keperluan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlulah. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Ini satu topik yang lain. Saya juga minta supaya kementerian memberi peruntukan kepada pegawai polis di Marudi dan juga di Long Lama supaya mereka ini boleh membeli kenderaan untuk menjalankan operasi mereka lebih-lebih lagi *speed boat* atau bot laju yang perlu ada kerana bila ada jenayah berlaku, mereka ini terpaksa meminjamkan perahu dan enjin dari orang awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Saya minta supaya kementerian mempertimbangkan masalah yang saya timbulkan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, semua akan disokong oleh Yang Berhormat Sri Gading, cukup. Yang Berhormat bagi Padang Terap.

3.41 ptg.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkas sahajalah, terus kepada empat butiran. Yang pertama Butiran 020100 – Pengurusan Polis. Kita dapati bahawa di dalam Angkatan Tentera ada KAGAT atau Kor Agama Angkatan Tentera. Saya mencadangkan supaya polis boleh mewujudkan satu unit agama ataupun Kor Agama dalam angkatan polis kerana ia penting bagi jabatan untuk membasmi maksiat, tidak perlu kita bekerjasama dengan pihak majlis agama dan sebagainya. Perlu wujudkan satu Kor Agama di dalam jabatan polis di negara kita.

Yang kedua Butiran 12000 – Pondok Polis dan Balai Polis. Saya bersama rakan-rakan yang lain, iaitu ingin tahu kedudukan pondok polis di Nami dan Kampung Labi di Padang Terap. Semua sudah agak lama, sudah umurnya mungkin 50 tahun lebih iaitu sebelum merdeka lagi sudah didirikan. Hanya seorang anggota sahaja terpaksa mengawasi kawasan yang luas dan penduduknya agak ramai. Jadi saya berharap supaya pihak kerajaan dan pihak kementerian supaya boleh memperbaiki dan juga meramaikan atau menambah anggota polis di tiap-tiap pondok polis daripada seorang mungkin dua orang di pondok-pondok berkenaan.

Yang ketiga ialah Butiran 03000 – Unit Pencegah Penyeludupan. Kita dapati bahawa akhir-akhir ini terdapat beras di seludup, gula di seludup, minyak di seludup dan rokok di seludup. Saya percaya mungkin ada kekurangan dari segi anggotanya. Saya berharaplah, terutama di kawasan sempadan iaitu di Perlis, Kedah, Kelantan mungkin agak terdedah kepada penyeludupan beras, gula, minyak, rokok dan sebagainya sehingga mencetuskan masalah kepada rakyat dan negara kita. Saya harap supaya kita boleh menambah anggota supaya masalah serupa ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Yang akhir Tuan Pengerusi ialah AADK. Saya harap supaya setiap daerah di wujudkan pegawai AADK kerana masalah dadah ini berterusan bukan sahaja di kawasan bandar, tetapi telah ada di kawasan luar bandar di Padang Terap khususnya. Saya berharap supaya pihak kerajaan, pihak kementerian mewujudkan setiap daerah, bukannya pegawai tetapi anggota yang agak ramai untuk membasmi dadah di semua peringkat di luar bandar seperti Padang Terap. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Tenom.

3.44 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis dan juga Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam.

Saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin menyentuh soal pondok polis dan kita bahawa pondok polis ini juga berfungsi sebagai pusat pengawasan dan pemantauan perlakuan jenayah di kawasan sekitar. Di sini saya ingin memaklumkan pihak kementerian bahawa ada sebuah pondok polis di kawasan saya pada suatu ketika dahulu ada pondok polis tetapi hari ini langsung tidak ada diambil berat, telah usang dan tidak boleh digunakan lagi, jadi anggota polis terpaksa datang daripada Tenom ke pekan kecil Kemabong. Kawasan yang saya maksudkan ialah pekan kecil Kemabong.

Saya harap pihak kementerian dapat membina sebuah pondok polis yang baru kerana pekan kecil Kemabong ini adalah sebuah pekan yang membangun. Hari ini ramai orang telah tinggal dan saya harap pondok polis dapat dibina untuk membantu menjaga ketenteraman di kawasan persekitaran pekan kecil Kemabong ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu lagi perkara berkenaan dengan aktiviti judi haram. Di kawasan saya terdapat kegiatan judi haram yang telah berleluasa sehingga

hari ini dan menjadi-jadi dan kita tahu semua jenis judi boleh memudaratkan juga semua perjudian adalah diharamkan kecuali perjudian yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

Di kawasan saya judi yang saya maksudkan ini ialah judi yang dikenali sebagai "Wah Hoi" dan saya harap pihak PDRM supaya memandang serius soal ini kerana setakat ini saya lihat tindakan tidak begitu drastik sangat. Kadang-kadang daripada belia sehingga ke orang dewasa selalu melibatkan diri untuk mengikuti perjudian "Wah Hoi" ini. Kita tahu bahawa judi ini juga merupakan salah satu penyakit kepada masyarakat kita dan juga membawa pelbagai gejala negatif termasuk banyak membuang masa, kemiskinan serta kesengsaraan terhadap diri dan keluarga yang boleh mengakibatkan rumah tangga porak-peranda.

Sebab itu saya memohon kepada pihak kementerian supaya dapat membina pondok polis di kawasan parlimen saya semata-mata untuk memantau dan juga mengawasi ketenteraman awam. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Seputeh.

3.47 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri, Butiran 020000 – PDRM dan 050000 – Penjara.

Tuan Pengerusi, isu pertama yang saya ingin bangkitkan ialah isu tentang Ah Long. Kita terbaca pada minggu lepas iaitu sepasang suami isteri kerana desakan daripada Ah Long ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat sudah bangkitkan perkara ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya sudah bangkitkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okay, jadi saya pendekkan. Saya hanya hendak tanya, kalau kita tahu di mana wujudnya Ah Long, kita terima banyak *name card* dan juga *sticker*, kenapakah pihak polis selalunya tidak begitu gigih untuk memburu Ah Long ini.

Sebenarnya Dewan kita ini telah pun meluluskan Akta Peminjam Wang pada tahun 2003 dan kesemua orang yang memberi pinjaman wang itu haruslah didaftarkan dengan pihak kementerian dan semua ini sebenarnya akta ini boleh digunakan oleh polis untuk menangkap Ah Long. Saya hendak minta satu penjelasan dan isu kedua ialah tentang undang-undang *Anti-Human Trafficking* yang mana beberapa bulan yang lepas saya baca bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan sendiri pun mengakui apabila beliau merasmikan satu seminar yang dianjurkan oleh satu NGO – TENAGANITA yang mana negara kita ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu butiran?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: PDRM.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran mana satu?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini ada berkaitan dengan peruntukan PDRM, bukan untuk polisi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu polisi ada di bawah Butiran 010000 – Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hanya ingin hendak minta bahawa yang negara, pihak kementerian kita perlu ada satu *Anti-Trafficking Law* yang kerana saya tahu di penjara kita ini ramai tahanan wanita ini lebih daripada setengah daripada mereka adalah orang luar negara (*foreigners*) dan mereka selalunya adalah mangsa dalam *Anti-Trafficking Law* dan juga sindiket yang memaksa mereka menjadi pelacur. Saya minta satu undang-undang yang lebih spesifik dibentangkan di Dewan ini dan untuk melindungi mangsa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bilangan tahanan remaja yang begitu ramai di penjara kita.

Kita tahu di Penjara Kajang terdapat 450 tahanan remaja dan di Sungai Buloh ada 550 tahanan. Mereka ini kebanyakannya tengah tunggu perbicaraan mahkamah. Selalunya tempoh menunggu ini adalah sangat lama bagi mereka iaitu ada yang setengah tahun, ada yang satu tahun dan juga yang lebih. Jadi saya hendak tahu apakah pendidikan, latihan dan sebagainya diberi kepada tahanan remaja ini kerana mereka ini remaja. Kalau dari segi undang-undang, mereka dianggap sebagai kanak-kanak. Jadi macam mana mereka boleh dibiarkan, dikurung dalam penjara begitu lama semasa mereka menunggu perbicaraan dan tiada apa-apa *training* diberikan kepada mereka.

Saya hendak tanya tentang kebajikan yang diberi kepada tahanan wanita di penjara kita. Kita tahu terdapatnya tahanan wanita yang hamil, ada yang ada anak kecil dan selalunya anak kecil dipaksa bersama dengan mereka. Bagi tahanan wanita yang melahirkan anak dalam penjara itu, selalunya mereka menghadapi kesusahan dari segi perubatan bila bayi memerlukan rawatan doktor, ubat, makanan yang spesifik bagi anak mereka. Selalunya mereka menghadapi kesusahan untuk dapat kesemua ini. Jadi saya hendak tanya apakah yang dilakukan oleh kementerian terhadap tahanan wanita ini?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin hendak tanya tentang *Malaysian Crime Prevention Foundation*. Saya difahamkan bahawa seorang ASP dan juga konstabel diberi oleh PDRM kepada NGO ini. Walaupun saya menghargai sumbangan yang dilakukan oleh NGO ini, tapi saya hendak tanya bukannya ini satu perkara yang agak tidak *proper* kerana ia sebuah NGO yang menikmati sumber manusia daripada PDRM dan Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya tentang permohonan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhir Yang Berhormat ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Permohonan *online* media, Malaysia Kini untuk dijadikan sebagai akhbar harian. Bolehkah saya tahu mereka sudah bantangkan permohonan lama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, sebab pukul 4 saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapakah mereka masih tidak diluluskan? Dan juga saya hendak menyuarakan bantahan kuat saya terhadap tapisan yang ingin dikenakan oleh pihak kementerian terhadap *blogger*.

Pagi ini Yang Berhormat bagi Ledang dan saya dalam seminar dan kita hendak menyuarakan bantahan kuat daripada *blogger* terhadap internet *censorship*. Saya hendak mintalah pihak kementerian jangan mengadakan apa-apa halangan dan tapisan terhadap *blogger* dan internet *writer*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Eh, macam mana tiba-tiba sudah lima orang? Pukul 4 saya akan minta Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat bagi Kudat.

3.53 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang. Saya ingin terus ke Butiran 12000 iaitu Balai-balai dan Pondok Polis dan juga Butiran 17000 iaitu Pasukan Gerakan Am. Ibu Pejabat Polis Daerah Kudat,

seperti mana yang saya ingin menjelaskan di sini bahawa kita berterima kasih kerana telah ada satu balai polis baru yang telah disediakan oleh kerajaan yang lebih selesa tetapi yang saya hendak persoalkan di sini iaitu balai polis lama yang berada di tengah-tengah bandar Kudat yang sekarang sudah tidak digunakan. Saya telah pun menulis surat kepada Ketua Polis Negara untuk meminta supaya bangunan ini dapat diserahkan kepada Pasukan Askar Wataniah Simpanan tetapi sehingga hari ini belum mendapat apa-apa penjelasan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat minta Timbalan Menteri bantu dalam perkara inilah. Baik, cukup.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Jadi kita minta supaya dibantulah sebab bangunan ini sudah tidak digunakan dan masih lagi kukuh dan boleh digunakan untuk kepentingan yang lain. Yang kedua, iaitu Balai Polis Sipitas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Balai Polis Sipitas ini cuma ada lima orang sahaja kakitangan sedangkan penduduk di situ ada 30,000 atau 40,000 orang dan menjadi transit bagi kebanyakan imigran-imigran asing atau pendatang-pendatang asing. Jadi kalau boleh dan dia hanya diketuai oleh seorang sarjan, kita minta supaya Balai Polis Sipitas ini dinaiktarafkan.

Yang ketiga iaitu PGA tadi iaitu di Pulau Panggi. Seperti mana yang kita tahu bahawa Pulau Panggi adalah sempadan bagi negara Filipina dan pusat bagi kemasukan banyak pendatang asing. Saya difahamkan telah ada keputusan untuk membuat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi baru-baru ini saya difahamkan bahawa keputusan itu telah pun ditangguhkan. Apakah sebabnya pembinaan ini telah ditangguhkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, jemput Yang Berhormat bagi Bera.

3.55 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu perkara ya Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tiga perkara tapi ringkas. Pondok polis, kenderaan. Pondok polis, saya minta supaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat satu kawasan pondok polis di Gugusan Tembangau namanya. Penduduknya lebih daripada 5,000 orang dan terdapat ramai pekerja Indonesia di felda-felda *plantation* tetapi balai polis ataupun pondok polis yang paling hampir sejauh 70 kilometer. Jadi apa yang berlaku kalau ada kejadian jenayah dan sebagainya, memang paling cepat polis boleh sampai adalah satu jam. Jadi mohon disegerakan.

Kenderaan, sikit sahaja. Bera merupakan kawasan yang luas, terdapat 5,000 lebih penduduk Orang Asli dan sebagainya, dan Kancil tidak sesuai lagi. Jadi kita seperti juga di Sabah dan Sarawak memerlukan kenderaan pacuan empat roda. Sekarang ada 12 Land Rover polis tetapi 10 dah pun dilupuskan, jadi tinggal dua sahaja, jadi minta tambahkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sikit sahaja Tuan Pengerusi. Dari segi elaun perjalanan ini, saya diminta oleh pihak polis. Elaun perjalanan, ramai anggota yang berpindah daripada luar, misalnya dari Johor berpindah ke Bera. Dia masih lagi ke Johor kalau ada kes-kes mahkamah misalnya, terpaksa berulang alik. Dia menggunakan wang sendiri, walaupun akan *direimburse*, dengan izin tetapi kadang-kadang memakan masa sampai 5 atau 6 bulan untuk mendapatkan *reimbursement* tersebut. Jadi ini menyukarkan anggota-anggota polis yang terpaksa menggunakan perjalanan yang jauh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Akhir sekali, *one*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Please*, minta tolong satu saja, ini *very important*. Sekarang ini Petronas tidak memberikan kepada pihak polis untuk menggunakan minyaknya sebab terlampau lambat bayaran dibuat oleh ibu pejabat kepada Petronas. *They are very strict*, tidak cukup wang, tidak boleh, jadi memalukan kita. Dan pihak polis di Bera terpaksa menggunakan minyak daripada Shell di Negeri Sembilan, di Lui sejauh 30 kilometer. Jadi saya minta supaya perkara ini diambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu, lepas itu Yang Berhormat dari Tangga Batu.

3.57 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 15000 iaitu Unit Udara. Kecanggihan jenayah sekarang ini adalah semakin berlaku dan apakah tindakan-tindakan untuk memastikan kita lebih cepat, cekap untuk mengambil tindakan-tindakan terutamanya dari segi keselamatan perbatasan sempadan pantai dan juga perairan bertujuan untuk kita mencegah jenayah-jenayah ini. Ini memerlukan khidmat unit udara yang cekap dan efisien tetapi apa yang ada sekarang ini iaitu 24 buah termasuk 14 kapal terbang dan juga 10 helikopter ini, sejauh manakah *serviceability*nya ataupun kebolegunaannya terhadap kemudahan-kemudahan ini.

Saya juga hendak bertanya sejauh manakah juruterbang-juruterbang yang ada itu benar-benar terlatih dan juga mempunyai lesennya sebab yang menarik perhatian saya, Laporan Ketua Audit Negara ini, ada juruterbang pasukan polis ini tidak mempunyai lesen yang berkelayakan untuk memandunya. Selain daripada itu ialah kelewatan dalam penyelenggaraan. Ini akan membawa bahaya kepada pemandu-pemandunya. Oleh yang demikian, saya hendak tanya apakah ada elauan kritikal kepada juruterbang ini?

Seterusnya iaitu tentang kementerian juga telah membeli dua buah helikopter bernilai RM117 juta daripada Syarikat Airod Sdn. Bhd. Bagaimanapun kedua-dua pesawat berkenaan tidak dapat didaftarkan sebagai sivil *aircraft* dengan Jabatan Penerbangan Awam kerana ciri-ciri pembuatannya tidak memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Saya mohon penjelasan berhubung dengan perkara ini dan yang satu lagi, yang terakhir ialah tentang penyelenggaraan-penyelenggaraan kapal-kapal terbang yang ada ini. Ini perlu diambil perhatian yang serius, andai tidak ia akan membawa bencana kepada pemandunya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

3.59 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara sahaja, pertama tentang AADK. Saya mohon supaya kementerian meletakkan satu, memperuntukkan satu jumlah wang untuk mengkaji apakah keberkesanan jika diperkenalkan hukuman yang lebih berat kepada penagih-penagih dadah yang berulang. Kerana pada saya seolah-olah penagih dadah menjadikan penahanan mereka di pusat-pusat latihan dan juga di penjara ini sebagai satu cara untuk mereka duduk makan percuma dan sebagainya. Jadi kajian ini perlulah mengkaji bagaimana negara jiran kita iaitu Singapura melaksanakan hukuman yang lebih berat kepada penagih dadah berulang, sekali gus dapat mengurangkan jumlah penagih dadah di negara itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ada tiga surat khabar yang saya minta kementerian untuk jelaskan. Apakah kedudukan 'Buletin Jempol' ini yang mengeluarkan berita-berita yang mungkin menjangkau daripada norma-norma ketimuran. Contohnya, "Suami Paksa Isteri Melacur" menjadi tajuk utama, "Gadis Kilang Jaja Maruah" dan sebagainya. Gambar-gambar di dalamnya kalau hendak nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tengok daripada saya.

Yang ketiga, majalah Detektif. Tajuknya nampak berkait rapat dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tetapi *content*nya adalah berupa perkara-perkara yang juga akan menjejaskan nilai-nilai murni kita – gambar orang berkucup mulut di hadapan. Ini majalah Detektif dan yang keempat ialah cuba pihak Kementerian Kaji Semula apakah sebabnya Buletin Jempol ini mendapat kelulusan daripada KKDN untuk mengedarkan keluaran mereka? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah terlibat dalam mengemukakan pandangan dan perbincangan sebentar tadi. Yang pertama sekali ialah berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Yang pertama sekali berkenaan dengan kes pembunuhan itu. Jadi dalam soal ini saya tidak dapat memberi apa-apa komen berkenaan dengan perkara itu kerana perkara itu masih dalam perbincangan.

Yang kedua ialah berkenaan dengan dakwaan bom letupan C4 itu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, selain daripada Kementerian Pertahanan, pihak polis juga menggunakan bom C4 untuk tugas-tugas Unit Pemusnah Bom dan Pasukan Tindakan Khas. Jadi bukanlah daripada angkatan tentera sahaja. Jadi bom ini ada juga digunakan oleh pihak polis.

Seterusnya ialah berkenaan dengan soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membangkit soal IPCMC. Seperti mana yang saya telah jawab yang lepas-lepas dan juga yang dijawab sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa setakat ini IPCMC itu masih dalam kajian oleh pihak AG. Namun demikian PDRM mempunyai Cawangan Tatatertib Bukit Aman yang diwujudkan bagi menentukan warga PDRM melaksanakan tanggungjawab mereka berasaskan undang-undang, peraturan, arahan dan prosedur kerja yang telah ditetapkan selain daripada menjalankan siasatan dan mengenakan tindakan tatatertib. Cawangan ini juga melaksanakan program bimbingan, menyelia dan motivasi untuk melahirkan warga PDRM yang produktif, amanah dan profesional. Jadi dalam soal ini saya rasa kita juga mempunyai jawatankuasa dan juga badan-badan untuk memantau tatatertib polis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Jawatankuasa tatatertib itu hal yang lain daripada IPCMC oleh kerana ini ada ditubuhkan dan dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja. Yang Berhormat ada ulangi ucapan yang dibuat pada bulan September. Tidakkah ada apa-apa *progress* atau kemajuan dicapai dalam usaha untuk menubuhkan IPCMC? Mana boleh tiap-tiap kali jawapan yang sama, bukankah jawapan yang sama yang akan diberikan sehingga pilihan raya besar yang akan datang. Apakah *time line* itu? Adakah *date line* mengenai perkara itu? Adakah kerajaan serius mengenai IPCMC dan untuk menubuhkan IPCMC? Kalau serius, kenapa beku dalam perkara ini? Nampaknya *frozen* dan tidak ada peluang untuk memajukan perkara ini.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Seperti mana yang saya telah maklum berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan IPCMC kerana perkara ini di peringkat kajian dan kita hanya menerima apa juga cadangan daripada AG dan kemudiannya akan dipersembahkan kepada Kabinet untuk diluluskan. Jadi dalam soal ini, sehingga hari ini kita belum menerima apa-apa lagi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, AG juga bukan sekadar ia membuat kajian mengenai dengan IPCMC sahaja, ia juga melibatkan kementerian-kementerian lain. Banyak lagi perkara-perkara yang dibuat oleh AG. Sekarang ini seperti mana yang saya katakan, IPCMC adalah untuk memantau polis, tingkah laku polis, kerja buat polis, salah guna kuasa dan sebagainya. Untuk perkara itu kita sekarang ini mempunyai Jawatankuasa Tatatertib, kita mempunyai Biro Pengaduan Awam, kita mempunyai ACA, memang sudah

cukup untuk memantau tingkah laku dan salah laku polis. Saya rasa perkara ini *very clear*. Saya ingat tidak payah saya hendak jelaskan lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Boleh?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Apa hendak lagi? Saya sudah jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Alright*, terakhir, terakhir.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okay.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Daripada jawapan bahawa adalah badan-badan yang lain, Biro Pengaduan Awam dan lain-lain, adakah ini melambangkan atau membayangkan sikap bahawa tidak perlu ada IPCMC dan kalau ada *alternative mechanism* yang dianggap sebagai memuaskan, kenapa perlu IPCMC? Mengapa mahu serahkan isu ini kepada Peguam Negara? Adakah ini satu tipu helah sahaja supaya perkara ini diketepikan?

Ini bukan satu cadangan. Kita tahu bahawa Peguam Negara ada banyak kerja dan banyak kes, tetapi ini bukan satu kes yang biasa. Ini adalah satu cadangan *key proposal* yang dibuat oleh *Royal Commissioner Enquiry* yang ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan menunjukkan dia ada keseriusan untuk reformasi, untuk mengadakan satu *world class police force*. Kalau ia tidak diikuti, bukankah ini menunjukkan bahawa kerajaan sudah *eat its own words*. *Gone back on its commitment*.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, IPCMC ditubuhkan adalah untuk memantau salah laku polis yang dicadangkan oleh suruhanjaya yang ditubuhkan. Sekarang ini memang kita terima dan kita telah menyerahkan perkara itu kepada AG dan sekarang ini kita tunggu laporan daripada AG tetapi dalam masa yang sama untuk tujuan memantau tingkah laku polis, kita ada – tahun lepas kita ambil tindakan daripada salah laku polis, berapa banyak yang telah kita gantung kerja, yang dibuang kerja, ada yang diturun pangkat, kita ambil tindakan sepanjang masa. Bukan terhadap IPCMC sahaja, dulu-dulu polis dan hari ini sudah 99 tahun di Malaysia dan sudah pelbagai tindakan kita ambil kepada polis. Tidak ada masalah.

IPCMC ini adalah satu perkara yang baru dicadangkan oleh suruhanjaya yang telah ditubuhkan dan kita terima. Sekarang ini pelaksanaan tidak dapat dilaksanakan kerana perkara itu masih dalam pertimbangan AG. Okay?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya hendak teruskan kepada perkara yang kedua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan sedikit.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okay.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan sedikit.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tidak payahlah. Saya sudah jawab banyak kali.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikitlah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Banyak kali sudah saya jawab dalam soal ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya sokonglah. Saya hendak sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sokong apa? *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak sokong, saya hendak sokong.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Perkara yang kedua yang disentuh ialah berkenaan laporan polis, lima laporan yang telah dibuat mengenai perwakilan UMNO di

Persidangan UMNO baru-baru ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Hasutan oleh IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur dan kertas itu telah dihantar ke pejabat Peguam Negara, Putrajaya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai laporan yang dibuat mengenai UMNO.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *This is your* laporan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, laporan dibuat terhadap UMNO, mengenai UMNO, okay.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Laporan itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sudah habis siasatan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sudah diserahkan kepada pihak Peguam Negara.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Penjelasan apa lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi katakan ini... Saya faham IPCMC ini memang satu perkara yang rumit dan ia perlu masa untuk dikaji.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita boleh terima ia perlu masa dikaji dan baru-baru ini kita pun telah berjumpa dengan IGP...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukankah perkara ini sudah selesai?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Perkara itu sudah lepas. Okay, saya hendak jawab yang lain.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:...dan IGP berkata mereka tidak bantah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...untuk mengadakan IPCMC. Jadi saya hendak tanya, bila dan berapa lama lagi kita perlu tunggu? Saya tahu ini rumit, tetapi berapa lama lagi harus kami tunggu untuk AG membuat keputusan? Berapa lama lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *You* kena tanya pejabat AG.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Soalan seterusnya, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai telah membangkitkan berkenaan dengan pembinaan IPD di Yan, jadi pembinaan ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Pembinaan BLT dan dijangka dilaksanakan sebelum 2007.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, tentang Kampung Beremban sebab Yang Berhormat tidak jawab mengenai ini iaitu polis tidak peka hak asasi.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Apa dia?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kampung Beremban.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak payah layan pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia memang tidak pernah memandang baik kepada polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Polis ini salah sahaja, tidak ada baiknya bagi dia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri gading, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini? Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...buat *detail* lainlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab boleh buat keputusan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Tebrau telah membangkitkan berkenaan dengan rompak senjata secara berkumpulan yang dilakukan oleh rakyat tempatan atau pendatang haram. Jawapannya ialah jenayah rompak senjata secara kumpulan biasanya dilakukan oleh warga negara tempatan di mana pada tahun 2006, iaitu daripada Januari hingga Oktober sebanyak 52 kes bersamaan dengan 92.9% manakala pendatang asing ialah 4 kes sahaja. Berkenaan dengan berapa banyak kes yang telah diselesaikan, bagi kes sebegini pada tahun 2006, kes yang diselesaikan sebanyak 21.5% atau 11 kes daripada 51 kes. Pada tahun 2004, sebanyak 54 kes dilaporkan dan 6 kes telah selesai bersamaan dengan 11% pada tahun 2005. Peratusan penyelesaiannya ialah 17% daripada 40 kes di mana 7 kes diselesaikan. Pada tahun 2006, daripada Januari hingga Oktober sebanyak 56 kes dilaporkan dan sebanyak 16 kes telah diselesaikan.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah berkenaan dengan IPD Kuala Pilah iaitu mengapa sehingga kini belum dapat diduduki. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek ini telah dilaksanakan, direka dan dibina di mana pihak kontraktor telah menyiapkan projek ini pada awal tahun 2006. Bangunan tidak dapat digunakan kerana belum mendapat Sijil Kelayakan Menduduki atau CF daripada PBT. PDRM akan berpindah sebaik sahaja CF ini diperoleh.

Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan berkenaan dengan status Balai Polis Serdang Lama. Balai Polis Serdang Lama telah ditutup dan anggotanya telah dipindah ke Balai Polis Sri Kembangan. PDRM sedang mengkaji keperluan untuk membuka sebuah balai polis di Serdang Lama.

Yang Berhormat bagi Jasin ingin mengetahui berkenaan...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Balai Polis Serdang Lama sepatutnya dibuka lebih awal. Bilakah boleh dapat keputusan daripada pihak kementerian supaya bangunan balai polis itu jangan dikosongkan, buat demikian. Sudah tiga tahun dikosongkan. Bolehkah cepat untuk berfungsi semula? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya akan ambil perhatian Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan berkenaan kecurian pencawang, penutup longkang dan sebagainya yang dicuri oleh pencuri-pencuri untuk dijual kepada pihak barang lusuh. PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi memastikan perniagaan barang-barang lusuh tidak terlibat dalam aktiviti membeli barang-barang curi:

- (i) mengadakan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa ke premis perniagaan barang lusuh;
- (ii) pemantauan terhadap orang perseorangan yang sering ke premis berkenaan atau yang disyaki terlibat dengan kes kecurian;
- (iii) rondaan pada waktu malam untuk memastikan tidak ada urusan jual beli selepas waktu perniagaan;
- (iv) perjumpaan secara berkala antara ketua balai polis dengan pemegang lesen; dan

- (v) merekodkan nama dan butiran pekerja di premis berkenaan dan mengesyorkan supaya lesen-lesen ditarik balik sekiranya pemilik tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Pendirian kementerian berkaitan dengan perniagaan barang lusuh adalah jelas iaitu tidak akan sama sekali berkompromi dengan peniaga-peniaga yang didapati telah menyalahgunakan lesen dan memberikan dengan menjalankan kegiatan haram dan bersubahat dengan penjenayah bagi mendapat keuntungan dengan secara mudah. Mereka yang terlibat boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jelas dan terang mereka yang dapat lesen membeli barang-barang lusuh ini memang beli barang curi. Memang dia beli barang curi dan mungkin dia sebahagian daripada sindiket pencuri yang mencuri besi, yang mencuri pagar, yang mencuri tutup longkang, yang mencuri itu dan yang mencuri ini. Dahulu di kawasan saya tidak berapa ada pun ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat bagi cadangan. Apa hendak cadangkan kepada kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cadangan saya, nombor satu kawal pengeluaran lesen ini. Kawal dan kalau perlu tariklah. Satu pekan kecil ada dua Tuan Pengerusi. Macam Pekan Parit Raja ada dua. Tidak munasabah kan? Jadi sebab itu kita merayau, kita sudah naik takut ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...akhirnya pintu pagar pun... Saya tahu polis memang dia tidak akan bersubahat dengan pencuri. Jadi, saya harap lesen-lesen ini agaknya dikawal balik dan kemudian hukuman yang lebih berat. Jelaslah kalau tidak ada pembeli, macam mana dia hendak mencuri? Dia mencuri ini kerana dia ada pembeli dan pembeli ini bukan kedai jual kek, tidak hendak beli Tuan Pengerusi. Jual kedai runcit...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...restoran mamak ini tidak hendak beli. Kedai yang dilesenkan membeli barang-barang lusuh inilah yang beli. Jelaslah dia memang subahat, memang dia mencuri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, ini menjadi penyakit yang memang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua faham...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... memang orang ramai rasa geram....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Timbalan Menteri jawab, baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...macam tidak selamat. Tong sampah, besi, tong gas, habis. Apa sahaja pun Tuan Pengerusi, besi dan kerusi set yang besi punya pun. Tidak boleh selamat langsung. Jadi, saya minta satu tindakan tegas, tindakan menyeluruh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dari mana besi itu datang, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan baik daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading ini tolong jawab.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya memang kita ada tindakan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tabik Tuan Pengerusilah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Pihak kementerian ada mengambil tindakan, banyak lesen mereka telah kita tamatkan tetapi buat ketika ini, saya tidak mempunyai angkanya. Semua tindakan telah kita ambil untuk menarik balik lesen yang telah kita keluarkan. Selain daripada itu pihak kementerian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tindakan kena ambillah, Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ada, ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...supaya lain hari dia tidak payah cakap banyak.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri juga dalam proses untuk menyemak semula Akta Perniagaan Secondhand 1946, Akta 189 bagi memperkemas kelemahan-kelemahan yang sedia ada. Berhubung dengan perkara ini, satu jawatankuasa berkenaan perkara ini telah ditubuhkan baru-baru ini.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lesen ini dikeluarkan oleh polis, Johor ada 1,191 dan Selangor ada 881. Sebab apa banyak lesen boleh dikeluarkan demikian di mana besi lusuh itu tidak banyak? Adakah pihak kementerian akan menimbang semula supaya dikurangkan lesen itu supaya kawasan besi lusuh ini dapat ditentukan satu kawasan sahaja. Mana tempat boleh buat buka secara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada 32 ahli berucap. Kalau semua hendak layan minta penjelasan macam dialog, saya ingat sampai esok pun tak habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya sokong cadangan Yang Berhormat bagi Serdang. Jadi satu daerah satu sahajalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Maknanya kalau daerah saya Batu Pahat satu sahajalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi senanglah polis hendak menghendap ini tak akan orang hendak datang daripada 30 kilometer atau 40 kilometer hendak jual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi satu daerah, satu. Yang lain batalan. Tuan Pengerusi, minta maaf rakyat rasa tak tenteram Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan salah polis, ini salah pencuri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...banyak lagi Timbalan Menteri hendak jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi lesen ini tarik baliklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri kena selesaikan jawapan pada jam lima.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Di Johor seribu lebih, itu sebab di Johor semua besi buruk besi baru semua habis. Tak boleh tahan Tuan Pengerusi. Tak tahan Tuan Pengerusi, Tak tahan ini macam. Minta maafah Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi setuju dengan saya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kulai pun macam ini juga Tuan Pengerusi. Berapa lesen ada di Kulai?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu saya setuju...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ha, lagi banyaklah Kulai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...tetapi tak adalah langgar Peraturan Mesyuarat saya tak bersetuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak, tak. Saya tak langgar Tuan Pengerusi. Saya patuh.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat saya jawab ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila jawab.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Sebenarnya lesen ini kita keluarkan untuk beri peluang orang berniaga. Orang minta fasal kita hendak beri peluang orang berniaga. Itu sebabnya kita bagi lesen. Lepas itu lesen ini kalau disalah guna kita akan tarik baliklah. Jadi sebenarnya perkara ini dipantau oleh kita sepanjang masa. Berkenaan dengan *zoning* itu terpulang kepada pihak berkuasa tempatan. Jadi polis kita hanya ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, ini cadangan kita satu daerah, satu cukup kedai ini supaya kita hendak mengelakkan orang daripada mencuri ini. Senang betul dia hendak cari duit Tuan Pengerusi, kita beli barang baru dia jual. Astaghfirullahalazim.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baik Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi setuju? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bersetujulah. Duduklah.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Saya terimalah cadangan Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berikan dia satu tugas untuk jaga perkara ini.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Jerai mencadangkan supaya kakitangan ADK ditambah. Jumlah kakitangan ADK seterusnya meningkat dari semasa ke semasa. Pada tahun 2003 kita mempunyai 1,800. sekarang ini kita mempunyai 4,176 orang. Proses penyusunan semula sebanyak 4,200 perjawatan lagi diperlukan dan dipersetujui pada dasarnya oleh JPA.

Yang Berhormat bagi Jasin ingin mengetahui cadangan anak-anak anggota polis dimasukkan di dalam satu sekolah khas supaya kualiti hidup dan pendidikan dapat dipertingkatkan. Jawapannya ialah PDRM telah mempunyai sebuah sekolah MRSM khas di Kulim untuk anak-anak polis.

Yang Berhormat bagi Batu Kawan membangkitkan soal surat-surat sokongan yang dikeluarkan. Jadi walau bagaimanapun perkara ini saya akan rundinglah dengan pihak polis.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Yang Berhormat, kalau runding pastikan pihak polis jangan keluar surat lagi ya.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh mencadangkan IPD Pasir Puteh dan Pasir Mas diganti baru. Memanglah perkara ini kita telah luluskan supaya pembinaan semula Balai Polis Pasir Mas dan Pasir Puteh. Mengenai Balai Polis Pasir Puteh, IPDnya tempat yang sedia ada sekarang adalah terlalu kecil dan kita sedang membuat permohonan untuk mendapatkan satu kawasan yang lebih besar, di mana IPD yang sedia ada sekarang ini akan dijadikan balai polis Pasir Mas. Perkara ini sedang dibuat. Begitu juga di Jeli macam itu. Kita sebenarnya menghadapi masalah tentang pembinaan balai polis-balai polis.

Untuk soal balai polis-balai polis ini saya hendak jawab untuk semua kerana perkara ini disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat bagi Hulu Langat, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat bagi Baram, Yang Berhormat bagi Tenom dan boleh dikatakan kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan pembinaan semula IPD dan IPK dan balai polis-balai polis.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita telah meluluskan banyak balai polis akan dibina. Jadi saya memohon kerjasama daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan cadangan-cadangan kepada saya mengenai tempat-tempat atau di kawasan Yang Berhormat di mana balai polis-balai polis yang segera hendak dibina, supaya tindakan segera dapat kita ambil untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada.

Kadang-kadang untuk pengetahuan Yang Berhormat walaupun balai polis kita telah meluluskan peruntukan, tetapi kita juga mempunyai masalah tentang tanah. Umpamanya ada sesetengah tempat kita ada peruntukan tetapi tidak mempunyai tanah. Umpamanya saya ambil di kawasan yang agak pedalaman iaitu di Pulau Sebatik di Sabah. Saya telah melawat di Pulau Sebatik di Sabah dan memanglah balai polis di sana iaitu di 'Bongkosong' dan juga satu lagi saya tak ingat namanya tetapi balai polis ini dibina sebelum merdeka.

Ada balai polis-balai polis ini di bawahnya ada kubu dan kita telah meluluskan peruntukan untuk membina semula balai polis ini, tetapi balai polis ini kita tidak mempunyai tanah. Begitu juga di sesetengah tempat. Umpamanya macam di Sarawak iaitu pembinaan semula kem 'PGA' di Miri. Walaupun kita telah bayar RM21 milyon untuk tujuan pampasan tanah daripada kerajaan negeri, tetapi kita tidak boleh membina kem itu kerana kita menghadapi masalah dengan kerajaan negeri kerana kita terpaksa pindahkan dua buah balai polis kita iaitu di Jalan Brighton dan juga sebuah balai polis di Tanjung Lubang. Jadi kita menghadapi masalah dengan kerajaan negeri berkenaan dengan tanah.

Begitu juga dengan IPK Kuching. IPK Kuching kita meluluskan peruntukan untuk membina semula daripada sebenarnya kita menghadapi masalah kerana tapak yang sedia ada ialah 35 ekar tetapi diberikan oleh kerajaan Sarawak sebanyak 15 ekar. Jadi tempat yang ada sedia ada sekarang ini adalah kecil. Jadi inilah yang kita hadapi masalah. Sebenarnya peruntukan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga BLT adalah terlalu besar dan saya telah baru-baru ini meminta supaya satu mesyuarat antara BLT dan juga kementerian, kerana BLT ini di bawah Kementerian Kewangan dan balai polis-balai polis ini adalah kepunyaan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Peruntukan itu diuruskan oleh Kementerian Kewangan, tender oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun ada sedikit-sebanyak bertindih antara kementerian maka kita akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi untuk menyelesaikan masalah itu dan di samping itu juga dalam lawatan-lawatan, saya sentiasa mendengar mengenai keperluan untuk pembinaan semua balai polis dan juga pondok-pondok di seluruh negara ini.

Selain daripada itu, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Baram tadi berkenaan dengan kenderaan dan sebagainya. Sebenarnya saya sudah pergi ke Baram saya sudah sampai, di Mambong pun saya sudah sampai dan Bario pun saya pergi. Merata sudah saya melawat dan saya dapati bahawa kebanyakan kenderaan di sana memang *outdated* dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini kenderaan-kenderaan

yang ada yang digunakan oleh polis boleh dikatakan 60% daripada kenderaan itu adalah *outdated* yang perlu ditukar.

Walau bagaimanapun baru-baru ini kita telah menerima 2,000 kenderaan baru. Walaupun kita menerima kenderaan baru kita terpaksa melatih pemandu dan ini juga memerlukan masa yang panjang. Walau bagaimanapun kita dari semasa ke semasa kita akan *upgrade*. Selain daripada itu, berkenaan dengan peralatan yang digunakan oleh pihak polis, kebanyakan peralatan yang digunakan oleh pihak polis sekarang ini adalah *outdated*, sudah lama. Oleh itu, kita sedang kaji sama ada kita hendak beli atau kita sewa. Jadi ada juga cadangan supaya alat-alat ini kita akan sewa kerana kebanyakan alat-alat elektronik yang baru ini apabila kita beli dalam masa begitu singkat ia akan jadi *outdated* dengan teknologi yang ada sekarang. Mungkin kita akan sewa alat-alat ini.

Satu lagi ialah berkenaan dengan kes-kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengenai kes pembunuhan dan sebagainya. Sebenarnya kes-kes pembunuhan ini kita boleh ambil atau dakwa apabila kita mempunyai bukti yang cukup. Kes-kes yang tidak boleh didakwa itu kerana tidak mempunyai bukti yang cukup.

Jadi kalau kita buat pendakwaan kepada kes-kes yang tidak mempunyai bukti, keterangan jadi kita berlaku ketidakadilan, dan DAP sekali lagi akan bangkit dan bising. Begitu juga kes-kes yang lain yang ada pada kita sekarang ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, yang saya minta ialah supaya meningkatkan *skill* siasatan dan meningkatkan anggota polis untuk membuat siasatan supaya kita dapat kumpulkan keterangan yang cukup untuk mendakwakan mereka ke mahkamah, itulah permintaan saya. Janganlah salah faham, ini saya hendak

tolong.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, ya. Kita mempunyai pegawai-pegawai penyiasat yang terlatih sebab itu kita tengok kes-kes tertentu seperti kes pembunuhan gadis Mongolia dengan begitu singkat kita dapat tangkap kerana kita mempunyai bukti bukan kita tidak mempunyai pegawai yang terlatih. Kita pun mempunyai pegawai yang terlatih tetapi kurang bukti, ini beza.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya. Bolehkah saya diberikan penjelasan bagaimana ada sesetengah kes biasanya kes yang *high profile* itu seperti *Mongolian women* punya *case*, seperti Kenny Ong punya *case*, Kenny Ong dia kembali dari Amerika yang itulah sebabnya ada ramai rakyat di luar sana mengatakan bahawa ni pihak polis hanya memberatkan kes-kes yang tertentu sahaja. Kes-kes yang melibatkan wanita yang biasa mereka tidak ambil berat seperti Chee Pin Yip ini... [*Percakapan tidak jelas*]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat saya rasa dakwaan Yang Berhormat ini bahaya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hah! Ramai, itulah banyak kes, itu bukan pandangan saya, seperti Sri Gading katakan tadi, rakyat tidak merasa tenteram. Rakyat rasa terancam...

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya harap Yang Berhormat ...Yang Berhormat boleh buktikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya harap...saya minta... saya minta Yang Berhormat boleh [*percakapan tidak jelas*] ...pada saya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah saya, saya baik hati...itulah saya baik hati untuk meminta supaya meningkatkan dan bukankah kita katakan selalu kekurangan kakitangan untuk siasatan, kekurangan IO, IO sudah *over worked*, IO tidak cukup. Itulah yang selalu diberi alasan dan saya meminta supaya meningkatkan, beri peruntukan untuk meningkatkan anggota IO. Meningkatkan logistik yang mereka perlukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Meningkatkan latihan yang mereka perlukan, meningkatkan segalanya yang mereka perlukan supaya kita jangan biarkan seorang penjenayah pun dilepaskan. Boleh atau tidak? *[Dewan riuh seketika]*

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kalau ada bukti boleh tuduh, kalau ada, ada *skill* pun tidak ada bukti, tidak ada apa-apa pun, susah kita hendak bukti ya Yang Berhormat. Jadi berkenaan dengan satu lagi iaitu *urine test*, *urine test* ini saya difahamkan bahawa dia buat masa operasi tertentu dan ditangkap, jadi Yang Berhormat, apabila dibangkit pada saya berkenaan dengan orang yang ditangkap, apabila *urine* dia positif dan dilepaskan kerana bayar bolehkah Yang Berhormat beri kepada saya contoh dan laporan saya dengan *detail*. Yang Berhormat tidak boleh sebut begitu sahaja, Yang Berhormat mesti beri kepada saya kes secara tepat supaya saya boleh ambil tindakan yang tegas kepada mereka yang terlibat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, boleh saya minta penjelasan di sini? Baru-baru ini ada seorang dia jumpa saya dan saya bawa dia pergi ke balai polis Bukit Mertajam setelah membuat satu laporan dan saya belum dapat siasatan lagi. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh check dengan balai polis Bukit Mertajam.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *You* beri pada saya!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah saya dapat yang dikatakan hanya apabila ada operasi, hanya pihak polis boleh menjalankan *urine* uji tetapi kes ini, dia membawa kereta pergi makan pagi dia keluar sana, lari sana, dua orang polis menaiki motosikal menyuruh dia berhenti dan mengatakan ikut ke balai polis untuk ujian *urine*.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya ingat, saya ingat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan selepas buat, dia minta duit! Ini ada kes!

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *You* buat laporan kepada saya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey, saya boleh beri laporan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Okey, okey.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *You* beri laporan itu kepada saya supaya saya lihat dan ambil tindakan kepada mereka yang terlibat. Satu lagi ialah berkenaan dengan yang dbangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah AADK. AADK dibangkitkan dan disentuh oleh Kuala Selangor, Kuala Langat, Kelana Jaya, Pasir Puteh, Jerai, Grik, Bukit Mertajam dan sebagainya, banyak. Sebenarnya AADK ini kita telah seperti mana saya telah sedia maklum dan selalu saya jawab dalam Parlimen ini iaitu kita menghadapi masalah kerana di peringkat daerah-daerah ini iaitu Pengerusi-pengerusi ini ada dipengerusikan oleh pegawai-pegawai daerah. Pegawai daerah ini bukan kerana mereka tidak mahu menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka tetapi oleh kerana mereka mempunyai banyak tugas dan tanggungjawab dan lain maka sebab itu hanya 30 daripada 93 daerah yang mengadakan mesyuarat.

Sebab itu baru-baru ini saya telah mengarahkan AADK supaya kita telah mencadangkan satu kertas kerja baru yang dibuat supaya kita ganti pengerusi-pengerusi AADK dengan wakil rakyat supaya wakil rakyat tuan-tuan di sini akan dapat memainkan peranan masing-masing dan benda ini akan dibawa dalam mesyuarat yang akan datang yang dipengerusikan oleh Dato' Najib dan sekiranya diterima kita akan lantik Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk menjadi pengerusi di peringkat daerah dengan kerjasama oleh pegawai-pegawai.

Selain daripada itu PEMADAM yang saya sendiri Tuan Pengerusi, saya akan mencadangkan supaya dilantik di kalangan tuan-tuan untuk menjadi pengerusi di PEMADAM dan kerjasama dengan PEMADAM dengan AADK akan kita laksanakan untuk

menjalankan aktiviti ini dan selain daripada itu juga AADK kita akan mengadakan perbincangan dengan kementerian-kementerian yang berkaitan terutama sekali Kementerian Pelajaran dan juga kementerian-kementerian lain, Kementerian Pembangunan Wanita dan sebagainya untuk mengadakan aktiviti bersama untuk memerangi dadah ini. Saya rasa dengan cara itu barulah kita dapat memerangi dadah dan berkenaan dengan ...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Mengetuk mikrofon dan bangun]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: ...rawatan pemulihan di pusat-pusat yang swasta dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah gendanglah Yang Berhormat Pasir Puteh. Terus sahaja!

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tambah sedikit. Kalau hasrat Yang Berhormat Menteri sedemikian rupa kita tahniah, syabas tetapi saya minta supaya AADK sediakan peruntukan kita beri kepada parlimen-parlimen ini untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab, baru boleh. Kalau lantik sahaja tidak ada peruntukan, tidak akan berjalan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi selain daripada peruntukan, itu gunanya Yang Berhormat, Yang Berhormat kena guna orang kata budi bicara Yang Berhormat untuk membantu dan mengadakan peruntukan sendiri bagi membiayai usaha-usaha memerangi dadah ini.

Jadi selain daripada itu Yang Berhormat ialah berkenaan dengan rawatan. Rawatan memanglah di pusat-pusat serenti, kita sebenarnya kita tidak ada masalah, penagih ini bila di pusat serenti mereka okey. Mereka pulih, mereka ikut peraturan, mereka boleh dikatakan kebanyakan mereka akan pulih tetapi malangnya yang masalah kepada kita ialah selepas proses pemulihan di pusat-pusat serenti itu, bukan di pusat serenti itu tidak baik berbanding dengan yang swasta. Yang masalahnya yang mereka ini apabila mereka keluar, mereka keluar selepas pusat serenti ini, inilah yang menjadi masalah kerana masyarakat masih tidak dapat menerima mereka. Bukan kata masyarakat sahaja tetapi keluarga sendiri tidak boleh terima, ini yang menyebabkan akhirnya segala usaha yang dibuat oleh kerajaan duit yang kita belanja itu sia-sia sahaja dan akhirnya mereka ini akan kembali untuk menagih dadah, ini yang masalah.

Jadi saya berharap selepas ini apabila Yang Berhormat-Yang Berhormat diberi tanggungjawab untuk menjadi pengerusi di peringkat daerah. Saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian akan dapat memainkan peranan bagi usaha supaya mereka yang dipulihkan ini akan terus menjauhi dadah buat selama-lamanya.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya nampak yang saya timbulkan tidak keluar satu pun, saya hendak dua sahaja. Yang pertama Timbalan Menteri ialah tentang kedudukan ibu pejabat polis daerah Maran yang sudah terbengkalai lama yang saya tanya tadi bila hendak selesai, adakah cadangan untuk pindah dan berapa kerugian kerajaan hadapi akibat daripada penangguhan itu.

Yang kedua, mungkin yang penting dan saya tanya tiga perkara tadi yang kedua JPA3 minta dapat kalau boleh membekalkan kenderaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam 3 yang diperuntukkan oleh kerajaan yang banyak memainkan peranan yang besar kepada kita, masyarakat luar bandar khususnya.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya rasa saya tidak sampai lagi.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ya, satu lagi Timbalan Menteri sentuh tentang jawatankuasa tadi. Saya hendak beri pandangan sedikit, saya timbulkan masalah jawatankuasa keselamatan negeri dan jawatankuasa keselamatan daerah yang saya perhatikan akhir-akhir ini tidak berjalan dengan baik kerana saya nampak dahulunya semasa ada komunis jawatankuasa ini cukup berperanan besar dan kita berjaya menjalankan program-program gerak saraf dan juga perang saraf dalam membanteras ancaman dalam negara kita, terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat tadi berkenaan dengan JPA3, JPA3 ini ialah sebuah satu lagi agensi kementerian yang memang tidak ramai yang kita lihat perkara ini, tapi sebenarnya JPA3 ialah satu agensi yang amat penting yang telah memainkan peranan waktu kita menghadapi bencana.

Jadi kita juga mempunyai perancangan untuk kita *upgrade* mereka ini dengan kelengkapan-kelengkapan yang lebih canggih untuk tujuan menyelamatkan dan sebagainya. Di samping itu juga kita akan lihat mereka ini juga seperti agensi-agensi lain berkenaan dengan kebajikan mereka ini sentiasa dipantau dan akan diberi perhatian.

Jadi berkenaan dengan projek-projek, mungkin saya tidak dapat sentuh semua tetapi saya haraplah kepada Yang Berhormat nanti kalau saya tertinggal berkenaan dengan projek-projek sila bagi maklumat pada saya selepas ini. Yang Berhormat boleh tulis kepada saya berkenaan dengan apa juga masalah berkenaan dengan pembangunan polis di kawasan Yang Berhormat kepada saya, supaya saya boleh lihat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera, bagi jalan Yang Berhormat. Ya, sila Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Terima kasih. Fasal JPA3 tadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk melantik pegawai JPA3 tetap di daerah-daerah seperti RELA misalnya ada PRD, Pegawai RELA Daerah dan JPA saya tengok tidak ada pegawai tetap.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang ini saya akan tengoklah Yang Berhormat, saya tidak ada jawapan dengan saya. Saya akan bagi secara yang bertulislah kepada Yang Berhormat.

Jadi selain daripada itu adalah berkenaan dengan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Mambong, sudah selesai tadi. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat bagi Gerik iaitu berkenaan dengan rawatan dengan menggunakan daun biak. Daun biak ini sama juga dengan ketum. Jadi memanglah daun biak ini memang boleh, yang saya tahu boleh merawat menghilangkan ketagihan dadah tetapi yang masalahnya ialah daun biak ini disalah guna. Kalau dia guna biak sahaja, tidak apa tetapi di setengah-setengah tempat daun biak diguna dengan menggunakan bahan-bahan lain yang dimasukkan dalam daun biak seperti ubat nyamuk dan sebagainya. Akhirnya menjadi mudarat kepada sesiapa juga yang menggunakan daun biak ini untuk dijadikan sebagai ubat untuk buat rawatan.

Selain daripada itu ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh berkenaan dengan ibu yang mengandung dan sebagainya. Saya rasa perkara ini sentiasa diambil berat oleh pihak penjara dan bantuan telah dibagi dan sepanjang masa mereka-mereka ini diberi bantuan seperti susu dan sebagainya untuk menjaga anak mereka semasa mereka dalam penjara.

Seperkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh iaitu berkenaan dengan surat khabar atau akhbar yang dimohon oleh pihak Keadilan. Jadi, saya akan tengoklah apa yang berkenaan dengan perkara ini dan insya-Allah kalau tidak ada masalah benda ini boleh dipertimbangkan. Jadi saya ingat Yang Berhormat saya rasa itulah lebih kurang...

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Permatang Pauh

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya kapal terbang. Apakah jawapan untuk itu. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tadi kapal terbang, Yang Berhormat kata apa tadi Yang Berhormat?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: RM6 juta diperuntukkan di bawah tajuk kapal-kapal terbang. Boleh beri penjelasan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan yang kita guna ialah untuk membeli kapal terbang. Memanglah kapal terbang yang sedia ada yang dipunyai oleh PDRM ini memanglah dalam keadaan yang cukup uzur. Sudah lama, tetapi kita masih menggunakannya. Peruntukan ini ialah untuk kita membeli kapal terbang yang baru selain daripada kapal terbang ada juga pembelian beberapa buah helikopter yang telah dicadangkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia untuk tujuan mengadakan gerakan dan juga tugas-tugas polis seperti di perbatasan dan sebagainya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya tentang pemulihan dalam kem tahanan ISA. Boleh beri penjelasan tentang itu.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi saya rasa berkenaan dengan seseorang yang ditahan di bawah ISA berkenaan dengan kesalahan bahan nuklear. Saya difahamkan bahawa beliau sentiasa diberi layanan yang sama seperti tahanan-tahanan yang lain, sama sahaja. Tidak ada keistimewaan yang diberi kepada beliau. Jadi berkenaan sama ada beliau itu masih dalam tahanan atau dilepaskan saya akan maklum kepada Yang Berhormat selepas ini secara bertulis.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Serdang, bagi jalan.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Saya hanya bangkitkan satu perkara penting yang berkaitan dengan keselamatan orang ramai, polis palsu. Bagaimana caranya pihak kementerian untuk menangani isu ini yang begitu serius yang dihadapi oleh orang ramai.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Polis palsu ini susah lah, polis palsu ini pun saya tidak tahu kerana mereka ini boleh dapat... bukan sahaja polis palsu sekarang ini, doktor palsu pun ada. Ada juga RELA palsu. Jadi saya susah untuk berkenaan dengan perkara ini. Benda ini adalah satu perkara yang masalah kerana uniform ini boleh dibeli di mana-mana sahaja. Tetapi kita berharap tidak ada Yang Berhormat palsu.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Yang Berhormat bagi Kepong tadi ada bangkitkan berkenaan dengan meningkatkan pencegahan kemasukan dadah ke negara kita. Jadi berkenaan dengan dadah dan juga berkenaan dengan *Interpol*, memanglah kita sentiasa mempunyai kerjasama dengan pihak *Interpol* dan juga *Aseanapol* yang ada di negara kita. Baru-baru ini kita ada lawatan dan juga perbincangan daripada semasa ke semasa. Saya difahamkan baru-baru ini Ketua Polis Negara telah mengadakan mesyuarat di Thailand dan juga Indonesia berkenaan dengan isu-isu yang ada di antara kedua buah negara. Selain daripada itu juga kita ada hubungan dengan Cambodia dan sebagainya.

Berkenaan dengan memperketatkan operasi memberantas dadah. Memanglah di peringkat penyeludupan itu memang banyak, masih berleluasa kerana kita mempunyai perairan yang luas dan *border* yang begitu terdedah kepada penyeludupan. Selain daripada itu yang masalah kepada kita ialah sekarang ini dadah tidak di seludup daripada luar. Dadah sekarang ini diproses di Malaysia. Ini yang masalah kerana di Kulim baru-baru ini kita telah mendapati sebuah kilang yang boleh memproses syabu sehingga lima tan syabu boleh dibuat oleh kilang-kilang seperti ini. Jadi, maknanya usaha untuk kita mencegah dadah dibawa masuk ke negara kita, tetapi sekarang ini dadah diproses di dalam negara kita.

Selain daripada itu, kita juga mempunyai masalah berkenaan dengan kita punya sistem penerbangan kita, kerana campur aduk antara *domestic flight* dengan *international*

flight. Terutama sekali daripada Kota Kinabalu dan juga daripada Pulau Pinang. Ada setengah-setengah *passenger* daripada *international* dia boleh masuk ke Malaysia dan di sana dalam *flight* antara domestik dengan *international* itu bercampur. Ini ada juga masalah dihadapi ini. Jadi ini adalah di bawah Kementerian Pengangkutan yang patut dikaji semula berkenaan dengan perkara-perkara ini tetapi perkara ini sedang dilihat oleh mereka.

Jadi, selain daripada itu Yang Berhormat ...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kepong hendak bagi jalan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi saya bangkitkan banyak perkara termasuklah kertas untuk cadangan bagi gaji-gaji polis daripada pusat latihan polis dan bilangan rekrut yang diambil setiap kali untuk dilatih dan juga mengenai *ombudsmen* dan sebagainya belum lagi dijawab. Ini nak tamat dah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Berkenaan dengan kenaikan gaji itu memanglah ada cadangan daripada polis kepada kementerian dan kementerian sedang kajilah sama ada kita akan pertimbangkan perkara ini dan ini bergantung rapat kepada kedudukan kewangan kita dan sekiranya kewangan kita kukuh, maka kita akan meluluskanlah.

Selain daripada itu ialah berkenaan dengan pusat latihan. Memanglah pusat latihan kita seperti mana yang diumumkan baru-baru ini kita telah meluluskan supaya ditambah sebanyak 60 ribu lagi anggota polis di negara kita, masalahnya kepada kita seperti mana yang saya katakan tadi, walaupun kita mempunyai 2,000 kenderaan yang kita luluskan, tetapi untuk melatih pemandu 3,000 orang pemandu itu mengambil masa lebih kurang enam bulan. Walau bagaimanapun, pusat-pusat latihan baru akan dibina. Baru-baru ini telah diumumkan sebuah pusat latihan polis akan dibina di Pahang.

Satu pusat latihan baru dan pusat-pusat latihan yang sedia ada seperti di Jalan Semarak akan dinaikkan taraf dan saya difahamkan kelulusan telah diberi kepada kontraktor untuk *upgrade* pusat latihan di Jalan Gurney atau Jalan Semarak dan begitu juga pusat-pusat latihan kita di Air Hitam dan juga di Kuching akan di *upgrade* dan beberapa pusat latihan lagi akan dibina.

Sebenarnya polis kita tidak ada masalah dari segi tenaga pengajar kerana kebanyakan daripada pegawai-pegawai kanan polis yang bersara, umpamanya baru-baru ini ramai ketua-ketua polis negeri dan juga pengarah yang bersara dan kebanyakan mereka ini mempunyai kelulusan. Mereka mempunyai ijazah. Ada setengah sampai dua *degree*, ada yang kelulusan undang-undang dan sebagainya. Jadi mereka ini akan diberi peluang untuk menjadi tenaga pengajar di pusat-pusat latihan polis ini apabila pusat-pusat ini dibina di seluruh negara kita tidak berapa lama lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong. Nak bagi jalan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pusat latihan polis di Kuching yang sebenarnya bukan di Kuching, di Mambong. Dia berhadapan dengan penjara baru Mambong juga nak di naik taraf untuk menjadi apa? Kolej polis ke atau pun apa?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, ini bergantung pada keadaanlah. Buat sementara ini kita belum kenal pasti lagi berkenaan dengan pusat-pusat latihan ini yang kita akan *upgrade*. Selain daripada itu ialah berkenaan dengan selain daripada gajilah, polis seperti mana yang dimaklumkan gaji kadang-kadang kita *problem* juga gaji. Kita sekarang ini berkenaan dengan latihan kepada polis iaitu kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat pun kita akan mempermudah kenaikan pangkat untuk mewujudkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai penyiasat.

Di dalam polis sekarang ini, kalau berbanding dengan askar, kita kalau bertugas, *service* dia 21 tahun dalam askar, dia sudah jadi *staff sergeant* tetapi 21 tahun kalau

bekerja dalam polis, dia kadang-kadang hanya *last* koperal. Kita akan mempermudah lagi kenaikan pangkat dan sebagainya supaya kita dapat lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang akan dimasukkan dan mempunyai pegawai-pegawai yang terlatih. Jadi, saya rasa itu sahaja yang dibangkit oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan segala pandangan dan juga pandangan yang insya-Allah kita akan terima. Kepada tuan-tuan mungkin yang tidak dapat bangkit, bolehlah memberi cadangan *direct* kepada saya supaya tindakan segera dapat kita laksanakan bagi tujuan kebaikan kita bersama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,625,110,600 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,625,110,600 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,627,897,000 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,627,897,000 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Usul Anggaran Pembangunan 2007 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**].

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang undang-undang Kewangan 2006 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Rang undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2007 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mengandungi 51 fasal yang dibahagikan kepada enam bab yang berikut:

Bab I - Permulaan.

Dalam Bab Permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:-

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2006.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Bab II - Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab ke-II terdiri daripada 32 Fasal iaitu Fasal 3 hingga 34 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:-

Fasal 3 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Kesemua pindaan kepada akta ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 kecuali seksyen-seksyen berikut Seksyen 5 perenggan 24(a), Seksyen 26, Seksyen 27, Seksyen 28, Seksyen 29 dan perenggan 30(b) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007. Seksyen 18 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006, Seksyen 20 mula berkuat kuasa apabila akta ini mula berkuat kuasa. Dan Seksyen 21, Seksyen 22, Seksyen 23 dan perenggan 24(b) dan perenggan 32(d) disifatkan mula berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

Fasal 4 yang bertujuan meminda takrif perkongsian dalam Seksyen 2(1) memperuntukkan bahawa mana-mana persatuan yang ditubuhkan menurut suatu skim pembiayaan di bawah prinsip syariah tidak dianggap sebagai suatu perkongsian.

Fasal 4 juga bertujuan menyeragamkan takrif penghibur awam dengan menggantikan perkataan "atlet" dengan "ahli sukan" yang digunakan dalam perjanjian pengelakan percukaian dua kali. Selain dari itu Fasal 4 juga bertujuan untuk meminda Seksyen 2 (8) dengan menggantikan perkataan "*or the Securities Commission*" dengan perkataan "*the Securities Commission or the Labuan Offshore Financial Services Authority*".

Fasal 5 yang bertujuan meminda Seksyen 6(1)(i) memperuntukkan supaya pendapatan yang diagihkan oleh Amanah Pelaburan Harta Tanah ataupun 'REIT' kepada pemegang unit selain daripada syarikat bermastautin dikenakan cukai pada kadar yang ditetapkan di Bahagian 10 Jadual 1 Akta bagi tempoh selama lima tahun seperti dinyatakan dalam Fasal 30 kelak.

Fasal 6 adalah bertujuan memotong Subseksyen 60 (3A) supaya pembayar cukai individu tidak lagi diberi rebat cukai sekali setiap lima tahun bagi pembelian komputer peribadi. Sebaliknya pembayar cukai individu akan diberi pelepasan cukai sekali setiap tiga tahun bagi pembelian komputer peribadi seperti yang dinyatakan dalam Fasal 17 kelak.

Fasal 7 adalah bertujuan memotong seksyen 6B berkenaan dengan rebat cukai ke atas pinjaman kepada perniagaan kecil memandangkan pinjaman kepada suatu perniagaan kecil tidak lagi relevan berikutan dengan penamatan skim pinjaman berkenaan.

Fasal 8 adalah bertujuan untuk meminda subperenggan 13(1)(b)(ii)(A) untuk memperluaskan manfaat tambang percutian dalam negara yang dikecualikan cukai pendapatan supaya meliputi perbelanjaan penginapan dan makanan.

Fasal 10 adalah bertujuan meminda seksyen 30(4) supaya mana-mana amaun hutang yang dilepaskan berkenaan dengan elaun yang telah dituntut akan dianggap sebagai pendapatan dan dikenakan cukai.

Fasal 11 adalah bertujuan untuk meminda perenggan 34(6)(k) supaya had maksimum amaun potongan yang dibenarkan bagi menaja mana-mana aktiviti kesenian,

kebudayaan atau warisan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dinaikkan daripada RM300,000 kepada RM500,000.

Fasal 12 yang bertujuan meminda subseksyen 35(2) memperuntukkan supaya amaun yang boleh dipotong di bawah subseksyen itu diperluaskan kepada semua potongan yang diperuntukkan di bawah akta.

Fasal 13 adalah bertujuan memasukkan sub perenggan baru 39(1)(l)(viii) bagi membenarkan potongan ke atas tambang percutian dalam penganjuran sesuatu acara tahunan dalam Malaysia seperti Hari Keluarga yang melibatkan majikan, pekerja dan anggota keluarga terdekat pekerja berkenaan.

Fasal 15 adalah bertujuan:-

- (a) meminda subseksyen 46(6) untuk menambah amaun maksimum yang dibenarkan sebagai potongan bagi derma daripada 5% kepada 7% daripada pendapatan agregat;
- (b) meminda Subseksyen 44 (11A) supaya zakat perniagaan yang dibayar oleh NTT selain daripada syarikat luar pesisir dan individu layak mendapat potongan tertakluk kepada jumlah maksimum dua setengah peratus daripada pendapatan agregat; dan
- (c) kemasukan Subseksyen baru 44 (11B) dan (11C) bagi membenarkan potongan ke atas perbelanjaan dalam bentuk wang atau bukan wang bagi sumbangan dan penajaan aktiviti kesukanan atau projek berkepentingan nasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan.

Fasal 16 adalah bertujuan meminda perenggan 44A(9)(b) bagi membolehkan syarikat menyerah dikenakan penalti yang sama amaunnya dengan amaun cukai yang terkurang dikenakan oleh syarikat yang menuntut.

Fasal 17 adalah bertujuan meminda seksyen 46(1)(f):

- (a) bagi memperluaskan bidang pengajian yang layak menuntut potongan atas yuran pengajian sehingga maksimum RM5,000 untuk merangkumi pengajian dalam bidang kewangan Islam;
- (b) meminda perenggan 46(1)(i) bagi membenarkan pelepasan cukai ke atas perbelanjaan pembelian buku, jurnal, majalah dan penerbitan lain dinaikkan dari RM700 kepada RM1,000 setahun;
- (c) memasukkan perenggan baru 46(1)(j) untuk mengadakan potongan maksimum sehingga RM3,000 kepada individu bagi pembelian komputer peribadi bukan bagi tujuan perniagaan. Pemotongan ini boleh dituntut sekali dalam tempoh tiga tahun.

Fasal 18 adalah bertujuan meminda seksyen 60F(2) supaya definisi syarikat pemegang pelaburan dipinda dengan tidak mengambil kira pendapatan sewaan dalam menentukan pendapatan pasif sekiranya pendapatan sewaan diperoleh daripada aktiviti yang mempunyai ciri-ciri perniagaan.

Fasal 19 adalah bertujuan untuk memasukkan proviso ke dalam subseksyen 61A(1) supaya 'REIT' dikecualikan cukai pendapatan sepenuhnya dengan syarat sekurang-kurangnya 90% daripada pendapatannya diagihkan kepada pelabur.

Fasal 20 adalah bertujuan meminda perenggan 91(4)(a) bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk membuat taksiran dalam tempoh enam tahun selepas keputusan mahkamah diterima apabila mahkamah memutuskan bahawa keuntungan daripada pelupusan mana-mana aset tidak tertakluk kepada cukai di bawah

Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, tetapi tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 21, fasal 22, fasal 23 dan subfasal 24(b) bertujuan meminda subseksyen 107A, (92), 109(2), 109B (2), 109D (3) supaya pengenaan penalti cukai pegangan sebanyak 10% dipinda daripada berasaskan jumlah bayaran kepada jumlah cukai pegangan yang belum dibayar.

Fasal 24(a) adalah bertujuan meminda seksyen 109(2) bagi memperuntukkan bahawa 'REIT' dikehendaki memotong amaun cukai mengikut kadar seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 akta daripada pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit selain daripada pemegang unit syarikat bermastautin.

Fasal 26 adalah bertujuan memperkenalkan bab baru 1A yang mengandungi seksyen 138A dan 138B. seksyen 138A memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk membuat ketetapan umum tentang pemakaian mana-mana peruntukan kta Cukai Pendapatan 1967. Seksyen 138(B) pula bagi membolehkan pembayar cukai memohon suatu ketetapan awal atau *advance rolling* daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi pemakaian mana-mana peruntukkan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 27 adalah bertujuan untuk menyediakan peruntukkan khas supaya ketetapan umum yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sebelum pindaan ini dianggap telah dibuat di bawah seksyen 138(A).

Fasal 28 adalah bertujuan meminda seksyen 153(3) supaya seorang agen cukai merujuk kepada seorang akauntan yang bertauliah atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 29 adalah bertujuan meminda subseksyen 154(1) dengan memasukkan perenggan baru (eb) dan (ec) yang memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengeluarkan kaedah-kaedah mengenai ketetapan umum dan awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Fasal 30 bertujuan meminda Bahagian 1 Jadual 1 supaya kadar cukai bagi syarikat, badan amanah, wasi dan penerima dikurangkan daripada 28% kepada 27%.

Fasal 31 adalah bertujuan meminda Jadual 3 untuk mengemas kini nama Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengajian Tinggi selaras dengan penamaan semula kementerian berkenaan.

Fasal 32 adalah bertujuan:

- (a) untuk memasukkan subperenggan baru 15(3) Jadual 6 bagi memperjelaskan layanan cukai ke atas pampasan kerana kehilangan pekerjaan di bawah Skim Pemisahan Perkhidmatan Sukarela ataupun VSS;
- (b) memberi pengecualian cukai ke atas anugerah perkhidmatan yang diterima oleh pekerja dari majikan dalam bentuk pemberian tunai atau barangan yang tidak melebihi satu ribu bagi perkhidmatan lama, pencapaian lalu atau perkhidmatan cemerlang. Perkhidmatan lama merujuk kepada pekerja yang berkhidmat lebih dari sepuluh tahun dengan majikan yang sama;
- (c) meminda perenggan 33 Jadual 6 supaya pengecualian cukai ke atas faedah yang diterima oleh bukan pemastautin diperluaskan untuk merangkumi bukan sahaja keuntungan atau pendapatan faedah yang dibayar oleh institusi perbankan dan kewangan yang ditubuhkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 tetapi juga oleh institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 dan juga institusi kewangan yang lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan;

- (d) meminda perenggan 34 dan Jadual 6 supaya pengecualian cukai pendapatan yang dinikmati oleh anak kapal yang berkhidmat dengan Syarikat Perkapalan Malaysia di atas kapal Malaysia diperluaskan untuk merangkumi kapal asing yang disewa oleh majikannya.

Fasal 33 adalah bertujuan untuk meminda perenggan 5 dan 16 Jadual 7 bagi menyediakan peruntukan kredit cukai bilateral diberi ke atas pendapatan yang dikenakan cukai di negara asing.

Fasal 34 adalah bertujuan untuk meminda perenggan 3 Jadual 7A untuk memasukkan Perlis sebagai satu kawasan yang digalakkan.

Bab III - Pindaan Kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

Bab III terdiri daripada empat fasal iaitu Fasal 35 hingga 38 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Hartanah atau Tanah 1976 seperti berikut:

Fasal 35 adalah bagi mengatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan seperti berikut;

Fasal 36 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005.

Fasal 37 mula berkuat kuasa apabila mula berkuat kuasa Akta ini.

Fasal 38 berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

Fasal 36 bertujuan meminda seksyen 9 dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan memotong perkataan "orang itu" dalam subseksyen 3 untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi mengecualikan mana-mana orang daripada pengenaan cukai keuntungan atau hartanah tanpa melalui pewartaan.

Fasal 37 bertujuan meminda perenggan 15(3)(a) untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri membuat taksiran dalam tempoh 6 tahun bagi melaksanakan keputusan mahkamah apabila mahkamah memutuskan bahawa pendapatan daripada pelupusan bagi mana-mana aset adalah tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan bukannya tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 38 bertujuan untuk :

- (a) meminda perenggan 16 Jadual 2 supaya tarikh pelupusan bagi suatu kontrak bersyarat hendaklah dikira pada tarikh semua syarat dipenuhi;
- (b) memasukkan perenggan baru 17A Jadual 2 supaya pemindahan aset tetap kepada stok perdagangannya dianggap sebagai pelupusan dan dikenakan CKHT. Harga pelupusan adalah nilai pasaran pada tarikh aset itu dipindahkan menjadi stok.

Bab IV - Pindaan Kepada Akta Setem 1949

Bab IV mempunyai lapan fasal iaitu Fasal-fasal 39 hingga 46 yang bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut:

Fasal 39 menetapkan tarikh kuat kuasa bagi semua pindaan iaitu mulai 2 September 2006.

Fasal 40 adalah dipinda kepada seksyen 2 yang bertujuan untuk memasukkan takrif "perusahaan kecil" dan "sederhana".

Fasal 41 bertujuan meminda seksyen 5(A) bagi membolehkan "perusahaan kecil" dan "sederhana" menikmati kadar duti setem yang baru seperti yang dimaksudkan dalam pindaan kepada Butiran 27 Jadual Pertama.

Fasal 42 adalah pindaan kepada subseksyen 7(1) untuk mengadakan peruntukkan supaya bayaran duti setem atas mana-mana surat cara boleh ditunjukkan dengan menggunakan setem pelekat atau meletakkan suatu resit rasmi dengan surat cara tersebut.

Fasal 43 adalah bertujuan meminda seksyen 9 supaya bank, peniaga dan penanggung insurans menyimpan rekod berhubung dengan pengeluaran cek, nota kontrak atau polisi insurans bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh pengeluaran dokumen.

Fasal 44 bertujuan untuk meminda seksyen 57 bagi memotong perkataan bil pertukaran dalam perenggan (c) dan (e) memandangkan ia tidak lagi relevan dan terpakai di bawah akta ini.

Fasal 45 yang bertujuan meminda:

- (i) subseksyen 80 (1A) memperuntukkan bahawa Menteri boleh mengecualikan, mengurangkan atau 'meremake' duti setem yang digunakan ke atas semua surat cara berhubung dengan mana-mana skim;
- (ii) subseksyen 80(3) untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi memberi pengecualian, pengurangan atau peremitan di bawah subseksyen (1A) secara ke belakang.

Fasal 46 adalah dipinda kepada Butiran 27 Jadual Pertama akta untuk membolehkan kadar baru duti setem yang terpakai kepada surat cara pinjaman yang dilaksanakan oleh perusahaan kecil dan sederhana.

Bab V - Pindaan Kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

Bab ke-V yang hanya mempunyai tiga fasal iaitu Fasal-fasal 47 hingga Fasal 49 bertujuan meminda Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Fasal 47 menetapkan tarikh kuat kuasa bagi semua pindaan ialah mulai tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran berikutnya;

Fasal 49 adalah pindaan kepada subseksyen 16 (7E) supaya selaras dengan penamaan semula Kementerian Pelancongan;

Fasal 49 bertujuan untuk meminda:

- (a) subseksyen 22(1) untuk menaikkan amaun maksimum yang dibenarkan sebagai potongan bagi mana-mana derma daripada 5% kepada 7% daripada pendapatan *statutory*;
- (b) memasukkan subseksyen baru 22(1E) bagi membenarkan potongan ke atas perbelanjaan dalam bentuk wang atau bukan wang bagi sumbangan dan penajaan aktiviti kesukanan atau projek berkepentingan nasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan.

Bab VI - Pindaan Kepada Akta Cukai Jualan 1972

Bab ke-VI yang hanya mempunyai satu fasal iaitu fasal 50 bertujuan untuk meminda perenggan 31C(1)(b) dan subseksyen 31C(4) bagi membolehkan tempoh layak menuntut pulang balik cukai jualan berkaitan hutang lapuk dipendekkan daripada dua belas bulan kepada enam bulan selepas tarikh cukai dijelaskan. Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

Bab VII - pindaan kepada Akta cukai Perkhidmatan 1975.

Bab ketujuh yang hanya mempunyai satu fasal iaitu fasal 51, bertujuan untuk meminda perenggan 21b(i)(b) dan subseksyen 21b(4) bagi membolehkan tempoh layak menuntut pulang balik cukai perkhidmatan berkaitan hutang lapuk dipendekkan daripada 12 bulan kepada 6 bulan selepas tarikh cukai dijelaskan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Stem 1949, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

5.21 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi itu ada merangkumi pindaan ke atas akta-akta tersebut dengan meluas dan ini merupakan satu percukaian yang sangat rumit. Kalau dibenarkan untuk diluluskan tanpa perbahasan itu memang satu kesalahan yang besar.

Yang Berhormat, dengan percukaian daripada bukan sahaja dengan kastam bahkan juga dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, pihak Lembaga sudah menggunakan cara yang lebih moden dengan komputer, internet dan sebagainya saya nampaknya perkhidmatan mengenai menggunakan internet dan sebagainya, bayaran yang kurang sempurna. Saya hendak tahu bagaimana pihak Lembaga dapat mempertingkatkan perkhidmatan untuk bayaran melalui komputer dan sebagainya melalui internet? Kerana ini perlu kerana kalau kita ada sistem yang lebih sempurna, kutipan pun akan lebih dan ini untuk memberi kemudahan, kesenangan kepada pembayar cukai.

Yang keduanya iaitu mengenai sikap pegawai-pegawai, ada perubahan sedikit saya nampak tetapi saya berharaplah sikap piagam pelanggan itu mesti dikuatkuasakan, diamalkan kerana pembayar cukai bukan semua hendak elakkan cukai, bukan semuanya tidak munasabah. Sebab itulah saya berharap Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat mengamalkan piagam pelanggan untuk pembayar cukai kita ini. Di sini misalnya fasal 6, yang bertujuan untuk memotong subseksyen 6(a) di atas Akta 53. Dengan pemotongan yang dicadangkan, seseorang tidak lagi boleh menuntut riba bagi pembelian suatu komputer peribadi. Satu peruntukan baru dimasukkan ke dalam seksyen 46 akta 53 bagi *relief* berkenaan perkara yang sama. Di sini ada juga di dalam Fasal 17.

Selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 46(1)(j) ke dalam akta 53 untuk mengadakan peruntukan potongan maksimum sehingga RM3,000.00 kepada seseorang individu bagi pembelian komputer peribadi bukan lagi bagi tujuan perniagaannya sendiri. Potongan ini boleh dituntut sekali dalam tiap-tiap 3 tahun tafsiran. Saya kurang faham mengapa kita tetapkan 3 tahun? Mengapa kita tetapkan, kalau kita hendak menuntut, bukankah lebih mudah atau lebih munasabah kalau kita tetapkan menuntut sekali tiap-tiap tahun tafsiran. Mengapa kita gunakan 3 tahun? Ini satu kali sahaja. Kalau dalam 3 tahun, kita beli 3 komputer kerana Tuan Yang di-Pertua, komputer kita ini satu tahun setengah atau dua tahun, dia memang nak.. Kalau Yang Berhormat bagi Jerai itu, tak tahulah dia pakai komputer ataupun tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pakai *notebook*. Saya tidak pakai komputer, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Notebook*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya kah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia ada 3G telefon itu, ya? Tetapi, itulah satu tahun setengah itu atau dua tahun itu sudah ketinggalan zamanlah itu. Saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji. Kita hendak menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan komputer, bahkan sekarang itu atau menggunakan internet pun 24, 25 sahaja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Padang Rengas, dia tak guna komputer. Dia bagi Setiausaha dia. Itulah dia tak tahu, satu tahun setengah, tak boleh hendak digunakan. Dia sudah ketinggalan zaman sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payah tengok sanalah. Tengok di sini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tengok boleh juga. Sebab saya hendak galakkan itu Yang Berhormat bagi Jerai menggunakan komputer. Saya diberitahu, susahlah dia tak menggunakan komputer.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua. Sangkaan jahat 36(6) Menghina saya seolah-olah saya ini *out of date* punya manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada guna?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya guna komputer. Takkan saya hendak bawa macam *you* bawa sana sini. *[Ketawa]*. Kita guna komputer dan akal fikiran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tahu buka komputer kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Eh, sekarang ini dah pakai kecil dah. Tak payah bawa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa Yang Berhormat, bagi jalan. Ya Yang Berhormat bagi Kepong teruskanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Yang Berhormat bagi Kepong *out dated*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong jangan libatkan orang lainlah, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak, tak, tak. Saya hendak galakkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Fikirannya terkepung. *[Ketawa]*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekarang, komputernya tak begitu canggih. Kita fikir sahaja, dia boleh beroperasi. Tak boleh lagi mungkin masa hadapanlah Yang Berhormat bagi Jerai. Kerana dalam fikiran kita sekarang, tak boleh. Dia tak akan bergerak. Kita mesti menggunakan tangan juga sekarang.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, haramkah? Oh, ya. *[Ketawa]*. Kita mesti fikirkan tiap-tiap tiga tahun, satu kali dan mungkin kita kurang kepada satu tahun setengah ataupun tiap-tiap dua tahun. Ini lebih munasabahlah untuk komputer. Yang Berhormat bagi Jerai, dia nak bagi pelepasan rebet cukai itu untuk penggunaan komputer. *[disampuk]*.

Ya? Soalan itu kita hendak pendek. Kalau tempoh tiga tahun itu terlalu panjang, ya? Pendek kepada dua tahun ataupun satu tahun setengah. Kita menggalakkan rakyat Malaysia lebih ramai menggunakan komputer bahkan juga sekarang kalau hendak di seluruh negara tak sampai 25% yang menggunakan internet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Yang Berhormat bagi Kepong. Saya bagi pilihan hendak gulung sekarang ataupun kalau tak ada *point* boleh gulung..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak, tak, tak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya boleh bagi dua, tiga minit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak, tak, tak boleh dua, tiga minit. Tak boleh habis. Memang tak boleh habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita sambung minggu hadapanlah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, minggu hadapanlah. Baik, baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi, Isnin 11 Disember 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.